

13 Perkara
Yang Mencehari
Kemurnian
T a u h i d

Oleh

Hafiz Firdaus Abdullah

Judul:

13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid

Penulis, Format buku & Susun atur:

Hafiz Firdaus Abdullah

www.hafizfirdaus.com

019-384 8467

© Hafiz Firdaus Abdullah.

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2008

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa

15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,

81200 Johor Bahru,

Johor Darul Takzim,

Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

jahabers@tm.net.my

jahabers@starhub.net.sg

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Tauhid?	5
Kenapa Disebut “Pencemaran Kemurnian Tauhid”?	6
Ke Arah Tauhid Yang Benar-Benar Murni.	8
Sebuah Catatan.	10
13 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid:	
1. Menggelar Alam Ini Sebagai “Alam Semula Jadi”.	13
2. Menganggap Makhluk Wujud Melalui Proses Evolusi.	16
3. Menganggap Kesatuan Wujud Antara Allah Dan Makhluk.	25
4. Berjumpa Dengan Bomoh.	39
5. Membaca Horoscopes.	62
6. Mempercayai Sesuatu Yang Dapat Membawa Nasib Yang Baik Atau Buruk.	72
7. Menggunakan Tangkal dan Azimat.	78
8. Jampi-Jampian Yang Tidak Difahami.	89
9. Mengharapkan Pengaruh Makhluk Dalam Berdoa.	96

10. Mengubah Syari'at Allah.	126
11. Mencintai Sesuatu Sama Atau Lebih Dari pada Allah.	157
12. Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama	162
13. Menetapkan Keberkatan Tanpa Dalil	184
Luqman Mendahulukan Pendidikan Tauhid Kepada Anaknya.	206

Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Tauhid?

Apabila ditanya tentang maksud kalimah tauhid “La ila ha illaLlah”, yang difahami oleh kebanyakan kita ialah “tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah”. Ini adalah benar, namun ruang lingkup tauhid tidaklah terhad dalam konteks sembah sahaja. Ia adalah lebih luas meliputi apa yang dapat dikatakan sebagai “tiada yang dapat dianggap melakukan kerja-kerja tuhan melainkan Allah” atau “tiada yang mampu berperanan sebagai tuhan melainkan Allah”.

Dimaksudkan dengan “kerja-kerja atau peranan tuhan” ialah sesuatu yang dinilai oleh manusia sebagai kononnya mampu mencipta dari tiada kepada ada, mengurus alam, mengetahui hal ghaib, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan, mengabulkan doa, memberi pertolongan, menggubal syari’at dan sebagainya.

Oleh itu apabila kita bersaksi dengan kalimah tauhid “La ila ha illaLlah”, kita sebenarnya bersaksi bahawa tiada Tuhan atau apa-apa jua kecuali Allah yang mencipta dari tiada kepada ada, mengurus alam, mengetahui hal ghaib, menetapkan sesuatu kebaikan atau keburukan, mengabulkan doa, memberi pertolongan, menggubal syari’at dan sebagainya.

Setelah membaca penjelasan di atas, saya yakin para pembaca sekalian akan menyatakan bahawa itulah

tauhid yang disaksikan selama ini. Akan tetapi sadar atau tidak, ada beberapa perkara yang jika kita meyakinkannya atau melakukannya, akan mencemari kemurnian tauhid tersebut.

Kenapa Disebut "Pencemaran Kemurnian Tauhid"?

Tauhid yang murni adalah apabila keesaan Allah tidak disekutui dengan sesuatu apa jua. Firman Allah:

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua. [al-Nisa' 4:36]

Namun ramai di kalangan kita orang-orang yang beriman, di samping mentauhidkan Allah, tetap mempersekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain. Allah Subhanahu wa Ta'ala menerangkan hakikat ini:

Dan (orang-orang yang beriman kepada Allah), kebanyakan mereka tidak beriman kepada Allah melainkan mereka mempersekutukan-Nya juga dengan yang lain. [Yusuf 12:106]

Tindakan seperti inilah yang dimaksudkan sebagai pencemaran kemurnian tauhid, iaitu mencampur adukkan keimanan kepada tauhid yang murni dengan syirik. Firman Allah:

Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. [al-An'aam 6:82]

"Kezaliman" yang dimaksudkan dalam ayat 82 surah al-An'aam di atas adalah syirik, sepertimana yang dijelaskan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala melalui lisan Luqman:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar." [Luqman 31:13]

Ke Arah Tauhid Yang Benar-Benar Murni.

Berdasarkan ayat-ayat di atas, maka tujuan buku ini adalah mengajak para pembaca sekalian ke arah tauhid yang benar-benar murni. Ajakan ini adalah supaya kita menepati perintah Allah yang bermaksud: "...dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua." [al-Nisa' 4:36] Apabila kita menepati perintah ini, maka kita termasuk dalam golongan: "...mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan

merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk." [al-An'aam 6:82]

Terlebih penting adalah supaya kita semua terpelihara daripada dosa syirik, iaitu satu-satunya dosa yang tidak diampunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar. [al-Nisa 4:48]

Dalam mengajak para pembaca yang budiman sekalian ke arah tauhid yang benar-benar murni, saya telah memilih tiga belas perkara yang paling lazim berlaku di kalangan masyarakat kita yang mencemari kemurnian tersebut. Di luar sana mungkin wujud pencemaran tauhid yang lain, akan tetapi demi menjaga ketebalan buku dan kesesuaiannya kepada para pembaca umum, saya mencukupkannya kepada apa yang paling lazim berlaku sahaja.¹

¹ Buku ini pada awalnya diterbitkan pada tahun 2006 dengan tajuk

Sebuah Catatan.

Orang yang meyakini atau melakukan sesuatu yang mencemari kemurnian tauhid tidaklah dihukum sebagai orang musyrik secara serta merta. Manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah menghukum pada perbuatan, tidak pada pembuatnya. Ini kerana orang yang membuatnya mungkin:

1. Tidak tahu bahawa ia adalah satu kesalahan.
2. Terkeliru antara betul dan salah.
3. Terpaksa melakukannya.

Sebagai contoh, orang yang memakai tangkal tidak boleh dihukum sebagai orang musyrik secara serta merta. Ini kerana mungkin dia tidak tahu memakai tangkal adalah satu kesalahan, atau dia terikut-ikut dengan amalan orang ramai yang membolehkan memakai tangkal atau dia disuruh oleh ibubapanya untuk memakai tangkal. Maka tanggungjawab kita ialah menerangkan kepada dia bahawa memakai tangkal adalah salah satu perkara yang mencemari kemurnian tauhid tanpa menghukum dia sebagai orang yang musyrik.

11 Perkara Yang Mencemari Kemurnian Tauhid.

Dengan itu ingin digariskan bahawa buku ini tidak bertujuan menghukum sesiapa sebagai orang musyrik. Tujuannya adalah menerangkan perbuatan yang mencemari kemurnian tauhid tanpa menghukum sesiapa sebagai orang musyrik.

Catatan ini adalah penting kerana ramai di kalangan umat Islam yang tidak mampu membezakan antara perbuatan dan pembuatnya, sehingga menganggap kedua-duanya adalah sama. Perkara ini juga berlaku kepada urusan yang lain. Contohnya, apabila melihat seseorang minum arak, tidak boleh menghukumnya sebagai orang kafir. Ini kerana mungkin dia tidak tahu bahawa minum arak adalah satu larangan agama, atau dia tidak sedar bahawa apa yang sedang diminumnya adalah arak atau dia dalam suasana amat dahaga sehingga terpaksa minum apa jua yang ditemuinya. Maka tanggungjawab kita ialah menerangkan kepadanya bahawa minum arak adalah larangan agama tanpa menghukumnya sebagai orang kafir.

Contoh kedua, apabila mendapati sebuah syarikat yang tidak mengamalkan syari'at Islam dalam pengurusan mereka, tidak boleh menghukum pihak pengurus dan warga kerjanya sebagai kafir. Ini kerana mungkin mereka tidak tahu bahawa syari'at Islam turut meliputi cara

pengurusan syarikat, atau mereka terkeliru dalam cara penerapan syari'at Islam, atau mereka dihalang oleh para pemegang saham daripada melaksanakan syari'at Islam dalam pengurusan syarikat. Maka tanggungjawab kita ialah menerangkan kepada mereka, termasuk para pemegang saham, bahawa syari'at Islam meliputi cara pengurusan syarikat tanpa menghukum mereka sebagai orang kafir.

Contoh lain, apabila mendapati seorang yang sedang berpuasa sunat bulan Rejab, tidak boleh menghukumnya sebagai ahli bid'ah yang bakal menduduki neraka. Ini kerana mungkin dia tidak tahu bahawa semua hadis fadilat Rejab adalah dha'if, atau dia terkeliru dengan pendapat orang ramai bahawa konon boleh mengamalkan hadis dha'if tanpa diperhatikan syarat-syaratnya. Maka tanggungjawab kita ialah menerangkan kepadanya bahawa puasa sunat bulan Rejab adalah bid'ah tanpa menghukum dia sebagai ahli bid'ah.

Demikian beberapa contoh bagi membezakan antara perbuatan dan pembuatnya. Sekali lagi diulangi bahawa manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam hal ini adalah menghukum perbuatan manakala hukum bagi pembuatnya ditangguhkan sehingga diperhatikan faktor-faktor yang melatar belakangi pembuat tersebut.

Hafiz Firdaus Abdullah

22 Jun 2008

Pencemaran # 1:

Menggelar Alam Ini Sebagai "Alam Semula Jadi".

Sebahagian orang ada yang menggelar alam ini sebagai "alam semula jadi". Contohnya, ketika berkelah di taman, mendaki gunung, meneroka hutan atau berdayung, ada di antara kita yang berkata "Kami sedang mengecapi kecantikan alam semula jadi" atau "Sungguh indah alam semula jadi ini". Selain itu ada juga yang menggelar alam ini sebagai "Mother Nature" kerana terikut-ikut kepada gelaran yang biasa digunakan oleh orang Barat.

Sebenarnya ini adalah gelaran yang salah kerana alam ini tidak terjadi dengan sendirinya. Alam ini adalah ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah berfirman:

Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Dia bersemayam di atas Arasy; Dia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan

deras (silih berganti) dan (Dia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam. [al-A'raaf 7:54]

Malah keindahan alam ini sepatutnya menjadi faktor yang mengingatkan seseorang kepada penciptanya, tidak sebaliknya. Allah Subhanahu wa Ta'ala mengingatkan kita:

Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintah langit dan bumi, dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal;

(laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata):

“Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha

Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka." [Ali Imran 3:189-191]

Oleh itu tidak sepatutnya kita menggelar alam ini sebagai "semula jadi", tetapi sebutlah ia sebagai "alam ciptaan Allah".

Pencemaran # 2:

Menganggap Makhluk Wujud Melalui Proses Evolusi.

Para pengkaji bukan Islam menganggap makhluk yang wujud masa kini, termasuklah manusia, semuanya terhasil melalui proses evolusi. Semua makhluk asalnya wujud dalam bentuk satu sel, kemudian dalam masa ratusan tahun, ia berevolusi menjadi makhluk-makhluk yang lain sehinggalah kepada apa yang wujud masa kini.

Sayang sekali teori ini juga telah menyelinap masuk dalam pemikiran orang Islam. Banyak sumber yang menerang dan membenarkan teori evolusi sehingga sebahagian umat Islam menganggap ia sebagai penemuan

yang muktamad.²

Sebenarnya teori evolusi tidak lain adalah teori semata-mata bagi menjustifikasi kebingungan kaum Athies yang tidak mempercayai wujudnya Tuhan yang Maha Pencipta.³ Mereka mencari-cari asal usul kewujudan makhluk melalui pemikiran dan fakta sains. Apabila tidak ditemui jawapan yang muktamad, mereka mencipta teori evolusi bagi menyatakan asal usul kewujudan makhluk.

Tanpa disedari, teori evolusi juga tidak memberikan jawapan yang muktamad kepada mereka. Paling kurang terdapat tiga persoalan yang masih membingungkan mereka:

² Ini tidaklah bermaksud kita menolak sumber-sumber tersebut. Akan tetapi hendaklah kita mengkaji dan menganalisanya. Sebagai contoh siri dokumentari saluran satelit *National Geographic* dan *Discovery Channel* memiliki manfaat yang banyak di dalamnya. Akan tetapi kedua-dua saluran ini adalah di antara yang mempercayai teori evolusi dan banyak mewar-warkannya dalam dokumentari mereka. Oleh itu hendaklah kita menonton dengan sikap menganalisa antara yang baik dan buruk, benar dan salah.

³ Teori evolusi yang dipersoalkan di sini ialah sel satu makhluk berevolusi menjadi sel makhluk yang berbeza, seperti sel kera yang berevolusi menjadi sel manusia dan sel dinosor yang berevolusi menjadi sel badak, buaya, gajah dan sebagainya. Adapun evolusi dalam bentuk pembiakan sel, maka memang ia diakui. Seperti satu sel manusia yang berkembang biak menjadi beberapa sel atau satu sperma yang berkembang biak menjadi janin, kemudian bayi, kemudian manusia yang bertahap-tahap umurnya dari kanak-kanak sehingga ke tua.

1. Jika benar semua makhluk asalnya berevolusi daripada satu sel, bagaimana pula sel yang pertama tersebut boleh wujud pada asalnya?
2. Jika benar sel tersebut berevolusi menjadi makhluk-makhluk tertentu, apakah yang menyebabkan sel tersebut mampu berevolusi?
3. Jika benar sel tersebut berevolusi, apakah kuasa yang mengatur proses tersebut sebegitu lancar sehingga mampu membentuk makhluk yang sempurna? Seandainya proses evolusi berlaku dengan sendirinya, sudah tentu hasil evolusi adalah tidak teratur, menjauhi sifat kesempurnaan.

Bagi kita orang Islam, semua makhluk termasuk manusia tidak terhasil melalui proses evolusi. Akan tetapi ia adalah ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Allah menerangkan tentang awal penciptaan manusia:

Dan (ingatlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh-Ku, maka hendaklah kamu sujud

kepadanya." [al-Hijr 15:28-29]

Demikian juga dengan penciptaan makhluk yang lain seperti binatang, Allah berfirman:

Dia (Allah) menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan Dia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya bumi itu tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Dia biakkan padanya pelbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat. [Luqman 31:10]

Jika golongan athies bertanya, siapa atau apa yang mencipta Allah? Kami menjawab, "mencipta" adalah sifat Allah manakala "dicipta" bukan sifat Allah. Memang setiap sesuatu makhluk memiliki asal usulnya, akan tetapi Allah bukanlah seumpama makhluk sehingga dengan itu dapat dibicarakan asal usulnya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat; Dia tiada beranak dan Dia pula tidak

diperanakkan; Dan tidak ada apa jua yang serupa dengan-Nya." [al-Ikhlâs 112:1-4]

Jika golongan yang percaya dengan teori evolusi bertanya, bagaimana dengan penemuan-penemuan fosil yang menunjukkan kesamaan yang amat hampir antara sebahagian spesis kera tertentu dan manusia zaman terdahulu?

Kami menjawab, bahawa ia terdiri daripada dua kemungkinan:

1. Kesamaan yang amat hampir itu hanyalah satu kebetulan. Namun kesamaan fosil tidaklah bererti kesamaan jenis makhluk. Ini kerana penemuan fosil tidak dapat menentukan samada "pemilik" fosil tersebut adalah makhluk berakal atau tidak. Digariskan bahawa perbezaan antara manusia dan haiwan ialah manusia dianugerahkan Allah dengan akal yang dengan itu dia dapat memilih pelbagai tindak-tanduk. Manakala haiwan tidak diberi akal, mereka hanya bertindak berdasarkan kebiasaan tabiat dan fitrah yang dianugerahkan oleh Allah.
2. Kesamaan yang amat hampir itu mungkin benar, akan tetapi ia tidak membuktikan bahawa spesis kera tersebut telah berevolusi menjadi manusia.

Akan tetapi manusialah yang berevolusi menjadi spesies kera tersebut. Ini kerana al-Qur'an telah sedia mencatat sebahagian manusia yang oleh kerana tindakan mereka melanggar hukum Allah, mereka dihukum dengan perubahan menjadi kera. Ayat berikut menjadi rujukan:

Dan sesungguhnya kamu telah mengetahui (bagaimana buruknya akibat) orang-orang di antara kamu yang melanggar (larangan) pada hari Sabtu, lalu Kami berfirman kepada mereka: "Jadilah kamu kera yang hina".

Maka Kami jadikan apa yang berlaku itu sebagai suatu hukuman pencegah bagi orang-orang yang ada pada masa itu dan orang-orang yang datang kemudian, dan suatu pengajaran bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa. [al-Baqarah 2:65-66]

Perhatikan juga bahawa tujuan Allah menghukum mereka menjadi kera tidak sekadar sebagai peringatan kepada orang-orang yang hidup pada saat itu, tetapi juga kepada orang-orang yang hidup selepas itu. Maka penemuan fosil masa kini yang menunjukkan kesamaan antara sebahagian spesies kera dengan manusia menjadi bukti akan

kebenaran ayat-ayat al-Qur'an di atas. Lebih penting, ia menjadi peringatan kepada manusia secara umum dan orang bertaqwa secara khusus bahawa akibat daripada melanggar perintah larangan Allah adalah amat berat.⁴

Kembali kepada perbincangan asal, kewujudan makhluk-makhluk adalah hasil daripada ciptaan Allah dan

⁴ Sebahagian ahli tafsir berpendapat, manusia tidak ditukar menjadi kera akan tetapi tingkah-laku mereka yang ditukar menjadi seperti kera. Saya berkata, jika demikian maka hal itu hanya akan menjadi peringatan kepada orang pada zaman tersebut dan tidak kepada orang zaman terkemudian. Memandangkan ayat 66 menerangkan bahawa hukum pertukaran manusia menjadi kera adalah peringatan kepada orang zaman itu dan terkemudian, maka yang ditukar adalah jasad dan tingkah-laku supaya orang terkemudian dapat mengambil peringatan daripada penemuan fosilnya.

Walaupun bagaimanapun ditarik benang merah bahawa apa yang saya sebut di atas hanyalah satu kemungkinan yang masih perlu dibuktikan secara ilmiah. Semua ini membuka ruang yang luas lagi baru kepada para pengkaji Islam. Kita tidak boleh berharap kepada para pengkaji bukan Islam kerana seandainya mereka menemui bukti ilmiah bahawa spesies kera tertentu sebenarnya berasal daripada manusia, nescaya mereka akan menyembunyikannya. Menyatakan penemuan ini kepada orang ramai akan membuktikan kebenaran al-Qur'an dan sekali gus Islam dan ini sudah tentu tidak diingini oleh para pengkaji bukan Islam.

Selain manusia yang ditukar menjadi kera, ada juga sebahagian lain yang ditukar menjadi khinzir. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, maksudnya: ***Katakanlah: "Mahukah, aku khabarkan kepada kamu tentang yang lebih buruk balasannya di sisi Allah daripada yang demikian itu? Iaitu orang-orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkai-Nya, dan orang-orang yang dijadikan di antara mereka sebagai kera dan babi."*** [al-Maidah 5:60]

bukannya daripada proses evolusi. Lebih dari itu, kehadiran makhluk-makhluk ini sepatutnya menjadi isyarat kepada manusia akan kekuasaan Allah yang mencipta semuanya. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Sesungguhnya pada langit dan bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang beriman. Dan pada kejadian diri kamu sendiri, serta (pada kejadian) segala binatang yang dibiakkan-Nya, terdapat juga tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang meyakini-Nya. Dan (pada) pertukaran malam dan siang silih berganti, dan juga (pada) rezeki yang diturunkan oleh Allah dari langit, lalu Dia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta (pada) peredaran angin, (semuanya itu mengandung) tanda-tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu menggunakan akal fikiran. [al-Jathiyah 45:3-5]

Pencemaran # 3:

Menganggap Kesatuan Wujud Antara Allah Dan Makhluk.

Jika sebelum ini kita membicarakan teori yang mengatakan kewujudan semua makhluk adalah hasil evolusi daripada satu sel, maka di sini kita akan bicarakan pula teori yang mengatakan yang wujud hanya Allah sementara kewujudan selain Allah hanyalah prespektif manusia terhadap kewujudan sebenar, iaitu wujud Allah. Fahaman ini dikenali sebagai *Wahdah al-Wujud* atau kesatuan wujud antara Allah dan makhluk (*Oneness of Being*).

Fahaman ini berasal daripada agama-agama lain, termasuk pemikiran beberapa ahli falsafah Yunani lama. Lalu ia diambil oleh beberapa individu Islam dan diislamkan dengan solekan beberapa ayat al-Qur'an dan hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sehingga menjadilah ia "Fahaman versi Islam".⁵

⁵ Lazimnya fahaman *Wahdah al-Wujud* disandarkan kepada ilmu tasawuf. Pada analisa saya, fahaman ini pada masa kini tidak sahaja dipegang oleh sebahagian ahli tasawuf tetapi juga oleh sebahagian ahli

“Fahaman versi Islam” mendakwa:

Apa yang selama ini dianggap wujud oleh manusia sebenarnya hanyalah satu prespektif yang dibentuk oleh deria-derianya seperti pandangan, pendengaran, bau, rasa, sentuhan, pengetahuan dan sebagainya. Prespektif ini muncul kerana manusia pada kebiasaannya tidak mampu untuk menjangkau sesuatu yang melebihi apa yang dapat dijangkau oleh deria-derianya. Jika mereka berjaya menjangkauinya, mereka akan menembusi ke satu alam yang berbeza daripada apa yang selama ini dibentuk oleh deria-deria mereka. Dari penembusan tersebut, mereka akan sedar bahawa apa yang selama ini dianggap wujud sebenarnya tidak wujud. Akan tetapi yang wujud ialah Allah sahaja.

Setelah mengetahui akan hakikat ini, maka seseorang itu akan mencapai kemurnian tauhid yang sebenar, iaitu tidak ada apa-apa jua melainkan Allah.

fikir, teologis dan lain-lain yang tiada kaitan dengan ilmu atau tareqat tasawuf. Adapun fahaman *Wahdah al-Wujud* dalam ilmu tasawuf, tidak semuanya adalah tercela. Sila rujuk kertas kerja saya *Pandangan Ibn Taimiyyah Dalam Tasawuf* dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 6)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

Dengan itu juga manusia tidak perlu beribadah dan melaksanakan perintah larangan Allah. Ini kerana jika yang wujud hanya Allah, maka wujud manusia adalah sebahagian daripada wujud Allah. Oleh itu segala ibadah dan perintah larangan dinilai sifar kerana Allah tidak perlu beribadah kepada Allah dan Allah tidak diperintah atau dilarang oleh Allah. Ganjaran syurga dan azab neraka juga menjadi sifar kerana ia tidak lain adalah Allah jua.

Jelas bahawa fahaman Wahdah al-Wujud menyelisih seluruh risalah tauhid dan syari'at Islam. Ini kerana:

1. Risalah tauhid yang ditetapkan oleh Allah ialah "Tiada Tuhan melainkan Allah" dan bukannya "Tiada apa-apa jua melainkan Allah." Apabila dikatakan "Tidak ada apa-apa jua melainkan Allah", bererti menyatukan segala sesuatu dengan Allah. Ini bukanlah pemurniaan tauhid tetapi pencemaran besar-besaran terhadap tauhid. Malah ini lebih buruk daripada teori Trinity yang dipegang oleh kaum Kristian. Sebabnya, teori Trinity hanya menyatukan 3 perkara dalam Tuhan manakala teori Wahdah al-Wujud menyatukan segala-galanya

dalam Tuhan.

2. Teori Wahdah al-Wujud mensia-siakan sifat Allah. Ini kerana dengan sifat-sifat-Nya-lah Allah mencipta makhluk (al-Khaliq), mengasihinya (al-Rahman), memberi rezeki (al-Razzaq) dan pelbagai lagi. Jika dikatakan tidak ada yang wujud melainkan wujud Allah, maka segala sifat Allah menjadi sia-sia kerana ia selama ini ditujukan kepada sesuatu yang tidak wujud. Sifat al-Khaliq adalah sia-sia kerana Allah sebenarnya tidak mencipta apa-apa, Sifat al-Rahman adalah sia-sia kerana Allah sebenarnya tidak mengasihi apa-apa. Sifat al-Razzaq adalah sia-sia kerana Allah tidak memberi rezeki kepada apa-apa. Maha Suci Allah daripada teori Wahdah al-Wujud ini.
3. Allah juga mengajar manusia untuk mengenal-Nya dengan memerhatikan kewujudan makhluk ciptaan-Nya, bukan bersatu dengan-Nya dengan menafikan kewujudan makhluk ciptaan-Nya. Oleh kerana itu Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda:

تَفَكَّرُوا فِي خَلْقِ اللَّهِ، وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ.

Berfikirlah tentang ciptaan Allah dan

janganlah berfikir tentang Allah.⁶

4. Allah juga mengutus para Rasul, termasuk Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam untuk mengajar manusia syari'at Islam. Maka yang dituntut ialah mentaati syari'at Islam dan bukan menyatu dengan syari'at Islam sehingga menjadikan ia sifar (saling membatalkan antara satu sama lain).

Dari sini jelas juga bahawa fahaman Wahdah al-Wujud adalah salah satu penipuan syaitan bagi menyesatkan manusia daripada mentauhidkan Allah dan daripada melaksanakan syari'at-Nya. Adapun yang disebut-sebut sebagai penembusan ke "alam baru" yang bebas daripada prespektif deria, ia tidak lain adalah alam syaitaniyah yang lebih canggih daripada alam sebelumnya. Malah boleh dikatakan bahawa fahaman Wahdah al-Wujud adalah kejayaan syaitan yang terbesar dalam menyesatkan manusia. Sebabnya, fahaman Wahdah al-Wujud berjaya menafikan manusia daripada mentauhidkan Allah dan melaksanakan syari'at-Nya. Ini adalah kejayaan "dua dalam satu" bagi syaitan.

⁶ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Nu'aim di dalam *Hilyah al-Auliya'* dan disebut oleh al-Suyuthi di dalam *al-Jami al-Shagheir* – hadis no: 3349. Ia dinilai hasan oleh al-Albani di dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 1788.

Mereka yang mempercayai fahaman Wahdah al-Wujud lazimnya akan mengemukakan beberapa dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah untuk membenarkan. Berikut dianalisa tiga dalil mereka yang paling masyhur:

Pertama:

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Allah adalah cahaya langit dan bumi. [al-Nur 24:35]

Penegak fahaman Wahdah al-Wujud mendakwa bahawa banyak ahli sains, khasnya ahli fizik (physicist) masa kini telah menemui bahawa yang sebenarnya wujud dalam alam ini ialah gelombang cahaya (light waves). Gelombang cahaya inilah dengan segala ciri-cirinya yang menakjubkan, membentuk atom-atom yang membentuk objek dan makhluk. Maka apa yang ditemui oleh para ahli sains ini sebenarnya membuktikan bahawa yang sebenarnya wujud hanyalah Allah kerana Allah telah berfirman: Allah adalah cahaya langit dan bumi. [al-Nur 24:35]⁷

Analisa:

⁷ Di antaranya, sila rujuk: http://muslim-canada.org/Islamic_Mysticism.html

Allah Subhanahu wa Ta'ala bukanlah cahaya kerana Allah tidak menyerupai apa jua yang wujud di alam ini. Allah menegaskan:

Dan tidak ada apa jua yang serupa dengan-Nya." [al-Ikhlâs 112:1-4]

Akan tetapi cahaya merupakan salah satu sifat Allah. Hasil daripada sifat cahaya inilah Allah memberi cahaya keterangan kepada alam ini dan cahaya petunjuk kepada hamba-hamba-Nya yang mencarinya.⁸

Ini sebagaimana al-Khaliq (Maha Mencipta) adalah salah satu daripada sifat Allah di mana hasil daripada sifat ini Allah mencipta segala yang ada, seperti bumi ini. Akan tetapi bumi ini bukanlah Allah, ia hanya hasil daripada ciptaan Allah. Demikian juga, al-Rahman (Maha Menyayangi) adalah salah satu daripada sifat Allah di mana hasil daripada sifat ini Allah mengasihi segala makhluk-Nya. Akan tetapi makhluk yang dikasihi itu bukanlah Allah, mereka hanya merasa hasil

⁸ Lebih lanjut rujuk *al-Asma al-Husna* oleh Umar Sulaiman al-Asyqar (edisi terjemahan oleh Syamsuddin dan Hasan Suaidi daripada judul asal *Asma' Allah al-Husna al-Hadiyah ila Allah wa al-Marefah bihi*; Qisthi Press, Jakarta, 2004), ms. 285-296.

daripada kasih sayang Allah.

Adapun penemuan para ahli sains bahawa yang sebenarnya wujud dalam alam ini ialah gelombang cahaya, maka gelombang cahaya tersebut adalah salah satu hasil daripada cahaya Allah. Malah ia mungkin adalah salah satu ciptaan Allah jua sebagai al-Khaliq. Gelombang cahaya tersebut bukanlah Allah tetapi membuktikan kewujudan Allah. Ini kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala sedia meletakkan tanda-tanda-Nya di seluruh alam yang dengan itu manusia akan menemui bukti kewujudan-Nya:

Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Al-Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu? [al-Fussilat 41:53]

Kedua:

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Dia-lah (Allah) Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Zahir serta Yang Batin. [al-Hadid 57:03]

Penegak fahaman Wahdah al-Wujud mendakwa ayat di atas membuktikan bahawa Allah adalah segala-galanya. Justeru tidak wujud apa jua melainkan wujud Allah.

Analisa:

Maksud sebenar ayat di atas telah dijelaskan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الْآخِرُ
فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ وَأَنْتَ الظَّاهِرُ فَلَيْسَ فَوْقَكَ
شَيْءٌ وَأَنْتَ الْبَاطِنُ فَلَيْسَ دُونَكَ شَيْءٌ.

Ya Allah! Engkau-lah yang Awal yang tiada sesuatu jua sebelum Engkau, Engkau-lah yang Akhir yang tiada sesuatu jua selepas Engkau, Engkau-lah yang Zahir yang tiada sesuatu jua di atas Engkau dan Engkau-lah yang Batin yang tiada sesuatu jua di bawah Engkau.⁹

⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no:

Ayat di atas dan hadis yang menjelaskannya menunjukkan bahawa al-Awal, al-Akhir, al-Zahir dan al-Batin adalah sifat-sifat Allah Subhanahu wa Ta'ala:

1. al-Awal bermaksud keberadaan Allah yang pertama sebelum segala sesuatu tanpa Dia sendiri memiliki permulaan.
2. al-Akhir bermaksud keberadaan Allah yang terakhir setelah segala sesuatu tanpa Dia sendiri memiliki pengakhiran.
3. al-Zahir bermaksud kebesaran Allah dalam mencipta segala ciptaan-Nya, dimana tidak ada apa jua yang mampu menandingi kebesaran tersebut.
4. al-Batin bermaksud kehalusan Allah dalam mengurus segala ciptaan-Nya, dimana tidak ada apa jua yang mampu menandingi kehalusan tersebut.

Ayat ketiga surah al-Hadid di atas tidak menunjukkan bahawa segala sesuatu adalah Allah, tetapi keunggulan Allah berbanding segala sesuatu. Malah ayat ini membuktikan bahawa tiada apa-apa yang dapat bersatu dengan Allah kerana Allah

2713 (*Kitab al-Zikr wa al-Dua'....., Bab apa yang dikatakan ketika hendak tidur.....*).

mengungguli segala-galanya.

Ketiga:

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh-Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadanya." [al-Hijr 15:28-29]

Menurut para penegak fahaman Wahdah al-Wujud, apabila Allah meniup roh-Nya ke dalam manusia, bererti Allah wujud di dalam manusia. Lebih jauh, ayat ini menunjukkan bahawa setiap ciptaan Allah memiliki "sebahagian" daripada Allah di dalamnya. Oleh itu yang sebenarnya wujud ialah Allah.

Analisa:

Apabila Allah meniup roh-Nya ke dalam manusia yang dicipta-Nya, roh tersebut bukanlah sebahagian daripada Allah. Ini kerana Allah tidak

memiliki roh. Akan tetapi yang sebenarnya ditiup ialah roh ciptaan-Nya.

Sebagai contoh, apabila seorang pereka fesyen memberi baju ciptaan terbarunya kepada pihak majalah, dia berkata: "Nah! Inilah baju terbaru aku." Kata-kata ini tidaklah bererti baju tersebut adalah sebahagian daripada pereka fesyen akan tetapi bererti baju tersebut adalah ciptaan dia. Demikian juga, apabila Allah berfirman: "Aku tiupkan padanya roh-Ku", ia tidaklah bererti roh tersebut adalah sebahagian daripada Allah tetapi bererti roh tersebut adalah ciptaan Allah.

Demikian tiga ayat yang lazim digunakan untuk membenarkan fahaman Wahdah al-Wujud. Ada beberapa lagi ayat al-Qur'an dan hadis yang lazim digunakan. Akan tetapi dengan sedikit penelitian yang mudah, akan didapati bahawa ayat-ayat dan hadis-hadis tersebut tidak ada kaitan langsung dengan fahaman Wahdah al-Wujud.

Perkara penting yang perlu diperhatikan oleh para pembaca sekalian adalah, fahaman Wahdah al-Wujud muncul lebih tiga atau empat abad selepas kewafatan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Ini sudah cukup sebagai petanda bahawa fahaman ini bukan berasal dari Islam tetapi dari sumber yang asing. Ia tidak termasuk

dalam kesempurnaan Islam yang Allah maksudkan dalam firman-Nya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. [al-Maidah 5:03]

Pencemaran # 4:

Berjumpa Dengan Bomoh.

Di antara perbuatan yang mencemari kemurnian tauhid ialah berjumpa dengan bomoh, dukun, pawang, penilik nasib atau sesiapa jua yang mendakwa mengetahui ilmu-ilmu ghaib.

Berjumpa dengan orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dapat mencemari kemurnian tauhid kerana pengetahuan tentang ilmu ghaib hanya milik Allah Subhanahu wa Ta'ala. Apa yang dimaksudkan dengan ilmu ghaib ialah pengetahuan yang tidak dapat diperolehi melalui deria manusia, seperti khabar yang akan datang, isi hati manusia dan peristiwa yang tersembunyi. Pengetahuan tentang ilmu-ilmu ini hanya dimiliki oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagaimana firman-Nya:

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia-lah sahaja. [al-An'aam 6:59]

Katakanlah: "Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!" [al-Naml 27:65]

Pengetahuan tentang ilmu ghaib juga tidak diketahui oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Allah

Subhanahu wa Ta'ala menerangkan hakikat ini:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak berkuasa mendatangkan manfaat bagi diriku dan tidak dapat menolak mudarat kecuali apa yang dikehendaki Allah.

Dan kalau aku mengetahui perkara-perkara yang ghaib, tentulah aku akan mengumpulkan dengan banyaknya benda-benda yang mendatangkan faedah dan (tentulah) aku tidak ditimpa kesusahan." [al-A'raaf 7:188]

Apa-apa ilmu ghaib yang diketahui dan dikhabarkan oleh Rasulullah di dalam hadis-hadis baginda yang sahih seperti kejadian pada akhir zaman, kehidupan di alam kubur, suasana Hari Akhirat dan sebagainya, semua itu adalah daripada apa yang dikhabarkan oleh Allah kepada baginda:

Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Dia tidak memberitahu perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapaupun; melainkan kepada mana-mana Rasul yang diredhai-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya). [al-Jin 72:26-27]

Oleh itu sesiapa yang mendakwa dirinya mengetahui ilmu ghaib, dia seorang pendusta. Lebih dari itu dia sebenarnya cuba menjadi sekutu bagi Allah dengan meletakkan dirinya sejajar dengan keilmuan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Oleh kerana itulah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melarang kita daripada mengunjungi orang-orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib. Seorang sahabat, Muawiyah bin al-Hakam radhiallahu 'anh pernah bertanya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

يَا رَسُولَ اللَّهِ! أُمُورًا كُنَّا نَصْنَعُهَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ
كُنَّا نَأْتِي الْكُهَّانَ. قَالَ: فَلَا تَأْتُوا الْكُهَّانَ.

“Wahai Rasulullah! Ada perkara yang kami lakukan semasa zaman Jahiliyyah (seperti) mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib.” Rasulullah menjawab: “Jangan mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib.”¹⁰

Dalam hadis di atas, orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dikenali sebagai (الْكُهَّانُ). Perkataan (الْكُهَّانُ) atau (كُهَّانَةٌ) adalah jamak daripada perkataan (كَاهِنٌ).

¹⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 537-1 (*Kitab al-Salam, Bab larangan menilik nasib...*).

Al-Allamah Syam al-Haq Abadi menjelaskan:¹¹

Disebut di dalam al-Lisan (oleh Ibn Manzur) bahawa ia adalah orang yang memperoleh khabar daripada alam sekelilingnya tentang hal-hal yang akan berlaku dan mendakwa mengetahui perkara-perkara rahsia maka di antara mereka ialah orang-orang yang mendakwa memiliki jin yang mengikuti mereka dan menyampaikan khabar kepadanya dan di antara mereka ialah orang-orang yang mendakwa mengetahui sesuatu urusan berdasarkan pendahuluan sebab-sebab yang menunjuk ke arahnya melalui perkataan atau perbuatan atau hal tertentu. Berkata Ibn Atsir, sabda baginda: "Sesiapa yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib" merangkumi bomoh, tukang ramal dan penilik nasib.

Larangan mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib adalah larangan yang besar sebagaimana hadis berikut daripada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

¹¹ *'Aun al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Daud* (Dar al-Fikr, Beirut, 1995), jld. 10, ms. 317-318.

مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ
أَرْبَعِينَ لَيْلَةً.

Sesiapa yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dan bertanya kepada dia sesuatu maka tidak akan diterima solatnya selama empat puluh malam.¹²

Perkataan (عَرَّافًا) yang disebut di dalam hadis di atas memiliki maksud yang hampir sama dengan (الْكُهَّانَ) yang disebut dalam hadis sebelumnya. Muhammad bin Shalih al-Utsaimin menerangkan:¹³

Dikatakan, (العَرَّافُ) adalah (الكَاهِنُ), iaitu orang yang sering memberitahu tentang khabar yang akan terjadi. Ada yang mengatakan ia adalah nama umum meliputi dukun, ahli nujum dan orang-orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib.

Perhatikan semula hadis di atas, Rasulullah tetap melarang kita mengunjungi orang yang mendakwa

¹² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 2230 (*Kitab al-Salam, Bab larangan menilik nasib...*).

Hadis ini tidaklah bermaksud orang itu tidak perlu bersolat selama 40 malam. Dia tetap wajib mendirikan solat seperti biasa sebagai kewajipan dirinya. Hanya dia tidak menerima pahala daripada solat itu.

¹³ *Qaul al-Mufid ‘ala Kitab al-Tauhid* (Dar Ibn al-Jauzi, Riyadh, 1424H), jld. 1, ms. 532.

mengetahui ilmu ghaib atau bertanya sesuatu kepadanya sekalipun kita tidak mempercayai apa yang dikatakan olehnya. Terdapat beberapa sebab di sebalik larangan ini:

1. Pengetahuan tentang ilmu ghaib hanya diketahui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Apabila seseorang itu mendakwa dirinya mampu mengetahui ilmu ghaib, maka dia meletakkan dirinya sejajar dengan Allah.
2. Apabila seorang muslim mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib, bererti dia mengiktiraf orang tersebut sebagai mampu mengetahui hal ghaib. Sepatutnya seorang muslim menolak orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib dan tidak mengunjunginya kecuali untuk memberi nasihat akan kesalahan tindak tanduknya.
3. Sekalipun pengunjung pada awalnya tidak mempercayai khabar yang diberikan oleh orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib, dia kemudian akan mempercayai orang tersebut jika khabar yang diberikannya menjadi sesuatu yang benar-benar berlaku. Ini akhirnya akan mengakibatkan pengunjung membenarkan apa yang dikhabarkan oleh orang tersebut.

Akhir sekali, jika seseorang itu membenarkan khabar orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib, ia membawa natijah yang amat berat. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam memberi amaran yang keras dalam hal ini:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ أَوْ أَتَى امْرَأَتَهُ حَائِضًا أَوْ أَتَى امْرَأَتَهُ فِي دُبُرِهَا فَقَدْ بَرَى مِمَّا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ.

Sesiapa yang mengunjungi orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib lalu membenarkannya atau menyetubuhi isterinya yang sedang haid atau menyetubuhi isterinya dari duburnya, maka dia telah lepas (keluar) daripada apa yang diturunkan ke atas Muhammad (yakni Islam).¹⁴

Di Malaysia, orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib, atau ringkasnya bomoh¹⁵, terbahagi kepada

¹⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 3904 (*Kitab al-Tibb, Bab berkenaan penilik nasib*).

¹⁵ Bomoh itu sendiri terbahagi kepada dua jenis:

1. Mereka yang hanya melibatkan diri dalam perubatan tradisional dan mengurut tanpa ada apa-apa kaitan dengan ilmu ghaib. Perbincangan dalam bab ini tidak melibatkan bomoh jenis pertama ini.

dua kategori:

Bomoh Kategori Pertama:

Bomoh kategori pertama adalah mereka yang tidak mengetahui apa-apa ilmu ghaib tetapi bijak membuat khabar sehingga dipercayai oleh orang yang mengunjungi mereka. Khabar-khabar yang disampaikan oleh bomoh dalam kategori ini sudah ditentukan sejak awal lagi. Berikut lima contoh yang paling lazim berlaku:

1. Jika orang yang mengunjunginya bertanya tentang barang berharga yang hilang, jawapan yang akan diberikan ialah: "Ia diambil oleh seseorang yang rapat lagi dipercayai."
2. Jika isteri bertanya tentang sikap suaminya yang akhir-akhir ini berubah, jawapan yang akan diberikan ialah: "Suami kamu sudah ada *girlfriend* yang baru di hatinya."

-
2. Mereka yang seperti jenis pertama, akan tetapi terlibat sama dengan perkara-perkara ilmu ghaib. Contohnya di samping memberi perubatan tradisional, mereka mendakwa bahawa sakit yang menimpa itu adalah buatan orang. Perbincangan di atas merujuk kepada bomoh jenis kedua ini.

3. Jika suami bertanya tentang sikap isterinya yang akhir-akhir ini berubah, jawapan yang akan diberikan ialah: "Isteri kamu telah kembali dengan *boyfriend* lamanya."
4. Jika seseorang ingin mencari pasangan hidup yang sesuai yang masih belum ditemuinya, jawapan yang akan diberikan ialah: "Ada sial yang menghalang diri kamu daripada dilihat oleh orang lain." Ubatnya ialah mandi bunga.¹⁶
5. Jika seseorang menghadapi satu penyakit aneh atau mimpi yang bukan-bukan, jawapan yang akan diberikan ialah: "Ia adalah buatan orang yang rapat lagi dengki kepada kamu."

Ada beberapa cara untuk mengenali bomoh kategori pertama ini selain daripada jawapan-jawapan di atas yang bakal diberikannya:

1. Mereka akan memulakan "upacara" dengan bacaan al-Qur'an dan zikir-zikir tertentu. Ini hanyalah solekan bagi memberi pengaruh palsu kepada

¹⁶ Lebih lanjut tentang amalan Mandi Bunga, rujukan risalah *Mandi Bunga: Suatu Analisis* oleh Hazman Hassan yang terdapat dalam buku saya *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 2)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

pengunjung bahawa mereka sebenarnya membuat “upacara” yang selari dengan Islam.¹⁷

2. Mereka akan berlakon seolah-olah sedang berfikir dalam penuh kekhusyukan. Dahi dikerut-kerutkan dan mata dipejamkan, sekali lagi untuk memberi pengaruh palsu kepada pengunjung bahawa mereka sedang bersungguh-sungguh untuk membantu.
3. Khabar atau jawapan yang akan diberikan dengan nada yang perlahan tetapi serius untuk memberi pengaruh kepada pengunjung bahawa mereka juga serius dalam khabar atau jawapan tersebut. Ini akan memberi keyakinan kepada pengunjung bahawa apa yang dikhabarkan adalah benar.
4. Di akhir “upacara”, mereka tidak akan meminta apa-apa bayaran. Ini kononnya akan menunjukkan keikhlasan usaha mereka sehingga berjaya mendapat simpati pengunjung. Pengunjung akhirnya akan memberi sedikit bayaran seperti RM50 atau RM100. Akan tetapi jika diberi bayaran yang amat sedikit, seperti RM5, si-bomoh akan

¹⁷ Dengan itu juga para pembaca sekalian perlu berhati-hati dengan bomoh yang berselindung di sebalik watak ustaz, syaikh, wali dan sebagainya.

menunjukkan air muka yang kurang senang atau mungkin juga akan berkata-kata sesuatu umpama: "Terima kasih nak (anak) atas duit lima ringgit ni. Pak cik memang memerlukannya, lebih-lebih lagi sekarang harga minyak pun dah naik, harga sayur pun dah naik. Pak cik sendiri dah lama tak makan daging. Hari-hari nasi dan ikan masin sahaja."

Bomoh Kategori Kedua:

Jika bomoh kategori pertama hanya memberi khabar berbentuk umum yang sudah disiapkan sejak awal, bomoh kategori kedua pula mampu memberi khabar secara tepat lagi terperinci. Ini dapat dilakukan dengan bantuan jin kafir atau jin fasiq yang mereka pelihara. Oleh itu jika seorang muslim mengunjungi mereka dengan masalah-masalah yang sama di atas, bomoh dalam kategori ini akan mampu memberi jawapan yang tepat lagi terperinci hasil daripada pemberitahuan jin peliharaannya.

Sebagai contoh, jika bertanya tentang dompet yang hilang, bomoh kategori ini akan menjawab:

"Ia diambil oleh rakan kerja yang duduk dua meja di sebelah kanan pada hari Khamis yang lepas. Dia

seorang wanita berumur 24 tahun. Pada hari itu dia memakai baju kebaya merah dengan tudung merah muda yang diikat ke belakang kepala. Dia mencuri dompet kamu kerana dengki terhadap elaun tambahan yang kamu perolehi minggu lepas. Dia ingin melihat kamu berada dalam kesusahan untuk menggantikan semula kad pengenalan, lesen memandu, kad ATM, kad kredit dan sebagainya yang terdapat dalam dompet.”

Demikian khabar yang sebegitu terperinci yang disampaikan oleh jin peliharaan bomoh. Akan tetapi ketahuilah bahawa khabar itu sendiri terbahagi kepada dua bahagian:

1. Khabar tentang ciri-ciri rakan kerja yang duduk dua meja di sebelah. Khabar ini memang tepat dan berjaya memberi keyakinan kepada pengunjung akan khabar yang disampaikan oleh bomoh.
2. Khabar bahawa rakan kerja itulah yang mencuri dompet kerana dengki dan ingin memberi kesusahan kepada pengunjung. Khabar ini adalah dusta.

Bentuk khabar sebegini yang disampaikan oleh jin peliharaan bomoh sudah diberitahu oleh Rasulullah

shallallahu 'alaihi wasallam sejak lebih 1400 tahun yang lalu. A'isyah radhiallahu 'anha pernah bertanya kepada Rasulullah:

يَا رَسُولَ اللَّهِ! إِنَّ الْكُهَّانَ كَانُوا يُحَدِّثُونَنَا بِالشَّيْءِ
فَنَجِدُهُ حَقًّا! قَالَ: تِلْكَ الْكَلِمَةُ الْحَقُّ يَخْطُفُهَا الْجِنُّ
فَيَقْذِفُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ وَيَزِيدُ فِيهَا مِائَةَ كَذِبَةٍ.

Wahai Rasulullah! Sesungguhnya orang yang mendakwa mengetahui ilmu ghaib lazimnya mengkhabarkan kami dengan sesuatu, kemudian kami dapati ia adalah benar!" Rasulullah menjawab: "Ia adalah kalimah (perkara) benar yang diambil oleh seorang jin lalu dibisikkan kepada telinga pengikutnya, kemudian dibuat tambahan padanya dengan seratus kedustaan."¹⁸

Terdapat beberapa sebab jin sengaja membuat dusta:

1. Supaya berlaku pertengkaran antara dua orang Muslim. Perpecahan dan persengketaan antara orang Islam memang digemari oleh golongan jin yang kafir atau fasiq.
2. Supaya pengunjug tersebut akan meminta bomoh

¹⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 2228 (*Kitab al-Salam, Bab larangan menilik nasib...*).

untuk membalas rakan kerjanya dengan sesuatu gangguan. Bomoh pada gilirannya akan mengupah jin peliharaannya untuk melakukan sesuatu gangguan kepada rakan kerja itu. Upahan yang diberikan lazimnya adalah sembelihan haiwan seperti ayam putih atau kambing putih.

3. Sebenarnya jin tidak memerlukan apa-apa sembelihan haiwan. Mereka hanya menghendaki agar sembelihan dilakukan di atas nama mereka atau kerana mereka. Apabila bomoh dan pengunjug melakukan sembelihan sedemikian, mereka telah melakukan kesalahan yang besar di sisi Allah. Inilah yang dikehendaki oleh jin tersebut, iaitu menyesatkan seorang muslim dan menjerumuskannya ke dalam kesalahan agama.

Menyembelih di atas nama selain Allah Subhanahu wa Ta'ala merupakan satu kesalahan yang besar. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ لَعَنَ وَالِدَهُ وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ دَبَّحَ لِغَيْرِ
اللَّهِ وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ أَوَى مُحَدِّثًا وَلَعَنَ اللَّهُ مَنْ غَيَّرَ مَنَارَ
الْأَرْضِ.

Allah melaknat orang yang melaknat ibubapanya, Allah melaknat orang yang

menyembelih kerana selain Allah, Allah melaknat orang yang melindungi seorang ahli bid'ah dan Allah melaknat orang yang mengubah sempadan tanah.¹⁹

Bomoh kategori kedua dapat dikenali dengan ketepatan khabar yang dikemukakan olehnya terhadap sesuatu masalah yang dihadapi oleh pengunjung. Akan tetapi kebenaran hanyalah sedikit demi memperoleh keyakinan pengunjung. Seterusnya adalah dusta. Bomoh kategori kedua lazimnya tidak akan meminta bayaran dalam bentuk wang sahaja tetapi dilengkapi dengan persediaan dalam bentuk kebendaan seperti haiwan, telur dan sebagainya.

Hukum mengunjungi bomoh kategori kedua ini adalah jauh lebih berat daripada bomoh kategori pertama. Ini kerana mereka mendakwa mengetahui hal ghaib dengan khabar-khabar dusta yang akhirnya memfitnah orang yang tidak bersalah. Lebih dari itu pemeliharaan dan penggunaan jin akan menyebabkan bomoh dan pengunjung terpaksa melakukan amalan yang dilarang oleh Islam.

¹⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 1978 (*Kitab Sembelihan, Bab larangan menyembelih kerana selain Allah ...*).

Bagaimana Jika Menggunakan Jin Muslim?

Menyentuh tentang pemeliharaan dan penggunaan jin, sebahagian pihak ada yang berkata ianya dibolehkan jika jin tersebut adalah "jin muslim". Saya berkata, benar bahawa terdapat jin yang muslim. Hal ini dinyatakan di dalam al-Qur'an:

Katakanlah (wahai Muhammad), telah diwahyukan kepadaku bahawa sesungguhnya satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata:

"Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan! Kitab yang memberi panduan ke jalan yang betul lalu kami beriman kepadanya dan kami tidak sekali-kali akan mempersekutukan sesuatu makhluk dengan Tuhan kami." [al-Jin 72:1-2]

Namun persoalannya adalah, bagaimana kita dapat mengetahui jin tersebut adalah muslim yang shalih lagi berada di atas jalan yang benar? Ini kerana masyarakat jin itu sendiri terbahagi kepada beberapa aliran dan mazhab:

Dan bahawa sesungguhnya (memang

maklum) ada di antara kita golongan (jin) yang shalih dan ada di antara kita yang lain dari itu; kita masing-masing adalah menurut jalan dan cara yang berlainan. [al-Jin 72:11]

Terdapat beberapa petunjuk yang dapat digunakan sebagai ukuran membezakan jin muslim yang shalih lagi berada di atas jalan yang benar:

1. Jin tersebut akan mengakui bahawa dia tidak mengetahui perkara ghaib dan apa-apa manfaat atau mudarat yang bakal berlaku. Masyarakat "jin muslim" yang diiktiraf oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala mengakui:

Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala.

Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya.

Dan bahawa sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah bala bencana akan menimpa penduduk bumi, atau pun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka. [al-Jin 72:8-10]

2. Jin tersebut akan menasihatkan agar tidak menggunakan apa-apa khidmatnya kerana ia tidak lain hanya akan menambah dosa dan kesalahan:

Dan bahawasanya ada beberapa orang laki-laki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka (manusia tersebut) dosa dan kesalahan. [al-Jin 72:06]²⁰

3. Jin tersebut akan menasihatkan bahawa kebanyakan daripada kalangannya lazim berdusta dengan percakapan yang indah susunannya agar dapat memperdayakan para pendengarnya:

Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap Nabi itu musuh dari Syaitan-syaitan manusia

²⁰ Ini adalah terjemahan yang lebih tepat yang saya ambil daripada *al-Qur'an Dan Terjemahannya*, terbitan Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur'an, Indonesia. Adapun terjemahan yang selainnya bagi seluruh buku ini diambil daripada *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* oleh Abdullah Basmeih, terbitan Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

dan jin, setengahnya membisikkan kepada setengahnya yang lain kata-kata dusta yang indah-indah susunannya untuk memperdaya pendengarnya. [al-An'aam 6:112]

Nah! Jika jin berani berdusta dan memperdayakan para Nabi, sudah tentu mereka akan lebih berani melakukannya terhadap manusia biasa.

4. Jin tersebut akan mengingatkan bahwa menggunakan pertolongan mereka hanya akan menempah tempat di dalam api neraka:

Dan (ingatlah) Hari (Kiamat yang padanya) Allah akan himpungkan mereka semua, (lalu berfirman): "Wahai sekalian jin! Sesungguhnya kamu telah memiliki banyak pengikut-pengikut dari golongan manusia."

Dan berkatalah pula pengikut-pengikut mereka dari golongan manusia: "Wahai Tuhan kami, sebahagian kami (manusia) telah bersenang-senang (mendapat kemudahan) dengan sebahagian yang lain (jin-jin), dan kami telah sampai kepada masa kami (Hari Kiamat) yang Engkau telah tentukan bagi kami."

(Allah berfirman): "Nerakalah tempat

kediaman kamu, kekal kamu di dalamnya kecuali apa yang dikehendaki Allah.” Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) Maha Bijaksana, lagi Maha Mengetahui. [al-An’aam 6:128]

5. Jin tersebut akan menerangkan bahawa menggunakan khidmat mereka hanyalah sesuatu yang dikhususkan keizинannya oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala kepada Nabi Sulaiman ‘alaihi salam, tidak kepada manusia yang lain:

Dan Kami (Allah) kurniakan kepada Nabi Sulaiman kuasa menggunakan angin untuk perjalanannya: sepagi perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan, dan sepetang perjalanannya adalah menyamai perjalanan biasa sebulan; dan Kami alirkan baginya mata air dari tembaga; dan (Kami mudahkan) sebahagian dari jin untuk bekerja di hadapannya dengan izin Tuhannya. Dan sesiapa dari jin itu yang menyeleweng dari perintah Kami, Kami akan merasakannya (pukulan) dari azab api neraka.

Demikianlah beberapa ciri atau ukuran bagi menentukan “jin muslim” yang shalih lagi berada di atas jalan yang benar. Ringkasnya jin muslim tidak akan menawarkan apa-apa khidmat kepada bomoh atau manusia melainkan menasihatkan mereka, paling kurang, dengan lima ayat al-Qur’an yang telah dikemukakan di atas.

Pencemaran # 5:

Membaca Horoscopes.

Salah satu tindakan yang mencemari kemurnian tauhid yang tidak disedari ramai ialah membaca dan mempercayai Horoscopes. Horoscopes ialah bintang seseorang yang dengan itu dapat diramal kebaikan atau keburukannya. Bintang ini ditentukan berdasarkan tarikh lahir. Sebagai contoh, orang yang lahir antara 21 Mac hingga 19 April memiliki bintang Aries, orang yang lahir antara 20 April hingga 20 Mei memiliki bintang Taurus dan demikianlah seterusnya.

Asal usul horoscopes ialah menggunakan kedudukan bintang, planet dan matahari untuk meramalkan kebaikan atau keburukan. Laman web PageWise, Inc. menerangkan asal usulnya:²¹

Horoscopes and astrology began with the ancient Greeks some thousands of years ago. It began as an effective way to know when to plant and when to

²¹ http://nvnv.essortment.com/historyofhoros_rlja.htm

harvest their crops. It then evolved into the belief that the position of the sun and the planets also had an effect on a person's life and what future events would happen to them. Some astrologers believed that a horoscope would not predict the future, but would predict possible influences that the planets had on a person's life.

The word "astrology" is a Greek word that means "Science of the Stars." Astrology was used by the Chaldean people as early as 3000 BC. The Chaldeans lived in Babylonia. The people of China became interested and began practicing Astrology in later years. It is said that these people first noticed how the position of the sun influenced the seasons as well as the planting cycles.

Then, somewhere in the year of 500 BC, philosopher Plato used Astrology and studied it further. This kept it alive, and it continued to spread on through the ages. However, it took a downturn when Galileo Galilei was the first astronomer to use a telescope in the 1500's. He was successful in disproving much of the

earlier thinking in science. This included astronomy, which was considered to be an early science. He completely agreed with the Copernican Theory which dealt with the movements of the planets.

However, as time went by, astronomy once again took an upswing in popularity when it flourished in Egypt around the years of 300 BC. Then, during the Middle Ages, the practice of astrology quietly hid itself as the Christian Church became the predominant leading voice of the new world. It wasn't until the 1600's when an astrologer named William Lilly renamed astrology as being "Christian Astrology" in order to avoid the wrath of the Church and to make it more acceptable. Following Lilly's footsteps was another astrologer named Alan Leo who had a huge following of fans in the late 1800's. And, following Leo was Paul Clancy. Clancy published his own magazine which was called "American Astrology." This was instrumental in popularizing astrology and horoscopes as we know them today.

Di dalam Islam, kedudukan bintang, planet dan matahari tidak memainkan peranan untuk meramalkan

kebaikan atau keburukan. Pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, terdapat kepercayaan yang menyamai amalan menggunakan bintang, planet dan matahari sebagai sumber ramalan. Kepercayaan tersebut ialah menggunakan bintang untuk meramalkan hujan. Rasulullah menolak amalan sedemikian kerana ia adalah satu bentuk kekafiran. Zaid bin Khalid al-Juhani radhiallahu 'anh menerangkan:

صَلَّى لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ
الصُّبْحِ بِالْحُدَيْبِيَّةِ عَلَى إِثْرِ سَمَاءٍ كَانَتْ مِنَ اللَّيْلَةِ. فَلَمَّا
انْصَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْبَلَ عَلَى النَّاسِ
فَقَالَ: هَلْ تَدْرُونَ مَاذَا قَالَ رَبُّكُمْ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ
أَعْلَمُ. قَالَ: أَصْبَحَ مِنْ عِبَادِي مُؤْمِنٌ بِي وَكَافِرٌ فَأَمَّا مَنْ
قَالَ مُطِرْنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ فَذَلِكَ مُؤْمِنٌ بِي كَافِرٌ
بِالْكُوكَبِ وَأَمَّا مَنْ قَالَ بِنُوءٍ كَذَا وَكَذَا فَذَلِكَ كَافِرٌ بِي
مُؤْمِنٌ بِالْكُوكَبِ.

Kami bersolat subuh bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam di Hudaibiyah setelah semalamnya turun hujan. Tatkala selesai, Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menghadap orang ramai dan bersabda: "Tahukah kalian apa yang difirmankan oleh Tuhan kalian?" Mereka menjawab: "Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui." Rasulullah

menjawab (Allah berfirman):

“Pada pagi ini ada di antara hamba-Ku yang beriman kepada-Ku dan ada yang kafir. Adapun orang yang berkata hujan turun kepada kami kerana kurnia Allah dan rahmat-Nya, maka dia beriman kepada-Ku dan kafir kepada bintang. Sedangkan orang yang berkata hujan turun kepada kami kerana bintang itu dan ini, maka dia kafir kepada-Ku dan beriman kepada bintang.”²²

Adapun sebab Islam melarang penggunaan bintang, planet dan matahari sebagai sumber ramalan, adalah kerana ilmu-ilmu ghaib tidak tersimpan dalam objek-objek tersebut. Apabila seorang muslim menggunakan bintang, planet dan matahari untuk membuat ramalan tertentu, seolah-olah dia mempercayai objek-objek tersebut mampu mengkhabarkan kepada dia ilmu ghaib tentang sesuatu yang akan berlaku. Ini semua adalah kepercayaan yang salah kerana tiada siapa atau apa jua yang mengetahui ilmu ghaib kecuali Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Dengan itu juga, sikap seorang muslim terhadap Horoscope adalah seperti perbincangan yang lepas tentang

²² **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya* – hadis no: 846 (*Kitab al-Azan, Bab imam menemui orang ramai apabila selesai salam*).

hukum mengunjungi bomoh. Seorang muslim bukan sahaja dilarang daripada membenarkan ramalan Horoscope tetapi juga membacanya. Seorang muslim tidak boleh memiliki apa-apa urusan dengan Horoscope melainkan untuk menerangkan kesalahan dan kesia-siaannya kepada orang lain.

Lebih lanjut, sikap kita terhadap ilmu ghaib tidak sahaja terhad kepada Horoscope tetapi apa jua benda yang didakwa mampu memberi khabar tentang ilmu ghaib. Antara yang dimaksudkan ialah:

1. Menggunakan burung untuk memilih kad yang di sebaliknya tercatat ramalan tertentu.
2. Membaca alur-alur di tangan (palm reading).
3. Membaca gerak-geri dan wajah seseorang yang dengan itu kononnya dapat diramalkan sesuatu perkara. Bahkan ada yang mendakwa, dengan melihat tumit seorang wanita dia dapat mengetahui sama ada wanita tersebut masih dara atau sebaliknya.
4. Melukis garis-garis dan membacanya dengan kaedah tertentu.
5. Bertanya kepada bebola kristal.

Seperkara lain yang perlu dicatat adalah, tindakan yang dilarang ialah menggunakan bintang, planet, matahari dan sebagainya sebagai sumber untuk mengetahui ilmu ghaib. Berbeza hukumnya jika seorang muslim menggunakan objek-objek tersebut sebagai sumber ramalan yang bersandarkan kepada ilmu. Hal ini dibolehkan.

Oleh itu menggunakan bintang bagi menentukan arah perjalanan, menggunakan matahari dan bulan untuk kiraan masa, mengusahakan tanaman yang berlainan pada musim yang berlainan dan meramalkan hujan berdasarkan arah tiupan angin adalah dibolehkan. Ini kerana pola susunan bintang, pergerakan matahari, peralihan musim dan arah tiupan angin tidak lain adalah sesuatu yang dicipta oleh Allah untuk dimanfaatkan oleh manusia. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan Dia (Allah) memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintah-Nya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya. [al-Nahl 16:12]

Dia-lah (Allah) yang menjadikan matahari

bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmah sesuatu yang dijadikan-Nya). [Yunus 10:05]

Dia (Allah) menciptakan langit dan bumi dengan ada faedah dan gunanya yang sebenar; Dia pula menjadikan malam melingkari siang dan menjadikan siang melingkari malam; dan Dia menjadikan matahari dan bulan beredar menurut perintahnya, - tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan. Ingatlah! Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Yang sentiasa Mengampuni. [al-Zumar 39:05]

Allah jualah yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang

dikehendaki-Nya, dan menjadikannya berkelompok-kelompok; lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya. [al-Rum 30:48]

Pencemaran # 6:

Mempercayai Sesuatu Sebagai Dapat Membawa Nasib Yang Baik Atau Buruk.

Pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, wujud kepercayaan bahawa sesuatu benda atau peristiwa dapat mengakibatkan nasib yang baik atau buruk. Salah satu daripadanya ialah apa yang digelar sebagai al-Tathayyur (التطير). Ibn Hajar al-'Asqalani menjelaskan perkara ini:²³

Asal permulaan *al-Tathayyur* adalah orang-orang pada masa jahiliyyah menggunakan burung sebagai sumber pedoman. Apabila salah seorang daripada mereka keluar (dari rumah) untuk sesuatu urusan dan melihat burung terbang ke arah kanan, maka dia merasa optimistik dan meneruskan urusannya. Akan tetapi jika dia melihat burung terbang ke arah kiri, dia merasa pesimistik dan berpatah balik.

Kepercayaan seperti ini ditolak oleh Islam. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

²³ *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari (tahqiq: Fu'ad 'Abd al-Baqi; Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1379H), jld. 10, ms. 212.*

لَا عَدْوَى وَلَا طَيْرَةَ، وَلَا هَامَةَ وَلَا صَفَرَ، وَفِرًّا
مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ.

Tidak boleh menjangkitkan penyakit, tidak boleh mempercayai nasib yang baik atau buruk pada burung, tidak boleh mempercayai Hama dan tidak boleh (mempercayai kecelakaan) pada bulan Safar, dan larilah kamu dari penyakit Kusta sebagaimana kamu lari dari seekor singa.²⁴

Tidak sekadar itu, tetap mempercayai nasib baik atau buruk pada arah penerbangan burung adalah satu bentuk kesyirikan. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menegaskan:

الطَّيْرَةُ شِرْكُ الطَّيْرَةِ شِرْكُ (ثَلَاثًا).

Mempercayai nasib yang baik atau buruk pada

²⁴ **Sahih:** Hadis dikeluarkan oleh al-Bukhari sahaja secara *muallaq*, lihat *Fath al-Bari*, jld 10, ms. 159 dan *Taghliq al-Ta'liq* (*tahqiq*: Sa'id 'Abdul Rahman; Maktabah al-Islami, Beirut & Dar al-Amman, Amman 1405H), jld 5, ms 45. Ia memiliki beberapa jalan yang mensahihkan hadis *muallaq* ini sepertimana terang al-'Aini dalam *Umdat al-Qari Syarh Shahih al-Bukhari* (*tahqiq*: Siddiq Jamil; Dar al-Fikr 1998), jld 14, ms 692. Hadis seumpama juga diriwayatkan oleh 'Abd Allah ibn 'Umar dan Anas bin Malik *radiallahu 'anhuma* dan dikeluarkan oleh Malik, Ahmad, al-Bukhari, Muslim dan ramai lagi.

Hama berasal dari satu adat Jahiliyah yang mempercayai ruh seseorang yang mati dibunuh akan keluar dari kuburnya dalam bentuk jelmaan manusia atau burung dan ia akan mencela tuannya yang mati terbunuh itu.

burung adalah syirik, mempercayai nasib yang baik atau buruk pada burung adalah syirik. (Baginda mengulanginya tiga kali).²⁵

Kepercayaan nasib baik atau buruk yang diakibatkan oleh sesuatu benda atau peristiwa masih wujud sehingga sekarang ini, hanya dengan cara yang berbeza. Contohnya dalam masyarakat Melayu, apabila sudah dimulakan satu perjalanan, tidak boleh berpatah balik ke tempat bermula dan kemudian menyambung semula perjalanan. Berpatah balik bererti menjemput nasib yang buruk dalam perjalanan yang bakal disambung.

Terdapat juga kepercayaan bahawa jika salah seorang ahli keluarga di dalam rumah terlepas dari tangannya air yang sedang diminum sehingga pecah gelas tersebut, bererti satu nasib yang buruk telah berlaku kepada salah seorang ahli keluarga yang berada di luar rumah.

Demikian dua contoh nasib yang buruk yang dipercayai oleh masyarakat Melayu. Kepercayaan seperti ini juga berlaku di kalangan masyarakat bangsa lain dalam cara yang berbeza-beza.

²⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud di dalam *Sunannya* dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Daud* – hadis no: 3910 (*Kitab al-Tibb, Bab berkenaan al-Thayyarah*).

Selain mempercayai nasib yang buruk (Bad luck) pada sesuatu benda atau peristiwa, ada juga yang mempercayai nasib yang baik (Good luck) pada sesuatu benda atau peristiwa. Ada di antara orang muslim yang memiliki pen, jam tangan, cincin, hari atau nombor yang dianggap akan dapat membawa "Good luck" kepada dirinya.

Sebagai contoh, seorang muslim mungkin mempercayai jamnya sebagai sesuatu yang dapat menjamin nasib yang baik bagi dirinya. Dia menggelarnya "This is my good luck watch". Jika dia memakai jam tersebut, dia merasa tenang dan optimistik kerana yakin nasib yang baik akan sentiasa menyebelahnya pada hari tersebut. Sebaliknya jika dia tidak memakainya, sama ada kerana lupa atau hilang, dia merasa gelisah dan pesimistik kerana yakin nasib yang tidak baik akan menimpa dirinya.

Kepercayaan-kepercayaan seperti ini wujud dalam bentuk dan cara yang berbeza, tetapi asasnya tetap sama iaitu mempercayai nasib yang baik atau buruk terletak pada sesuatu benda atau peristiwa. Semua ini boleh mencemari kemurnian tauhid seorang muslim.

Ini kerana nasib yang baik atau buruk dan semua yang sudah, sedang dan akan berlaku telah ditulis oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sejak awal. Allah berfirman:

Dan Dia (Allah) mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata. [al-An'aam 6:59]

Nasib yang baik akan diperoleh oleh seorang muslim jika dia berusaha untuk mendapatkannya. Ini kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala telah berfirman:

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. [al-Rad 13:11]

Pada waktu yang sama nasib yang buruk akan diperoleh oleh seorang muslim jika dia enggan berusaha atau sengaja membiarkan dirinya ke arah keburukan:

Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan; dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu. [al-Syura 42:30]

Pencemaran # 7:

Menggunakan Tangkal dan Azimat.

Termasuk dalam kemurnian tauhid adalah keyakinan sepenuhnya bahwa tidak ada yang akan dapat membawa manfaat atau menolak mudarat melainkan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Firman Allah:

Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri; dan jika Dia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. Dan Dialah yang Berkuasa atas sekalian hamba-Nya

(dengan tadbir dan takdir); dan Dialah Yang Maha Bijaksana serta Amat Mendalam Pengetahuan-Nya. [al-An'aam 6:17-18]

Dan demi sesungguhnya! Jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: "Siapakah yang mencipta langit dan bumi?" Sudah tentu mereka akan menjawab: "Allah". Katakanlah (kepada mereka): "Kalau demikian, bagaimana fikiran kamu tentang yang kamu sembah yang lain dari Allah itu? Jika Allah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, dapatkah mereka mengelakkan atau menghapuskan bahaya-Nya itu; atau jika Allah hendak memberi rahmat kepadaku, dapatkah mereka menahan rahmat-Nya itu?" Katakanlah lagi: "Cukuplah bagiku: Allah (yang menolong dan memelihara); kepada-Nyalah hendaknya berserah orang-orang yang mahu berserah diri". [az-Zumar 39:38]

Di kalangan masyarakat kita ada yang menggunakan sesuatu benda dengan keyakinan ia dapat memberikan manfaat atau menolak mudarat. Benda itu ialah tangkal dan azimat.²⁶ Penggunaan tangkal

²⁶ *Kamus Dewan* mendefinisikan tangkal dan azimat sebagai: Tangkal adalah sesuatu yang digunakan untuk menolak bala seperti

mencemari kemurnian tauhid kerana benda tersebut dianggap sejajar dengan kekuasaan Allah, malah mengambil alih kekuasaan Allah dalam menentukan apa yang dapat membawa manfaat dan menolak mudarat.

Oleh kerana itulah apabila Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam berhadapan dengan orang yang memakai tangkal, baginda bersikap tegas terhadapnya. Baginda terus melarang tanpa bertanya terlebih dahulu apakah tujuan seseorang itu memakai tangkal atau adakah tangkal tersebut dijumpi dengan ayat-ayat al-Qur'an.

Dalam satu riwayat, sepuluh orang telah datang menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam untuk berbai'ah kepada baginda (memeluk Islam). Baginda

penyakit, hantu, jin dan lain-lain. Azimat adalah bahan yang terdiri dari tulisan yang ditulis pada kertas, kain, keratan kayu tertentu, atau sisik tenggiling yang dipakai pada bahagian tertentu tubuh seperti di pinggang yang dianggap mempunyai sakti dan boleh mengelakkan penyakit, bencana dan sebagainya.

Dalam hadis-hadis, benda-benda pelindung lazim disebut sebagai *al-Tuqatan*, *al-Tamaim* dan *al-Tiwalah*. *Al-Tuqatan* adalah benda-benda yang dijadikan pelindung oleh manusia apabila ketakutan kepada musuh. *Al-Tamaim* adalah jamak (*plural*) dari *Tamimah*, iaitu sesuatu yang dijahit dan digantungkan oleh orang-orang Arab pada anak-anak mereka dengan tujuan untuk melindungi dari penyakit 'ain atau bala bencana. *Al-Tiwalah* ialah sesuatu yang digunakan bagi membuat seorang wanita tertarik dan mencintai suaminya, seperti sihir dan sebagainya.

Untuk memudahkan perbincangan dalam buku ini, semua benda di atas akan disebut sebagai tangkal sahaja.

menerima bai'ah mereka kecuali seorang. Lalu ditanya kepada Rasulullah, kenapa tidak diterima bai'ah orang tersebut. Rasulullah menjawab:

إِنَّ عَلَيْهِ تَمِيمَةً.

Sesungguhnya padanya terdapat tangkal. Kemudian orang tersebut memasukkan tangannya (ke dalam baju) dan melepaskannya. Maka Rasulullah menerima bai'ahnya seraya bersabda:

مَنْ عَلَّقَ تَمِيمَةً فَقَدْ أَشْرَكَ.

Sesiapa menggantung tangkal maka sesungguhnya dia telah (berbuat) syirik.²⁷

Tangkal tidak akan mendekatkan manfaat atau menjauhkan mudarat bagi orang yang memakainya. Bahkan ia menjauhkan manfaat dan mendekatkan mudarat. Ini kerana mendekatkan manfaat atau menjauhkan mudarat dapat diperoleh dengan merujuk terus kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Menggunakan tangkal sebagai "jalan tengah" tidak akan memberi apa-apa faedah. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam

²⁷ **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyiddin Dabb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib* oleh al-Munziri – hadis no: 5065 (*Bab Ancaman dari menggantung tangkal dan azimat*).

bersabda berkenaan penggunaan tangkal:

مَنْ تَعَلَّقَ تَمِيمَةً فَلَا أُنَمُّ اللَّهُ لَهُ وَمَنْ تَعَلَّقَ وَدَعَةً
فَلَا وَدَعَ اللَّهُ لَهُ.

Sesiapa menggantung tangkal maka Allah tidak akan menyempurnakan baginya (hajatnya) dan sesiapa menggantung cengkerang siput maka Allah tidak akan mententeramkan baginya (dengan siput tersebut).²⁸

Dalam satu riwayat lain Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melihat seorang lelaki yang ada ikatan di tangannya, lalu baginda bertanya: "Apakah ini?" Lelaki itu menjawab: "Aku menjadikannya sebagai pelindung daripada al-Wahinah."²⁹ Lalu Rasulullah bersabda:

أَمَا إِنَّهَا لَا تَزِيدُكَ إِلَّا وَهْنًا انْبِذْهَا عَنْكَ فَإِنَّكَ لَوْ
مِتَّ وَهِيَ عَلَيْكَ مَا أَفْلَحْتَ أَبَدًا.

"Tiadalah ia menambah bagi kamu kecuali

²⁸ **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyiddin Dibb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib* – hadis no: 5064 (*Bab Ancaman dari menggantung tangkal dan azimat*).

²⁹ Ia adalah sejenis penyakit yang menimpa bahu dan seluruh lengan lalu diubati dengan cara jampi dan adakalanya digantung pada lengan tersebut sejenis jahitan. Ia dipakai oleh lelaki, bukan wanita. Ia dilarang kerana merupakan salah satu jenis tangkal.

kelemahan. Lemparkan ia daripadamu, kerana sesungguhnya jika kamu mati dan ia berada di atasmu, tidaklah ia akan membantu kamu selamanya (yakni di Hari Akhirat).”³⁰

Tangkal juga dilarang penggunaannya ke atas binatang sebagaimana perintah Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam:

لَا يَبْقَيْنَ فِي رَقَبَةِ بَعِيرٍ قِلَادَةٌ مِنْ وَتَرٍ أَوْ قِلَادَةٌ إِلَّا
فُطِعَتْ. قَالَ مَالِكٌ: أَرَى ذَلِكَ مِنْ الْعَيْنِ.

Janganlah dibiarkan di leher unta kalung (yang diperbuat) daripada tali atau (apa-apa jenis) kalung kecuali dilepaskan. Berkata Malik (bin Anas), yang sedemikian (memakaikan kalung) adalah untuk menjauhkan dari penyakit ‘Ain.³¹

Ada pendapat yang membolehkan penggunaan tangkal apabila ia dijampi dengan ayat-ayat al-Qur’an atau zikir-zikir kepada Allah. Antara yang berpendapat sedemikian ialah Ibn Hajar al-‘Asqalani rahimahullah

³⁰ **Sanad Hasan:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai hasan oleh Muhyiddin Dibb Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib* – hadis no: 5067 (*Bab Ancaman dari menggantung tangkal dan azimat*).

³¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Sahihnya* – hadis no: 2115 (*Kitab Pakaian dan perhiasan, Bab tidak disukai kalung tali di leher unta*).

(852H) yang berkata: ³²

Semua ini (hadis-hadis yang melarang tangkal) adalah pada menggantung tangkal dan yang selainya daripada apa yang tidak diperbuat (dijampikan) dari (ayat-ayat) al-Qur'an atau yang seumpama. Adapun apa yang diperbuat dengan (jampian) *zikrullah* maka tidaklah ia dilarang padanya, kerana sesungguhnya ia hanya dilakukan sebagai *tabarruk* (mencari keberkatan) dengannya, perlindungan dengan nama-nama-Nya dan zikir kepada-Nya.

Ibn Hajar berpendapat sedemikian berdasarkan beberapa hadis yang menerangkan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang telah menjampi dirinya dan telah juga mengajar jampi kepada ahli keluarga dan para sahabat yang terdiri daripada kalimah-kalimah zikir kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. ³³

Pandangan ini perlu dianalisa semula seperti berikut:

³² *Fath al-Bari*, (tahqiq: 'Abd 'Aziz bin Baz, Dar al-Fikr, Beirut, 2000) jld 6, ms 250. Lihat juga keterangan al-Baihaqi dalam *al-Sunan al-Kubra*, (tahqiq: Muhammad 'Abd al-Qadir 'Atha', Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1999), jld 9, ms 589.

³³ Lihat *Fath al-Bari*, jld 11, ms 353.

1. Hadis-hadis yang melarang penggunaan tangkal adalah umum tanpa mengambil kira sama ada ia dijumpi dengan al-Qur'an atau tidak.
2. Sama-sama diketahui bahawa penggunaan tangkal adalah sangat lazim pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Seandainya penggunaan tangkal dibolehkan jika ia dijumpi dengan ayat al-Qur'an atau zikir, nescaya baginda akan mengajarnya kepada para sahabat dan ini akan sampai kepada kita melalui hadis-hadis yang sahih. Memandangkan baginda tidak melakukan sedemikian, bererti ia sememangnya tidak dibolehkan oleh baginda.
3. Terdapat perbezaan yang besar antara pengamalan jampi-jampian dan penggunaan tangkal sekalipun kedua-duanya terdiri daripada kalimah-kalimah Allah. Jampi-jampian adalah memohon terus kepada Allah manakala tangkal berperanan sebagai "jalan tengah" antara seorang hamba dengan Allah. Seandainya seorang pengguna tangkal mendakwa bahawa yang sebenarnya memberi pengaruh adalah Allah dan bukannya tangkal, maka bukankah pertolongan Allah itu dapat diperolehi secara terus, tanpa melalui "jalan tengah"?

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul. [al-Baqarah 2:186]

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu." [al-Mu'min 40:60]

4. Seorang yang menggunakan tangkal dengan dakwaan bahawa yang sebenarnya memberi pengaruh adalah Allah, lambat-laun akan terperangkap juga dengan "pengaruh" daripada tangkal tersebut. Iaitu apabila dia sudah biasa menggunakan tangkal lalu di satu hari dia terlupa memakainya, maka hatinya akan menjadi gusar lagi resah, tidak lagi yakin untuk menempuh harinya itu melainkan dengan penuh ketakutan,

kebimbangan dan was-was. Berbagai-bagai imaginasi yang buruk sentiasa tergambar di dalam fikirannya, diikuti dengan berbagai-bagai bisikan negatif dalam sanubari. Inilah yang penulis maksudkan dengan: "lambat-laun akan terperangkap juga dengan 'pengaruh' daripada tangkal tersebut". Ahmad bin Hanbal rahimahullah (241H) pernah ditanya tentang penggunaan tangkal, beliau menjawab: "Sesiapa yang menggunakan tangkal (lambat laun) akan bergantung kepadanya."³⁴

5. Perlindungan sebenar dari ayat-ayat al-Qur'an dan zikrullah adalah pada kefahaman dan keyakinan kepada yang diseru dalam kalimah-kalimah tersebut sebagai pelindung, yakni Allah Subhanahu wa Ta'ala. Menggantungnya tidak membawa sebarang faedah kecuali salah guna dan penghinaan.

Maka berdasarkan analisa di atas, dapat dirumuskan bahawa pendapat yang lebih selamat ialah penggunaan tangkal tetap dilarang sekalipun ianya dijampi

³⁴ Dinukil oleh al-Suyuti dalam *Medicine of The Prophet*, (Ta-Ha Publishers, London, 1997), ms. 171.

dengan ayat-ayat al-Qur'an atau zikir-zikir.

Pencemaran # 8:

Jampi-Jampian Yang Tidak Difahami.

Sesuatu yang rapat berkaitan dengan penggunaan tangkal ialah mempercayai jampi-jampian. Dalam perbincangan sebelumnya, kita telah menyentuh perihal menggunakan tangkal yang dijampi dengan ayat al-Qur'an atau zikir-zikir. Dalam perbincangan ini, kita akan menyentuh berkenaan jampi-jampian secara umum.

Terdapat tiga buah hadis yang perlu kita kaji untuk memahami hukum jampi-jampian dalam Islam:

Hadis Pertama:

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ الرُّقَى وَالتَّمَائِمَ وَالتَّوَلَةَ شِرْكٌ.

Sesungguhnya jampi-jampian, tangkal dan permainan sihir adalah syirik.³⁵

Hadis Kedua:

Auf bin Malik al-Asyja'iy radhiallahu 'anh berkata: Kami di zaman Jahiliyyah mempraktikkan jampi-jampian. Maka kami bertanya: "Ya Rasulullah, apakah pendapat anda tentang hal ini?" Rasulullah menjawab:

اعْرَضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ.

"Tunjukkan kepada aku jampi-jampian kamu. Tidak mengapa dengan jampi-jampian yang di dalamnya tidak mengandung syirik."³⁶

Hadis Ketiga:

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

³⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 3530 (*Kitab al-Tibb, Bab menggantung tangkal*).

³⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2200 (*Kitab al-Salam, Bab tidak mengapa jampi-jampian yang tidak mengandung syirik*).

يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مِنْ أُمَّتِي سَبْعُونَ أَلْفًا بِغَيْرِ حِسَابٍ
هُمُ الَّذِينَ لَا يَسْتَرْفُونَ وَلَا يَتَطَيَّرُونَ وَعَلَى رَبِّهِمْ
يَتَوَكَّلُونَ.

Akan memasuki syurga tanpa hisab tujuh puluh ribu daripada kalangan umatku, mereka ialah orang-orang yang tidak meminta jampi-jampian, tidak mempercayai nasib baik atau buruk pada arah penerbangan burung dan kepada Tuhan mereka, mereka bertawakkal.³⁷

Gandingan di antara ketiga-tiga hadis di atas menunjukkan bahawa:

Berdasarkan Hadis Pertama:

Hukum asal bagi jampi-jampian adalah tidak boleh. Ini kerana kebanyakan jampi-jampian mengandungi unsur syirik seperti meminta pertolongan atau pengagungan kepada benda-benda, jin dan sesama makhluk.

Berdasarkan Hadis Kedua:

Pengecualian diberikan kepada jampi-jampian yang

³⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 6472 (*Kitab al-Riqaq, Bab orang yang bertawakkal kepada Allah...*).

secara pasti tidak mengandung unsur syirik. Ibn Hajar al-'Asqalani rahimahullah berkata:³⁸

Dan sesungguhnya telah sepakat para ulama' atas kebolehan jampi-jampian, kesepakatan ini adalah berdasarkan 3 syarat: (1) Bahwasanya ia adalah dengan Kalam Allah *Ta'ala* atau Nama-nama-Nya dan sifat-sifat-Nya, (2) Dan (ia adalah) dengan bahasa Arab atau dengan apa yang dikenali maknanya, jika ia dari selain (bahasa Arab), (3) Dan bahwasanya dia berkeyakinan bahwa jampi-jampian tersebut, bukanlah ia yang berpengaruh, tetapi yang berpengaruh adalah Allah *Ta'ala*.

Daripada tiga syarat yang dikemukakan, boleh dikatakan yang terpenting adalah syarat kedua, yaitu hendaklah jampi-jampian tersebut benar-benar difahami kandungannya supaya terjamin secara pasti bahwa ia bersih dari sebarang unsur syirik. Ibn Taimiyah rahimahullah (728H) menulis:

Sesungguhnya orang-orang musyrik adalah mereka yang membaca mentera-mentera, dan *al-*

³⁸ *Fath al-Bari*, jld. 11, ms. 353.

*Thalasin*³⁹ dan jampi-jampian dengan apa yang di dalamnya terdapat penyembahan dan pengagungan kepada makhluk jin. Dan umumnya apa yang berada di tangan manusia dari mentera-mentera, *al-Thalasin* dan jampi-jampian, adalah yang tidak difahami dalam bahasa Arab, di dalamnya terdapat apa yang berunsur syirik dengan makhluk jin.

Oleh kerana inilah para ulama' Islam melarang jampi-jampian yang tidak difahami maknanya, kerana diduga kuat ia (mengandungi) unsur syirik, sekalipun jika yang menjampinya tidak mengetahui bahawa ia adalah kemusyrikan.⁴⁰

Justeru hendaklah kita waspada dan hati-hati akan kalimah-kalimah yang digunakan sebagai jampi. Kebanyakan penjampi membaca jampi-jampian mereka secara pantas dan sembunyi-sembunyi. Mereka enggan memperdengarkan apa yang mereka bacakan. Jampi-jampi tersebut kedengaran seolah-olah dalam bahasa Arab

³⁹ *Mufradnya* ialah *Thalsam*, ia adalah garis-garis atau angka-angka yang menurut keyakinan penulisnya dapat menghubungkan antara ruhani bintang-bintang di langit dengan alam rendah, untuk menarik sesuatu yang diinginkan atau menolak sesuatu penyakit.

⁴⁰ *Majmu' al-Fatawa*, (Dar al-Wafa', Kaherah, 2002), jld. 19, ms. 13.

atau seolah-olah seperti ayat al-Qur'an.

Ada juga sesetengah penjampi memulai jampi mereka dengan ayat Qur'an yang kita kenali, seperti bacaan Basmalah atau surah al-Fatiha, tetapi kemudian ia diikuti dengan bacaan yang tidak dikenali lagi. Ini semua tidak cukup untuk dijadikan kepastian bahawa keseluruhan jampi-jampian tersebut adalah bersih dari unsur syirik. Malah kemungkinan besar memulakan jampi-jampian dengan ayat al-Qur'an hanyalah untuk memberi keyakinan palsu kepada orang bahawa dia sebenarnya berjampi dengan sesuatu yang bersih dari unsur syirik. Padahal hakikat yang sebenar adalah di sebaliknya.

Maka langkah sepatutnya adalah meminta daripada penjampi tersebut agar dia memperdengarkan kalimah-kalimah jampinya satu persatu. Jika dia enggan atau kita masih ragu-ragu, tinggalkanlah penjampi tersebut sekalipun hati kita berbisik: "Ahh, tak apa agaknya, pasti OK". Ini kerana ia melibatkan antara urusan tauhid dan syirik, syurga dan neraka. Sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

دَعِ مَا يَرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ.

Tinggalkan apa yang meragukan kepada apa

yang tidak meragukan (yakni menyakinkan).⁴¹

Berdasarkan Hadis Ketiga:

Sikap yang terbaik ialah tidak meminta mahupun mengamalkan apa-apa jampi-jampian kecuali daripada apa yang diajar oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Ini kerana sekalipun telah diusahakan agar jampi-jampian tersebut bebas daripada unsur syirik, kepastian 100% tetap tidak dapat dijamin. Berbeza dengan jampi-jampian yang diajar oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, ia secara pasti 100% bebas daripada unsur syirik. Malah jampi-jampian daripada Rasulullah adalah jauh lebih baik kerana ia bersifat menyeluruh, padat dan tepat. Lebih dari itu ia dapat diamalkan oleh setiap individu tanpa perlu bertandang ke mana-mana tukang jampi. Jampi-jampian ini banyak disenaraikan dalam buku-buku yang memuatkan doa-doa serta zikir-zikir Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Hanya sahaja pastikan hadis-hadis dalam buku tersebut dinyatakan sumbernya dan dinilai darjatnya.

⁴¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 2518 (*Kitab Sifat Kiamat, Bab....ke-60*).

Pencemaran # 9:

Mengharapkan Pengaruh Makhluk Dalam Berdoa.

Doa memiliki kedudukan yang amat penting di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda:

لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمَ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الدُّعَاءِ.

Tidak ada sesuatu yang lebih mulia kepada Allah Ta'ala melainkan doa.⁴²

Oleh kerana itulah Allah murka kepada orang yang enggan berdoa kepadanya. Rasulullah shallallahu 'alaihi

⁴² **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3370 (*Kitab al-Da'awat, Bab berkenaan keutamaan doa*).

wasallam mengingatkan:

مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَعْضَبْ عَلَيْهِ.

Sesiapa yang tidak berdoa kepada Allah, maka Allah murka ke atasnya.⁴³

Perkara penting yang perlu diketahui adalah, doa juga merupakan salah satu bentuk ibadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menegaskan:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ. (ثُمَّ قَرَأَ):

Doa adalah ibadah. (Kemudian baginda membaca ayat): Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat (yakni enggan berdoa) kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina. [al-Ghafir 40:60]⁴⁴

Apabila berdoa, hendaklah permohonan tersebut

⁴³ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3373 (*Kitab al-Da'awat, Bab berkenaan keutamaan doa*).

⁴⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3372 (*Kitab al-Da'awat, Bab berkenaan keutamaan doa*).

ditujukan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Ini diikuti dengan keyakinan bahwa hanya Allah sahaja yang akan mengabulkan doa tersebut. Ini sebagaimana ayat yang telah dirujuk oleh hadis di atas, yang bermaksud: "Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu." [al-Mukmin 40:60] Selain itu Allah Subhanahu wa Ta'ala juga berfirman:

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): "Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku." [al-Baqarah 2:186]

Oleh itu tidak boleh berdoa dengan meminta pertolongan daripada selain Allah atau mengharapkan doa tersebut dikabulkan dengan pengaruh seseorang selain Allah. Meminta pertolongan terbahagi kepada dua kategori:

1. Pertolongan dalam bentuk fizikal, seperti meminta tolong mengangkat barang yang berat atau memperbaiki komputer yang rosak. Bagi pertolongan dalam bentuk fizikal, dibolehkan memintanya sesama makhluk.

2. Pertolongan dalam bentuk spiritual, seperti meminta agar diampunkan dosa atau diberi keyakinan diri dalam menghadapi peperiksaan. Bagi pertolongan dalam bentuk spiritual, tidak dibolehkan memintanya sesama makhluk.

Dalam suasana tertentu, dibolehkan menggabungkan antara permintaan spiritual dan fizikal. Contohnya seorang pelajar yang akan menghadapi peperiksaan. Dia berdoa kepada Allah: "Ya Allah! Kurniakanlah kepada aku keyakinan diri untuk menghadapi peperiksaan ini." Pada waktu yang sama dia meminta pertolongan guru untuk menjelaskan secara lebih terperinci mata pelajaran yang kurang difahaminya.

Tidak boleh meminta pertolongan dalam bentuk spiritual sesama makhluk, seumpama berdoa: "Wahai syaikh Ahmad, kurniakanlah kepada aku keyakinan dalam menghadapi peperiksaan ini." Hal ini dilarang kerana ia mensejajarkan kedudukan syaikh Ahmad dengan Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai yang berhak untuk dipanjatkan doa dan diharapkan pemakbulannya.

Perkara ini adalah jelas dan saya yakin tidak ada orang yang mentauhidkan Allah berdoa kepada sesama makhluk. Namun bagaimana jika berdoa dengan perantaraan makhluk, seumpama: "Ya Allah, Aku meminta

dengan kemuliaan syaikh Ahmad agar Engkau kurniakan kepada aku keyakinan menghadapi peperiksaan ini" ?

Berdoa dengan perantaraan, disebut sebagai tawasul, terbahagi kepada dua jenis, perantaraan yang dibolehkan dan perantaraan yang dilarang. Berikut perinciannya.

Berdoa Dengan Perantaraan Yang Dibolehkan.

Disebabkan doa adalah ibadah seorang hamba kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, maka ia terbatas kepada dalil yang kuat lagi jelas. Justeru apabila ingin berdoa dengan perantaraan, hendaklah menggunakan perantaraan yang dibolehkan melalui dalil yang kuat lagi jelas. Terdapat tiga bentuk perantaraan yang dibolehkan, iaitu:

Perantaraan Pertama: Dengan nama-nama dan sifat-sifat Allah.

Dibolehkan berdoa dengan perantaraan nama-nama dan sifat-sifat Allah. Ini berdasarkan firman-Nya:

Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik, maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu. [al-A'raaf 7:180]

Katakanlah: "Serulah (berdoalah dengan)

nama Allah atau Ar-Rahman, yang mana sahaja kamu serukan; kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia." [al-Isra' 17:110]

Satu contoh berdoa dengan perantaraan nama-nama dan sifat-sifat Allah ialah Doa Solat Istikharah yang diajar oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْتَخِيرُكَ بِعِلْمِكَ وَأَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ
وَأَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيمِ. فَإِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا أَقْدِرُ وَتَعْلَمُ
وَلَا أَعْلَمُ وَأَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ.

اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ (...) خَيْرٌ لِي
فِي دِينِي وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي وَعَاجِلِ وَأَجَلِهِ فَأَقْدِرْهُ
لِي. وَإِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذَا الْأَمْرَ شَرٌّ لِي فِي دِينِي
وَمَعَاشِي وَعَاقِبَةِ أُمْرِي وَعَاجِلِ وَأَجَلِهِ فَاصْرِفْهُ عَنِّي
وَاصْرِفْنِي عَنْهُ وَاقْدِرْ لِي الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ رَضِّنِي
بِهِ.

Ya Allah! Sesungguhnya dengan Ilmu-Mu aku meminta agar Engkau memilih yang terbaik untukku dan dengan Kuasa-Mu aku meminta agar Engkau membantuku dan aku meminta daripada keutamaan Engkau yang amat Agung. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa dan Engkau Maha Mengetahui sedangkan aku tidak

mengetahui dan Engkaulah yang Mengetahui tentang yang ghaib.

Ya Allah! Jika Engkau Mengetahui bahwa urusan ini (sebutkan urusan tersebut) adalah baik untuk aku demi agama, kehidupan dan akibat sekarang serta yang akan datang, maka takdirkanlah untukku. Akan tetapi jika Engkau Mengetahui bahwa urusan ini adalah buruk untuk aku demi agama, kehidupan dan akibat sekarang serta yang akan datang, maka jauhilah ia dari aku dan jauhilah aku darinya. Takdirkanlah untukku kebaikan di mana sahaja dan kemudian redhailah aku dengan kebaikan tersebut.⁴⁵

Perantaraan Kedua: Dengan Amal Shalih.

Dibolehkan berdoa dengan perantaraan amal shalih. Dalilnya adalah hadis tiga sekawan berikut. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Ketika tiga orang sekawan sedang berjalan, mereka ditimpa

⁴⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam *Shahihnya* – hadis no: 6382 (*Kitab al-Da'awat, Bab doa istikharah*). Lebih lanjut tentang *Solat Istikharah*, rujuk buku Abdullah bin Muhammad al-Hamadi yang berjudul *Shalat Istikharah: Membuka Kesuksesan Hidup* (edisi terjemahan oleh Fathurrahman Hamid daripada judul asal *Kasy al-Sitarah 'an Sholat al-Istikharah*; Pustaka Azzam, Jakarta, 2005).

hujan lalu mengambil perlindungan dalam sebuah gua di sebuah gunung. Kemudian sebuah batu besar dari gunung tersebut jatuh di mulut gua dan mengurung mereka di dalamnya. Maka berkata sebahagian mereka kepada sebahagian yang lain:

انظروا أعمالاً عملتموها لله صالحاً فادعوا الله
بها لعله يفرجها.

“Berfikirlah tentang amal shalih yang pernah kalian lakukan semata-mata kerana Allah, kemudian berdoalah kepada Allah dengan bertawasul melalui amal tersebut, semoga Allah memberi jalan keluar dengannya.”

Maka berkata salah seorang daripada mereka:

اللَّهُمَّ إِنَّهُ كَانَ لِي وَالِدَانِ شَيْخَانِ كَبِيرَانِ وَلِي
صَبِيَّةٌ صِغَارٌ كُنْتُ أُرْعَى عَلَيْهِمْ فَإِذَا رُحْتُ عَلَيْهِمْ
فَحَلَبْتُ بَدَأْتُ بِوَالِدَيَّ أَسْقِيهِمَا قَبْلَ وَوَالِدِي وَإِنَّهُ نَاءَ بِي
الشَّجَرُ فَمَا أَتَيْتُ حَتَّى أَمْسَيْتُ فَوَجَدْتُهُمَا قَدْ نَامَا فَحَلَبْتُ
كَمَا كُنْتُ أَحْلَبُ فَحَبْتُ بِالْحِلَابِ فَقُمْتُ عِنْدَ رُءُوسِهِمَا
أَكْرَهُ أَنْ أَوْقِظَهُمَا مِنْ نَوْمِهِمَا وَأَكْرَهُ أَنْ أَبْدَأَ بِالصَّبِيَّةِ
فَبَلَّيْتُهَا وَالصَّبِيَّةُ يَتَضَاعُونَ عِنْدَ قَدَمِي فَلَمْ يَزَلْ ذَلِكَ دَأْبِي
وَدَأْبَهُمْ حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ. فَإِنْ كُنْتُ تَعْلَمُ أَيُّيَ فَعَلْتُ ذَلِكَ
ابْتِغَاءً وَجْهَكَ فَافْرُجْ لَنَا فُرْجَةً نَرَى مِنْهَا السَّمَاءَ.

"Ya Allah! Sesungguhnya aku mempunyai ibubapa yang sudah sangat lanjut usia, seorang isteri dan anak-anak kecil yang masih aku pelihara. Saat aku pulang ke rumah pada waktu petang sambil membawa ternakanku kepada mereka, aku memerah susu. Aku biasanya memberi minum ibubapaku sebelum anak-anakku. Suatu hari, tempat aku mengembala amat jauh sehingga aku hanya sempat pulang ketika hari sudah amat lewat petang. Aku dapati ibubapaku sudah tidur. Aku memerah susu seperti biasa, membawa bekas berisi susu dan berdiri di samping ibubapaku. Aku tidak suka membangunkan kedua-duanya dan aku pula tidak suka memberi minum anak-anakku sebelum kedua-duanya, sekalipun anak-anakku menangis di kakiku kerana kelaparan. Keadaanku dan anak-anakku berterusan sehingga fajar menyinsing.

Jika Engkau mengetahui bahawa aku melakukan hal itu semata-mata kerana mencari Wajah-Mu, maka berilah kami satu bukaan untuk melihat langit (dari dalam gua tersebut)."

Maka Allah memberikan bukaan pada batu

tersebut sehingga mereka dapat melihat langit.⁴⁶

Syarat berdoa dengan perantaraan amal shalih adalah hendaklah amal tersebut termasuk daripada sesuatu yang disyari'atkan oleh Islam melalui al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ia bukan daripada amal yang bid'ah. Syarat kedua adalah amal tersebut pada asalnya dilakukan ikhlas semata-mata kerana Allah. Hanya setelah itu, jika perlu, seseorang itu boleh berdoa dengan menjadikannya sebagai perantara. Ini dapat diperhatikan daripada hadis di atas: "Berfikirlah tentang amal shalih yang pernah kalian lakukan semata-mata kerana Allah." Jika seseorang itu melakukan amalan dengan tujuan asal ingin berdoa dengan menjadikannya sebagai perantara sesudah itu, maka amal itu tidak diterima kerana ia tidak ikhlas. Dengan itu doanya juga menjadi sia-sia.

Perantaraan Ketiga: Doa Orang Yang Shalih.

Dibolehkan menggunakan perantaraan doa orang yang shalih, yakni dengan meminta seorang yang shalih mendoakan sesuatu untuknya. Tindakan meminta orang

⁴⁶ **Sahih:** Sebahagian daripada hadis dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 5974 (*Kitab al-Adab, Bab termakbulnya doa disebabkan berbuat baik kepada ibubapa*).

yang shalih berdoa adalah “pertolongan fizikal” manakala orang shalih yang mendoakan untuk yang meminta adalah “pertolongan spiritual”. Antara dalilnya ialah hadis berikut daripada Usair bin Jabir:

Biasanya ‘Umar al-Khaththab apabila datang pasukan (pejuang) bantuan daripada Yaman, dia akan bertanya kepada mereka sama ada di kalangan mereka ada seorang yang bernama Uwais bin ‘Amar. Sehingga ke satu ketika beliau bertemu dengan Uwais bin ‘Amar. Lalu beliau bertanya: “Andakah Uwais bin ‘Amar?” Orang itu menjawab: “Ya.” ‘Umar bertanya lagi: “Daripada Murad, kemudian daripada Qarn?” “Ya” jawab orang tersebut. ‘Umar bertanya lagi: “Apakah anda memiliki belang (di badan) lalu kamu sembuh kecuali satu bahagian sebesar duit sedirham?” Orang itu menjawab: “Ya.” ‘Umar bertanya lagi: “Adakah anda memiliki ibu?” Orang itu menjawab: “Ya.”. Lantas ‘Umar berkata, aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

يَأْتِي عَلَيْكُمْ أُوَيْسُ بْنُ عَامِرٍ مَعَ أُمَّدَادِ أَهْلِ الْيَمَنِ
مِنْ مُرَادٍ تَمَّ مِنْ قَرْنٍ كَانَ بِهِ بَرَصٌ فَبَرَأَ مِنْهُ إِلَّا مَوْضِعَ
دِرْهِمٍ لَهُ وَالِدَةٌ هُوَ بِهَا بَرٌّ لَوْ أَقْسَمَ عَلَى اللَّهِ لِأَبْرَهُ فَإِنْ

اسْتَطَعْتُ أَنْ يَسْتَغْفِرَ لَكَ فَأَفْعَلُ.

“Akan datang kepada kalian Uwais bin ‘Amar bersama pasukan bantuan daripada Yaman. (Dia) daripada Murad, kemudian daripada Qarn. Dia dahulunya memiliki penyakit belang lalu telah sembuh daripadanya kecuali satu bahagian sebesar satu dirham. Dia memiliki seorang ibu yang dia selalu berbakti kepadanya. Seandainya dia bersumpah dengan nama Allah, nescaya Allah akan mengabulkan sumpahnya itu. Jika kamu mampu memintanya memohon ampun untuk kamu, maka lakukanlah.”

Berkata ‘Umar: “Mintakanlah ampun untuk aku.” Maka Uwais meminta ampun untuk ‘Umar.⁴⁷

“Orang shalih” yang dimaksudkan adalah orang yang faham agama dan melaksanakannya secara adil antara hubungan dengan Allah Subhanahu wa Ta’ala dan hubungan sesama makhluk. Orang shalih yang faham agama adalah mereka yang beramal dengan apa yang disyari’atkan oleh Allah dan Rasul-Nya serta membanteras apa-apa amal yang bid’ah. Mereka juga beramal dengan

⁴⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2542 (*Kitab Fadha’il al-Shahabah, Bab keutamaan Uwais al-Qarni*).

menjaga hubungan sesama manusia, khasnya ibubapa. Tidak ketinggalan mereka juga menjaga hubungan dengan haiwan dan alam sekitar.⁴⁸ Orang yang shalih juga mampu menimbangkan antara dua atau lebih amalan, manakah yang lebih patut dia beri tumpuan (priority) untuk mencapai manfaat yang paling luas dan kemudharatan yang paling kecil (Fiqh al-Awlawiyat: **فقه الأولويات**).

Selain itu apabila meminta seorang yang shalih mendoakan kita, tidak boleh beranggapan bahawa orang tersebut memiliki pengaruh yang mampu menjadikan permintaan kita lebih bernilai, lebih cepat sampai kepada Allah dan lebih tinggi kemungkinan untuk dimakbulkan oleh Allah. Tujuan kita meminta orang yang shalih mendoakan kita bukanlah kerana pengaruhnya tetapi adalah kerana:

1. Orang yang shalih lebih kerap “berhubung” dengan Allah Subhanahu wa Ta’ala, seperti selalu menunaikan solat berjamaah, istiqamah dengan

⁴⁸ Lazimnya kelihatan orang bukan Islam banyak memberi tumpuan kepada kebajikan haiwan dan alam sekitar sementara kita orang Islam meremehkannya. Sebenarnya kita tetap dituntut menjaga kebajikan haiwan dan alam sekitar, bahkan ia termasuk dalam sesuatu yang menentukan ganjaran syurga atau balasan neraka. Lebih lanjut rujuk artikel saya *Haiwan Dalam Islam* dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 5)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

solat sunat, disiplin bangun malam berqiamulail, sering berpuasa sunat, selalu berzikir dan tidak meremehkan amar ma'ruf wa nahi 'an mungkar (mengajak kepada kebaikan dan menegah daripada kemungkaran). Hubungan-hubungan ini akan membolehkan dia mendoakan apa yang kita minta dengan kekerapan yang lebih tinggi.

2. Orang yang shalih akan mendoakan permintaan kita dengan syarat dan adab yang digariskan oleh Allah dan Rasul-Nya. Syarat dan adab ini akan saya nyatakan selepas ini.
3. Orang yang shalih lebih mengetahui doa-doa daripada al-Qur'an dan hadis-hadis yang sahih. Dengan itu dia akan mendoakan permintaan kita berdasarkan doa-doa tersebut.
4. Seandainya tidak ada doa daripada al-Qur'an dan hadis yang menepati permintaan kita, orang yang shalih mampu menyusun doa dengan perkataan yang lebih tepat dan bernilai.
5. Orang yang shalih lazimnya memiliki hikmah dan wawasan yang luas sehingga dia mampu menasihati kita seandainya permintaan kita adalah sesuatu yang tidak baik untuk dunia dan akhirat.

Demikian tiga jenis perantaraan yang boleh digunakan dalam berdoa.

Berdoa Dengan Perantaraan Yang Dilarang.

Perantaraan yang dilarang adalah berdoa dengan kemuliaan makhluk, sama ada yang masih hidup atau sudah meninggal dunia. Satu contoh ialah: "Ya Allah, Aku meminta dengan kemuliaan syaikh Ahmad agar Engkau kurniakan kepada aku keyakinan menghadapi peperiksaan ini."

Sebenarnya terdapat perbincangan berkenaan doa dengan menggunakan perantaraan kemuliaan makhluk. Terdapat sebahagian pihak yang membolehkannya. Mereka menggunakan riwayat yang terdiri daripada beberapa hadis dan atsar sahabat. Namun riwayat-riwayat tersebut tidak menepati syarat "dalil yang kuat lagi jelas". Sebahagian daripadanya memiliki sanad yang sahih namun maksudnya tidak jelas. Sebahagian lagi memiliki maksud yang jelas tetapi sanadnya tidak sahih. Di sini bukanlah tempat yang sesuai untuk mengupas riwayat-riwayat tersebut.⁴⁹ Namun yang akan dikupas adalah apa yang

⁴⁹ Para pembaca boleh mengkaji buku *al-Tawassul 'an Wa'suhu wa Ahkamuhu* oleh al-Albani. Ia sudah diterjemahkan atas judul *Tawassul dan*

membentuk dasar perbincangan, iaitu kenapakah perlu berdoa dengan perantaraan kemuliaan makhluk?

Mengaku atau tidak, pihak yang membolehkan doa dengan perantaraan kemuliaan makhluk melakukannya kerana mengharap pengaruh daripada makhluk tersebut. Memang, doa itu dipanjatkan terus kepada Allah. Namun melalui perantaraan kemuliaan makhluk, diyakini doa tersebut akan lebih bernilai, lebih cepat sampai kepada Allah dan lebih tinggi kemungkinan untuk dimakbulkan oleh Allah.

Berdoa dengan perantaraan ini mirip kepada sikap orang-orang musyrik yang menyembah dan meminta pertolongan kepada sesuatu selain Allah Subhanahu wa Ta'ala. Apabila ditanya, mereka memberi alasan ia hanyalah perantaraan dengan Allah. Konon yang disembah dan diminta pertolongan tetap Allah jua. Hakikat ini dinyatakan di dalam al-Qur'an:

Dan mereka menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: "Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-

Tabarruk oleh Aunur Rafiq dan Abdul Rashid, diterbitkan oleh Pustaka al-Kautsar, Jakarta, 1998.

pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah." [Yunus 10:18]

Ingatlah! (Hak yang wajib dipersembahkan) kepada Allah ialah segala ibadah dan bawaan yang suci bersih (dari segala rupa syirik). Dan orang-orang musyrik yang mengambil selain dari Allah untuk menjadi pelindung dan penolong (berkata): "Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah sehampir-hampirnya." [al-Zumar 39:03]

Tokoh-tokoh yang dijadikan sebagai perantaraan doa, mereka sebenarnya tidak dapat mendatangkan apa-apa manfaat atau menjauhkan apa-apa mudarat daripada diri sendiri. Setiap daripada mereka mencari jalan untuk beribadah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan mengharapkan rahmat-Nya. Justeru apa perlu mencari pengaruh daripada mereka yang tidak memiliki pengaruh untuk diri sendiri? Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Katakanlah: "Serukanlah orang-orang yang kamu dakwa (boleh memberi pertolongan) selain dari Allah, maka sudah tentu mereka tidak berkuasa menghapuskan bahaya daripada kamu dan tidak dapat memindahkannya.

Orang-orang yang mereka seru itu, masing-masing mencari jalan mendampingi diri kepada Tuhannya (dengan berbuat ibadat), sekali pun orang yang lebih dekat kepada Tuhannya, serta mereka pula mengharapkan rahmat-Nya dan gerun takut akan azab-Nya; sesungguhnya azab Tuhanmu itu, adalah (perkara yang semestinya) ditakuti. [al-Isra' 17:56-57]

Oleh itu berdoa dengan perantaraan kemuliaan seorang tokoh adalah sesuatu yang sebenarnya mencemari kemurnian tauhid. Sekalipun terdapat banyak perbincangan tentang menggunakan perantaraan ini, kelihatannya perbincangan tersebut hanya ditujukan kepada darjat hadis dan maksudnya. Padahal ia sepatutnya ditujukan kepada apa yang membentuk dasar perbincangan, iaitu kenapa perlu menggunakan perantaraan tersebut. Jika diyakini bahawa "Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku." , nescaya perbincangan akan ditutup dengan kesimpulan tidak perlu berdoa dengan perantaraan kemuliaan makhluk.

Syarat-Syarat Berdoa.

Setiap ibadah memiliki syaratnya dan doa tidak terkecuali dari hal ini. Justeru ingin diambil kesempatan ini untuk menerangkan beberapa syarat dalam berdoa. Ia dapat disenaraikan seperti berikut:

Pertama:

Doa dipanjatkan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja dan harapan agar ia dikabulkan diserahkan kepada Allah sahaja. Seandainya ingin berdoa melalui perantaraan (tawasul), maka hendaklah melakukannya melalui cara yang ditunjuki oleh dalil yang kuat lagi jelas. Ini sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Kedua:

Doa dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan selawat kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Fadhalah bin 'Ubaid radhiallahu 'anh berkata:

سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا يَدْعُو فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَجَلْ هَذَا. ثُمَّ دَعَاهُ فَقَالَ لَهُ أَوْ لغيره: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ اللَّهِ وَالتَّنَاءِ

عَلَيْهِ ثُمَّ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ لِيَذُغَ
بَعْدُ بِمَا شَاءَ.

Nabi shallallahu 'alaihi wasallam mendengar seorang lelaki yang berdoa dalam solatnya namun tidak berselawat ke atas Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Maka Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Orang ini terburu-buru."

Lantas baginda memanggilnya dan berkata kepadanya atau kepada selainya: "Apabila seseorang kalian bersolat, hendaklah dimulai dengan Tahmid dan puji-pujian kepada Allah kemudian diikuti dengan berselawat ke atas Nabi shallallahu 'alaihi wasallam, kemudian sesudah itu meminta apa sahaja yang dikehendaknya."⁵⁰

Pujian-pujian dan selawat yang dimaksudkan dalam hadis di atas adalah bacaan ketika duduk tasyahud di dalam solat. Maka berdoalah selepas selesai membaca tasyahud dan sebelum memberi salam. Akan tetapi petunjuk hadis ini perlu juga diamalkan apabila ingin berdoa di luar solat. Hendaklah doa dimulakan dengan puji-pujian kepada Allah: "Alhamdulillah Rabbil 'alamin"

⁵⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3477 (*Kitab al-Da'awat*).

diikuti dengan selawat: "Allahumma shalli 'ala Muhammad wa 'ala ali Muhammad." Demikian bentuk pujian dan selawat yang paling ringkas.

Ketiga:

Hendaklah sentiasa berdoa tanpa mengira sama ada dalam suasana susah atau senang, sedih atau bahagia. Malah hendaklah diperbanyakkan doa dalam suasana senang dan bahagia jika inginkan doa dalam suasana susah dan sedih dikabulkan. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللَّهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْكَرْبِ
فَلْيُكْثِرِ الدُّعَاءَ فِي الرَّخَاءِ.

Sesiapa ingin Allah mengabulkan doanya ketika susah dan sedih, maka hendaklah diperbanyakkan doa pada saat lapang.⁵¹

Keempat:

Orang yang berdoa hendaklah memelihara diri

⁵¹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3382 (*Kitab al-Da'awat*).

daripada terlibat dalam perkara-perkara yang dilarang agama. Alhamdulillah kita berjaya memelihara diri daripada maksiat dan larangan agama yang jelas seperti mencuri, makanan yang tidak disembelih dan memfitnah orang di khalayak ramai. Namun terdapat beberapa kesalahan yang terselindung di sebalik "kebiasaan orang ramai" sehingga kita tidak menyedarinya, seperti:

1. Bergosip di pejabat. Cerita-cerita kosong pasti lambat laun akan melibatkan nama orang lain sehingga akhirnya tersebar fitnah yang membuka aib orang yang sebenarnya tidak bersalah. Termasuk dalam kategori ini ialah saling berbalas e-mel atau pesanan ringkas (SMS) yang berisi unsur menggosipkan orang lain.
2. Keluar membeli belah dalam waktu pejabat padahal gaji tetap berjalan selama waktu tersebut. Gaji itu pula kemudian digunakan untuk membeli makanan, minuman dan pakaian diri sendiri dan ahli keluarga. Umumnya umat Islam hanya memberi perhatian agar makanan mereka adalah "halal sembelihannya" tanpa menyemak sama ada wang ringgit yang mereka guna untuk membeli makanan tersebut adalah "halal sumbernya".
3. Menonton VCD dan DVD cetak rompak. Sudah

menjadi kelaziman orang ramai menonton filem daripada VCD dan DVD cetak rompak. Malah seandainya dibeli yang tulen, pasti rakan-rakannya akan memandangi sebagai satu keanehan.

4. Tidak menganjurkan kebaikan mahupun melarang kemungkaran kepada rakan-rakan kerja atau teman seasrama. Padahal itulah peluang terbaik untuk melakukannya.

Semua ini, sama ada yang jelas atau tersembunyi, adalah perkara-perkara larangan agama yang menjauhkan kemungkinan doa kita akan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah menerangkan tentang tindakan seorang yang menadah tangannya ke langit dan berdoa "Wahai Tuhan! Wahai Tuhan!" akan tetapi:

وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ
وَعُذِي بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ؟

...makanannya (daripada sumber yang) haram, minumannya (daripada sumber yang) haram dan pakaiannya (daripada sumber yang) haram dan daging tubuhnya tumbuh dari yang haram. Justeru bagaimana mungkin dia mengharap doaanya

dimakbulkan?⁵²

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَتَأْمُرَنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلَتَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ أَوْ لَيُوشِكَنَّ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِنْهُ ثُمَّ
تُدْعُونَهُ فَلَا يُسْتَجَابُ لَكُمْ.

Demi diriku yang berada di Tangan-Nya, hendaklah kalian menganjurkan kebaikan dan melarang kemungkaran, atau nyaris Allah akan mengirimkan azab-Nya ke atas kalian. Kemudian kalian berdoa akan tetapi ia tidak dimakbulkan kepada kalian.⁵³

Kelima:

Selain daripada memelihara diri daripada perkara yang dilarang agama, orang yang berdoa juga perlu memelihara diri daripada berdoa sesuatu yang dilarang oleh agama. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

لَا يَزَالُ يُسْتَجَابُ لِلْعَبْدِ مَا لَمْ يَدْعُ بِإِثْمٍ أَوْ قَطِيعَةٍ

⁵² **Sahih:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 1015 (*Kitab al-Zakat, Bab diterimanya sedekah daripada sumber yang baik...*).

⁵³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 2169 (*Kitab al-Fitan, Bab berkenaan amar ma'ruf dan...*).

رَحِمَ

Pasti akan dimakbulkan doa seorang hamba selagi mana dia tidak meminta sesuatu yang berdosa atau (meminta untuk) memutuskan silaturahmi.⁵⁴

Keenam:

Apabila kita ingin meminta sesuatu daripada orang yang lebih besar dan penting kedudukannya, seperti ketua syarikat atau dekan universiti, sudah tentu kita akan meminta dengan penuh rendah diri dan suara yang perlahan lagi lemah lembut. Permintaan ini dilakukan dengan perasaan gerun takut kerana sedang meminta daripada orang yang lebih besar kedudukannya. Ini diikuti dengan perasaan bimbang seandainya ia tidak diterima, namun pada waktu yang sama tetap optimistik, berharap agar ia diterima.

Nah! Jika demikian sikap kita apabila meminta sesuatu sesama makhluk, apatah lagi jika kita ingin meminta sesuatu daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh kerana itu Allah telah menerangkan beberapa adab

⁵⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2735-3 (*Kitab al-Zikr wa al-Doa...*, Bab menjelaskan bahawa dikabulkan doa bagi orang yang tidak putus asa).

orang yang ingin berdoa kepada-Nya. Adab-adab ini sekaligus menjadi salah satu daripada syarat berdoa:

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendahkan diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. [al-A'raaf 7:55]

Dan berdoalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya Rahmat Allah hampir kepada orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya. [al-A'raaf 7:56]

Maka Kami perkenankan doanya (Nabi Zakaria), dan Kami kurniakan kepadanya (anak) Yahya, dan Kami perelokkan keadaan isterinya yang mandul, (untuk melahirkan anak) baginya. (Kami limpahkan berbagai ihsan kepada Rasul-rasul itu ialah kerana) sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada kami dengan penuh harapan serta gerun takut; dan mereka pula sentiasa khusyuk (dan taat) kepada Kami. [al-Anbiya' 21:90]

Selain itu jangan berdoa dengan sikap berputus

asa, sebaliknya hendaklah yakin bahawa ia akan dikabulkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Sambil itu hendaklah berdoa dengan kekhusyukan, bukan dengan kelalaian seperti memikirkan sesuatu yang lain ketika berdoa. Ini termasuk adab-adab berdoa yang diajar oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

يُسْتَجَابُ لِأَحَدِكُمْ مَا لَمْ يَعْجَلْ فَيَقُولُ قَدْ دَعَوْتُ
فَلَا أَوْ قَلَمٌ يُسْتَجَبُ لِي.

Pasti dikabulkan doa seseorang daripada kalian selagi mana dia tidak berputus asa lalu merungut: "Sungguh aku sering berdoa namun belum dikabulkan untukku."⁵⁵

ادْعُوا اللَّهَ وَأَنْتُمْ مُوقِنُونَ بِالْإِجَابَةِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ
اللَّهَ لَا يَسْتَجِيبُ دُعَاءَ مَنْ قَلَبٍ غَافِلٍ لَاهٍ.

Berdoalah kepada Allah dalam keadaan kalian meyakini ia akan dikabulkan. Ketahuilah bahawa Allah tidak akan mengabulkan doa daripada hati yang lupa lagi lalai.⁵⁶

⁵⁵ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 2735 (*Kitab al-Zikr wa al-Doa...*, Bab menjelaskan bahawa dikabulkan doa bagi orang yang tidak putus asa).

⁵⁶ **Hasan:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3379 (*Kitab al-*

Demikian beberapa syarat dalam berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Seandainya doa selama ini tidak dimakbulkan, hendaklah disemak semula adakah doa tersebut dipanjatkan kepada Allah melalui syarat-syarat di atas.

Walaubagaimanapun adakalanya Allah Subhanahu wa Ta'ala sengaja tidak memakbulkan sesuatu doa. Ini berlaku kerana Allah mengetahui bahawa apa yang diminta itu bakal membawa mudarat kepada yang meminta, atau dengan doa tersebut Allah menjauhkan satu keburukan lain yang mungkin tidak disedari oleh yang meminta. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam menerangkan hakikat ini:

مَا مِنْ أَحَدٍ يَدْعُو بِدُعَاءٍ إِلَّا آتَاهُ اللَّهُ مَا سَأَلَ أَوْ
كَفَّ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهُ.

Tidaklah seseorang itu berdoa dengan satu doa melainkan Allah mengurniakan apa yang dimintanya atau (Allah) menahan daripadanya satu keburukan yang semisal.⁵⁷

Da'awat).

⁵⁷ **Hasan:** Sebahagian daripada hadis yang dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3381 (*Kitab al-Da'awat*).

Pencemaran # 10:

Mengubah Syari'at Allah.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Adakah mereka mempunyai sembah-sembahan selain Allah yang mensyari'atkan untuk mereka agama yang tidak diizinkan oleh Allah? [al-Syura 42:21]⁵⁸

Agama yang diizinkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala ialah Islam. Akan tetapi ada sebahagian orang yang mensyari'atkan agama tersendiri dan tetap menganggapnya sebagai Islam yang diizinkan oleh Allah. Tindakan seperti ini mencemari kemurnian tauhid kerana ia bererti mengangkat sesuatu yang lain sebagai tuhan yang sejajar dengan Allah. Oleh kerana itulah Allah menggelarnya sebagai "sembahan-sembahan", iaitu apa yang dianggap sebagai tuhan yang disembah selain Allah sehingga berhak melakukan perubahan syari'at Islam.

⁵⁸ Ini adalah terjemahan daripada *al-Qur'an Dan Terjemahannya*, terbitan Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur'an, Indonesia.

Sekalipun ayat di atas dalam bentuk pertanyaan, ia adalah pertanyaan yang menyangkal (istifham ingkari), menunjukkan larangan atau kesalahan. Pengajaran daripada ayat di atas adalah kita dilarang daripada mengubah syari'at Allah. Perubahan boleh berlaku dari sudut iktikad dan/atau amalan dan ia wujud dalam bentuk pengguguran, pengurangan, penambahan dan pengubahsuaian. Lebih lanjut:

- Contoh pengubahsuaian dari sudut iktikad adalah dakwaan aliran Islam Liberal masa kini bahawa semua agama adalah benar. Ini adalah pengubahsuaian terhadap firman Allah:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. [Ali Imran 3:19]

- Contoh pengguguran dari sudut iktikad dan amalan ialah dakwaan aliran feminis bahawa memakai tudung bagi perempuan hanyalah merupakan budaya arab 1400 tahun lalu yang tidak perlu diamalkan oleh muslimah masa kini. Iktikad dan amalan ini adalah pengguguran daripada firman Allah:

Dan katakanlah kepada perempuan-

perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka. [al-Nur 24:31]

- Contoh penambahan dari sudut amalan ialah berhimpun melakukan kenduri arwah di rumah yang berlaku kematian padahal perhimpunan tersebut termasuk satu bentuk meratap yang dilarang oleh Islam. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

اثْنَانِ فِي النَّاسِ هُمَا بِهِمْ كُفْرُ الطَّعْنِ فِي النَّسَبِ
وَالنِّيَاحَةِ عَلَى الْمَيِّتِ.

Dua hal yang ada pada manusia yang kedua-duanya menyebabkan mereka kufur: mencela keturunan dan meratap kematian.⁵⁹

⁵⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya* – hadis no: 67 (*Kitab al-Iman, Bab menggunakan gelaran “Kufur” ke atas orang yang mencela nasabnya dan meratap kematian*).

Jabir bin Abdillah radhiallahu 'anh berkata:

كُنَّا نَرَى لِاجْتِمَاعِ إِلَى أَهْلِ الْمَيِّتِ وَصَنْعَةِ
الطَّعَامِ مِنَ النَّيَّاحَةِ.

Kami (para sahabat) memandang berkumpul di rumah keluarga yang ditimpa kematian dengan membuat makanan termasuk dalam perbuatan meratap.⁶⁰

- Contoh pengurangan dari sudut amalan ialah sengaja meninggalkan bersahur sebaik sahaja sebelum azan Subuh ketika berpuasa. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

فَصَلُّ مَا بَيْنَ صِيَامِنَا وَصِيَامِ أَهْلِ الْكِتَابِ أَكْلَةُ السَّحْرِ.

Pembeza antara puasa kita dengan puasa Ahli Kitab ialah makan sahur.⁶¹

- Contoh pengubahsuaian dari sudut amalan ialah berdoa beramai-ramai dengan suara yang kuat. Berdoa merupakan amalan yang dituntut oleh Islam akan tetapi melakukannya dengan beramai-ramai

⁶⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Ibn Majah* – hadis no: 1612 (*Kitab al-Jana'iz, Bab berkenaan larangan berhimpun di rumah keluarga si mati*).

⁶¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Shahihnya* – hadis no: 1096 (*Kitab al-Siyam, Bab Keutamaan sahur...*)

dengan suara yang kuat adalah pengubahsuaian daripada adab berdoa yang diterangkan oleh Allah:

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas. [al-A'raaf 7:55]

Demikian beberapa contoh mengubah syari'at Islam yang dilarang. Walaubagaimanapun perlu dibezakan bahawa tidaklah dimaksudkan sebagai mengubah syari'at Islam jika sesuatu perkara itu dilakukan dalam rangka memelihara syari'at atau untuk mencapai tujuannya. Usaha memelihara syari'at dan usaha mencapai tujuan syari'at adalah dua perkara yang termasuk dalam keumuman amar ma'ruf dan nahi mungkar yang dituntut ke atas para pemimpin dan umat Islam. Firman Allah:

Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. [al-Hajj 22:41]

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. [al-Taubah 9:71]

Oleh itu pembahagian ilmu Islam kepada beberapa jurusan seperti ilmu tafsir, ilmu hadis, ilmu fiqh dan penulisan, pembelajaran serta pengkajian ilmu Islam termasuk dalam kategori memelihara syari'at Islam. Usaha ini, sama ada oleh para pemimpin yang menyediakan dana dan kemudahan, para tokoh yang melakukan pembahagian dan penulisan dan orang ramai yang berusaha untuk mengkaji dan belajar, tidak termasuk dalam kategori mengubah syari'at Islam. Melakukannya adalah sesuatu yang ma'ruf manakala mengabaikannya adalah sesuatu yang mungkar.

Demikian juga dengan tindakan pihak berwajib yang mensyaratkan kursus kehidupan rumahtangga bagi pasangan yang ingin berkahwin dan tindakan orang ramai

yang mewujudkan “Tabung Khairat Kematian” di kawasan perumahan masing-masing, ia termasuk dalam kategori mencapai tujuan syari’at Islam. Ia bukanlah mengubah syari’at Islam. Melakukannya adalah sesuatu yang ma’ruf manakala mengabaikannya adalah sesuatu yang mungkar.

Sembahan-Sembahan Yang Lazim Digunakan.

Terdapat beberapa sembah yang lazim digunakan oleh orang ramai untuk mengubah syari’at Allah. Berikut dikemukakan beberapa daripada sembah tersebut:

Sembahan Pertama: Orang-Orang Alim.

Firman Allah Subhanahu wa Ta’ala:

Mereka menjadikan orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai tuhan selain Allah. [al-Taubah 9:31]⁶²

Ayat di atas pada asalnya membicarakan sikap

⁶² Ini adalah terjemahan daripada *al-Qur’an Dan Terjemahannya*, terbitan Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur’an, Indonesia.

kaum Ahli Kitab yang menerima apa sahaja ajaran dan hukum daripada orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sehingga membelakangkan kitab dan ajaran Rasul mereka yang sebenar. Sekalipun perbicaraan adalah terhadap kaum Ahli Kitab, ayat ini tetap ditunjukkan kepada kita umat Islam agar tidak melakukan hal yang sama.

Pada hakikatnya, "sembahan-sembahan" yang paling banyak mengubah syari'at Allah adalah orang agamawan. Majoriti umat Islam terlalu memberi kepercayaan kepada para pensyarah, ustaz, imam, khatib dan pelbagai lagi tokoh agamawan sehingga menerima apa sahaja yang mereka sampaikan tanpa menyemak sama ada ia selari atau tidak dengan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.

Di sini saya tidak bermaksud untuk meremehkan "orang-orang agamawan" secara keseluruhan tetapi sekadar mengingatkan kepada para pembaca sekalian bahawa peranan sebenar orang-orang agama adalah menyampaikan ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Manhaj penyampaian mungkin berbeza-beza akan tetapi isi penyampaian tetap sama, iaitu ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang sahih.

Oleh itu janganlah kita menjadikan "orang-orang

agamawan” sebagai “sembahan-sembahan” yang mengubah syari’at Allah. Sebaliknya jadikan mereka sebagai manusia-manusia yang dapat menyampaikan kepada kita syari’at Allah yang asal.

Sembahan Kedua: Hawa Nafsu.

Firman Allah Subhanahu wa Ta’ala:

Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya: tuhan yang dipatuhinya? [al-Jathiyah 45:23]

Menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan atau “sembahan-sembahan” yang mengubah syari’at Allah adalah sesuatu yang lazim, sama ada bagi orang-orang agamawan atau orang awam. Hawa nafsu, lebih-lebih lagi apabila ia dipengaruhi oleh syaitan, sentiasa mengajak kepada pengguguran, pengurangan, penambahan dan pengubahsuaian syari’at Allah.

Maka hendaklah kita sentiasa berwaspada terhadap hawa nafsu kerana ia adakalanya menjadi sembah kita tanpa disedari. Apabila sahaja tergerak hati kita untuk melakukan sesuatu, hendaklah disemak bahawa ia selari dengan ajaran al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih

berdasarkan kefahaman para sahabat radhiallahu 'anhum. Disamping itu hendaklah kita sentiasa berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala agar hati kita sentiasa berada di bawah petunjuk-Nya dan tidak sebaliknya. Allah mengajar kita untuk berdoa:

“Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpah pemberian-Nya.” [Ali Imran 3:08]

Sembahan Ketiga: Mimpi, Ilham Dan Kasyaf.

Sikap orang ramai terhadap mimpi, ilham dan kasyaf⁶³ boleh dibahagi kepada tiga:

1. Mereka yang menerimanya, berpendapat ia dapat dijadikan dalil dalam agama. Bagi mereka, ia mampu menghubungkan mereka secara terus kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam.

⁶³ Kasyaf adalah penyingkapan dimana seorang itu dapat mengetahui sesuatu rahsia yang tidak mungkin dapat diketahui melalui deria yang biasa.

2. Mereka yang menolaknya, berpendapat ia tidak memiliki apa-apa kaitan dengan agama. Bagi mereka ia adalah khayalan akal atau mainan syaitan semata-mata.
3. Mereka yang berada dipertengahan antara menerima dan menolak. Bagi mereka, mimpi, ilham dan kasyaf wujud akan tetapi perlu ditapis dengan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Jika ia selari maka diterima, jika tidak maka ditolak.

Sikap yang ketiga merupakan sikap yang benar. Kita menerima mimpi, ilham dan kasyaf sebagai salah satu kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Allah berfirman:

Katakanlah: "Sesungguhnya limpah kurnia itu adalah di tangan Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi pengetahuan-Nya. Allah menentukan pemberian rahmat-Nya itu kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan (ingatlah), Allah mempunyai limpah kurnia yang besar." [Ali Imran 3:73-74]

Walaupun bagaimanapun kita perlu memiliki satu sistem penapisan untuk membezakan sama ada mimpi, ilham dan

kasyaf tersebut adalah sesuatu yang merupakan kurniaan Allah atau tipu daya syaitan. Penapisan yang dimaksudkan adalah al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Ini kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala sekali-kali tidak akan mengurniakan kepada para hamba-Nya sesuatu yang saling bertentangan berkenaan agama-Nya.

Oleh itu jika seseorang itu bermimpi untuk bangun berqiamulail, terlintas di fikirannya untuk membaca buku agama dan tersingkap kebenaran di antara dua hukum yang diperselisihkan lantaran kekuatan dalil, maka itu adalah mimpi, ilham dan kasyaf yang benar. Akan tetapi jika seseorang itu bermimpi bahawa kewajipan solat telah diangkat daripadanya, terlintas di fikiran lafaz zikir yang baru dan tersingkap di pengetahuannya bahawa si-fulan adalah penzina, maka itu adalah mimpi, ilham dan kasyaf yang berasal daripada syaitan.

Terdapat segelintir orang yang menjadikan mimpi, ilham dan kasyaf yang mereka alami, atau yang dialami oleh tok syaikh mereka, sebagai "sembahan-sembahan" yang mengubah syari'at Allah. Apa sahaja mimpi, ilham dan kasyaf yang mereka alami, mereka menganggap ianya daripada Allah sekalipun bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Pertentangan tersebut, menurut mereka, adalah syari'at baru yang Allah izin dan

khususkan kepada mereka.

Sikap seperti ini adalah salah kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak akan menurunkan syari'at yang baru selepas agama Islam yang lengkap ini. Apa yang mereka terima melalui mimpi, ilham dan kasyaf tersebut bukanlah daripada Allah akan tetapi daripada syaitan yang ingin menyesatkan mereka daripada agama Allah.

Sembahan Keempat: Ilmu Ladunni.

Terdapat satu kurniaan Allah Subhanahu wa Ta'ala yang lebih khusus kepada para hamba-Nya berbanding mimpi, ilham dan kasyaf, iaitu Allah mengurniakan ilmu-Nya terus kepada seorang hamba tanpa melalui proses pembelajaran yang biasa. Ilmu seperti ini dinamakan Ilmu Ladunni. Pengurniaan ilmu seperti ini disebut oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala terhadap hamba-Nya Nabi Khidir 'alaihissalam:

Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami. [al-Kahfi 18:65]

Sikap terhadap ilmu ladunni adalah kita menerimanya berdasarkan penapisan al-Qur'an dan al-

Sunnah yang sahih. Penapisan ini adalah perlu sebagai pembuktian bahawa ia benar-benar daripada sisi Allah dan bukannya daripada sisi syaitan. Ibn al-Qayyim rahimahullah (758H) menjelaskan:

Adapun mengenai pengakuan tentang terjadinya suatu ilmu tanpa sebab dan dalil, maka ia tidak benar kerana sesungguhnya Allah mengikat pengetahuan dengan sebab-sebabnya. Tidak akan diperoleh suatu ilmupun bagi seseorang, kecuali dengan dalil yang digunakannya untuk menunjukkannya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* meneguhkan rasul-rasul-Nya dengan pelbagai macam dalil dan bukti yang menunjukkan kepada mereka bahawa apa yang mereka bawa adalah dari sisi Allah, dan menunjukkan umat mereka kepadanya.

Mereka memiliki dalil dan bukti yang benar yang menunjukkan bahawa apa yang mereka bawa itu adalah daripada sisi Allah. Bukti-bukti yang ada pada mereka itu merupakan dalil dan saksi untuk mereka dan umat mereka. Dalil-dalil dan bukti-bukti yang mereka miliki dan yang ada pada mereka adalah bukti dan dalil terbesar. Allah menyaksikan pembenaran mereka

terhadap bukti-bukti yang ditegakkan-Nya. Oleh kerana itu, setiap ilmu yang tidak disandarkan pada satu dalil merupakan pengakuan yang tidak berdalil dan hukum yang tidak memiliki bukti bagi orang yang mengatakannya. Jika demikian keadaannya, maka ia tidak boleh dinamakan ilmu, lebih-lebih dinamakan sebagai *ilmu ladunni*.

Jadi, *ilmu ladunni* ialah ilmu yang didasari dalil yang sahih bahawa ia datang dari Allah melalui perantaraan lisan Rasul-Nya. Ilmu yang seperti ini adalah *ilmu ladunni* dalam erti ilmu yang berasal dari diri seseorang; berasal darinya dan kembali kepadanya.

Ilmu ladunni ini begitu meluap dan menjadi barang murah, hingga setiap kelompok mengaku bahawa ilmu mereka adalah *ladunni*. Orang-orang yang berbicara tentang hakikat iman, *suluk* (perjalanan menuju Allah), nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya, dengan seenaknya saja dan berdasarkan bisikan syaitan ke dalam hatinya, beranggapan bahawa ilmu yang mereka miliki adalah *ilmu ladunni*.

Orang-orang *athies* dari penganut fahaman *a/-*

Ittihad (bersatu *Khaliq* dengan makhluk) dan orang-orang *zindiq* yang menisbatkan diri kepada *suluk* juga mengatakan bahawa ilmu mereka adalah *ladunni*. Orang-orang yang bingung dari kalangan ahli ilmu kalam, orang-orang *zindiq* dari kaum sufi dan orang-orang bodoh dari kalangan filosof telah menulis tentang *ilmu ladunni*, dan masing-masing mendakwa ilmunya adalah *ilmu ladunni*. Mereka ada benarnya dan ada pula kebohongannya; sebab *ladunni* berasal daripada perkataan "*Ladun*" yang ertinya "*Inda*" (di sisi atau dari). Seakan-akan mereka mengatakan *al-ilmul indi*. Akan tetapi persoalannya adalah dari sisi siapakah ilmu tersebut? Padahal Allah sangat mencela orang yang menyandarkan sesuatu kepada-Nya, padahal sebenarnya ia bukan dari sisi-Nya. Allah berfirman:

Dan mereka pula berkata: "(Bahawa) ia adalah (datangnya) dari sisi Allah", padahal ia bukanlah dari sisi Allah; dan mereka pula tergamak berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta). [Ali Imran 3:78]

Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis Kitab Taurat dengan tangan mereka (lalu mengubah Kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: "Ini ialah dari sisi Allah". [al-Baqarah 2:79]

Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara yang dusta terhadap Allah, atau orang yang berkata: "Telah diberi wahyu kepadaku", padahal tidak diberikan sesuatu wahyu pun kepadanya. [al-An'aam 6:93]

Siapa saya yang mengatakan bahawa ilmu ini dari sisi Allah, sementara dia berbohong dalam penyandaran tersebut, maka dia akan mendapatkan bahagian yang besar dari celaan ini. Ayat seperti ini terdapat di dalam al-Qur'an. Allah mencela orang yang menyandarkan kepada-Nya sesuatu yang ilmu yang tidak memiliki dasar sama sekali atau orang yang berkata atas nama Allah tanpa dasar ilmu. Oleh kerana itu Allah menyusun urutan hal-hal yang diharamkan menjadi empat tingkatan, dan Dia menjadikan yang paling berat antaranya adalah

mengatakan sesuatu atas nama-Nya tanpa landasan ilmu yang benar. Dia menjadikannya sebagai akhir urutan sesuatu yang diharamkan dan tidak dibolehkan dalam keadaan apapun, bahkan diharamkan dalam setiap agama melalui lisan para rasul.⁶⁴

Barangsiapa mengatakan: "Ini adalah *ilmu ladunni*" untuk sesuatu yang dia tidak tahu bahawa itu adalah dari sisi Allah, dan tidak ada dalil dari sisi Allah bahawa ilmu tersebut adalah daripada-Nya, maka bererti dia seorang pendusta yang berbuat pendustaan atas nama Allah, orang yang paling zalim di antara sekian banyak orang yang zalim dan orang yang paling pendusta di antara para pendusta.⁶⁵

⁶⁴ Ayat yang dimaksudkan adalah:

Katakanlah: "Sesungguhnya Tuhanku hanya (1) mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, sama ada yang nyata atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa; (2) dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar; dan (3) (diharamkan-Nya) kamu mempersekutukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membenarkannya); dan (4) (diharamkan-Nya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya." [al-A'raaf 7:33]

⁶⁵ *Madarij al-Salikin*, jld. 3, ms. 432-433; dinukil daripada buku Yusuf al-Qaradhawi Wangsit, *Kasyaf, Mimpi, Jimat, Perdukunan Dan Pengobatan Spiritual Dalam Tinjauan Islam* (edisi terjemahan oleh Imron Effendi daripada judul asal *Mauqif al-Islam min al-Ilham, wa al-Kasyaf*

Sepertimana dalam perbincangan sebelumnya, terdapat segelintir orang yang menjadikan ilmu ladunni sebagai “sembahan-sembahan” yang mengubah syari’at Allah. Mereka menganggap diri mereka atau tok syaikh mereka sebagai “hamba terpilih” yang dikurniakan Allah dengan ilmu ladunni, sekalipun ilmu tersebut bertentangan dengan al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih. Pertentangan tersebut, menurut mereka, adalah syari’at baru yang Allah izin dan khususkan kepada mereka.

Sikap seperti ini adalah salah kerana tidak boleh menyandarkan sesuatu kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala tanpa pembuktian yang nyata. Pembuktian tersebut adalah membandingkan apa yang dianggap sebagai “ilmu” tersebut kepada ajaran al-Qur’an dan al-Sunnah yang sahih yang dilandaskan kepada kefahaman para sahabat radhiallahu ‘anhum. Tidak boleh dengan mudah menganggap ilmu tersebut adalah daripada sisi Allah kerana kebarangkalian ia berasal daripada sisi syaitan adalah jauh lebih besar.

Sembahan Kelima: Kisah Nabi Khidir.

wa al-Ru’a wa min al-Tama’im wa al-Kahanah wa al-Ruqa; Robbani Press, Jakarta 1998), ms. 72-74. Ini adalah sebuah rujukan yang amat baik bagi para pembaca yang ingin mengkaji dengan lebih lanjut berkenaan mimpi, ilham dan kasyaf.

Terdapat sebuah kisah yang tercatat di dalam al-Qur'an antara Nabi Khidir dan Nabi Musa 'alaihissalam dimana Nabi Khidir telah mengajar Nabi Musa sesuatu yang berbeza daripada kebiasaan. Maka segelintir orang mengambil kisah ini sebagai dalil bahawa pada satu masa boleh wujud dua syari'at:

1. Syari'at untuk orang awam. Inilah syari'at yang diturunkan kepada Nabi Musa 'alahissalam.
2. Syari'at untuk orang khusus. Inilah syari 'at yang diturunkan kepada Nabi Khidir 'alaihissalam.

Dengan alasan boleh wujud dua syari'at pada satu masa, mereka mendakwa bahawa umat Muhammad juga boleh memiliki dua syari'at, yang pertama adalah untuk orang awam iaitu syari'at Islam yang disampaikan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Kedua adalah untuk orang-orang terpilih, iaitu syari'at khusus yang disampaikan oleh Allah dalam bentuk mimpi, ilham, kasyaf dan ilmu ladunni.

Sebelum kita menganalisa alasan ini, marilah kita merujuk kepada kisah Nabi Khidir dengan sepenuhnya:

Lalu mereka dapati seorang dari hamba-hamba Kami (Nabi Khidir) yang telah kami kurniakan

kepadanya rahmat dari Kami, dan Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami.

Nabi Musa berkata kepadanya: "Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku?" Dia menjawab: "Sesungguhnya engkau (wahai Musa), tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku. Dan bagaimana engkau akan sabar terhadap perkara yang engkau tidak mengetahuinya secara meliputi?"

Nabi Musa berkata: "Engkau akan dapati aku, Insyallah, orang yang sabar; dan aku tidak akan membantah sebarang perintahmu." Dia (Nabi Khidir) menjawab: "Sekiranya engkau mengikutku, maka janganlah engkau bertanya kepadaku akan sesuatupun sehingga aku ceritakan halnya kepadamu."

Lalu berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka menaiki sebuah perahu, dia (Nabi Khidir) membocorkannya. Nabi Musa berkata: "Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan itu menenggelamkan penumpang-penumpangannya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perkara yang besar."

Dia (Nabi Khidir) menjawab: "Bukankah aku telah katakan, bahawa engkau tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku?" Nabi Musa berkata: "Janganlah engkau marah akan daku disebabkan aku lupa (akan syaratmu); dan janganlah engkau memberati daku dengan sebarang kesukaran dalam urusanku (menuntut ilmu)."

Kemudian keduanya berjalan lagi sehingga apabila mereka bertemu dengan seorang pemuda lalu dia (Nabi Khidir) membunuhnya. Nabi Musa berkata "Patutkah engkau membunuh satu jiwa yang bersih, yang tidak berdosa membunuh orang? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perbuatan yang mungkar!"

Dia (Nabi Khidir) menjawab: "Bukankah, aku telah katakan kepadamu, bahawa engkau tidak sekali-kali akan dapat bersabar bersamaku?" Nabi Musa berkata: "Jika aku bertanya kepadamu tentang sebarang perkara sesudah ini, maka janganlah engkau jadikan daku sahabatmu lagi; sesungguhnya engkau telah cukup mendapat alasan-alasan berbuat demikian disebabkan pertanyaan-pertanyaan dan bantahanku."

Kemudian keduanya berjalan lagi, sehingga

apabila mereka sampai kepada penduduk sebuah bandar, mereka meminta makan kepada orang-orang di situ, lalu orang-orang itu enggan menjamu mereka. Kemudian mereka dapati di situ sebuah tembok yang hendak runtuh, lalu dia (Nabi Khidir) membinanya. Nabi Musa berkata: "Jika engkau mahu, tentulah engkau berhak mengambil upah mengenainya!"

Dia (Nabi Khidir) menjawab: "Inilah masanya perpisahan antaraku denganmu, aku akan terangkan kepadamu maksud (kejadian-kejadian yang dimusykilkan) yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya.

Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.

Adapun pemuda itu, kedua ibu bapanya adalah orang-orang yang beriman, maka kami bimbang bahawa dia akan mendesak mereka melakukan perbuatan yang zalim dan kufur. Oleh itu kami ingin dan berharap supaya Tuhan mereka gantikan bagi

mereka anak yang lebih baik daripadanya tentang kebersihan jiwa dan lebih mesra kasih sayangnya.

Adapun tembok itu pula, adalah ia dipunyai oleh dua orang anak yatim di bandar itu; dan di bawahnya ada harta terpendam kepunyaan mereka; dan bapa mereka pula adalah orang yang shalih. Maka Tuhanmu menghendaki supaya mereka cukup umur dan dapat mengeluarkan harta mereka yang terpendam itu, sebagai satu rahmat dari Tuhanmu (kepada mereka). Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri. Demikianlah penjelasan tentang maksud dan tujuan perkara-perkara yang engkau tidak dapat bersabar mengenainya." [al-Kahfi 18:65-82]

Tumpuan kita ditujukan kepada dua ayat yang terletak pada permulaan dan penutup kisah, iaitu:

1. "...Kami telah mengajarnya sejenis ilmu; dari sisi Kami."
2. "...Dan (ingatlah) aku tidak melakukannya menurut fikiranku sendiri."

Berdasarkan kedua-dua ayat ini, para peneliti berpendapat bahawa Khidir adalah seorang Nabi yang mendapat wahyu daripada Allah. Merujuk kepada tindak

tanduk Nabi Khidir ketika bersama Nabi Musa, kedua-dua ayat ini menunjukkan bahawa tindak tanduk beliau dari mula sehingga akhir adalah berdasarkan ilmu daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dalam erti kata yang lain, apa yang dianggap sebagai "syari'at khusus" yang dilakukan oleh Nabi Khidir telah mendapat izin daripada Allah dan keizinan ini dibuktikan oleh Allah di dalam al-Qur'an.

Ini jauh berbeza dengan orang-orang "terpilih" masa kini yang mendakwa diri mereka juga telah diberi syari'at yang khusus dengan izin Allah melalui jalan mimpi, ilham, kasyaf dan ilmu ladunni. Dakwaan tersebut tidak memiliki apa-apa bukti melainkan dakwaan semata-mata.

Perkara lain yang perlu diperhatikan adalah, Nabi Khidir hadir di sisi Nabi Musa ketika syari'at Nabi Musa belum disempurnakan. Maka di dalam tempoh tersebut masih wujud kemungkinan Allah mensyari'atkan apa yang dikehendaki-Nya. Dengan itu, kita tidak boleh mendakwa apa yang dilakukan oleh Nabi Khidir adalah syari'at yang khusus berbanding syari'at umum Nabi Musa.

Adapun bagi syari'at Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam, ia telah disempurnakan oleh firman Allah:

Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-

Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. [al-Maidah 5:03]

Maka dengan itu mustahil Allah akan menurunkan syari'at khusus yang berbeza dengan apa yang telah Dia sempurnakan, cukupkan nikmat dan redhakan.

Oleh itu kisah Nabi Khidir adalah juga satu bentuk "sembahan-sembahan" selain Allah yang digunakan oleh segelintir orang untuk membuat syari'at tersendiri. Kisah Nabi Khidir adalah benar namun takwilan orang-orang yang mencari kesempatan daripadanya adalah salah. Demikian juga, kisah Nabi Khidir adalah sah pada zaman Nabi Musa manakala menjadikannya sebagai dalil pada zaman Nabi Muhammad adalah tidak sah.

Pencemaran # 11:

Mencintai Sesuatu Sama Atau Lebih
Daripada Allah.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Dan di antara manusia ada yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah): mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah; sedang orang-orang yang beriman itu lebih mencintai Allah (berbanding selainnya). [al-Baqarah 2:165]

Ramai yang menganggap cinta adalah urusan kehidupan yang tiada kaitannya dengan agama, lebih-lebih lagi dalam masalah tauhid. Dengan itu segala cinta mereka ditumpukan kepada urusan-urusan yang berkaitan dengan

kehidupan, khususnya terhadap harta dan ahli keluarga.

Kecintaan kepada harta menyebabkan mereka tunduk kepada apa jua yang dengan itu membolehkan mereka memperbanyakkan harta. Seolah-olah diri mereka adalah hamba manakala harta adalah tuhan yang disembah. Hal ini pernah disentuh oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dalam sabdanya:

تَعِسَ عَبْدُ الدِّينَارِ وَالذَّرْهَمِ.

Celakalah hamba dinar dan dirham.⁶⁶

Tidak ketinggalan adalah cinta mereka kepada ahli keluarga, khususnya anak-anak. Seolah-olah ahli keluarga mereka adalah tuhan sembah yang menentukan apa yang akan mereka lakukan. Sikap seperti inilah yang disebut sebagai "fitnah" oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam firman-Nya:

Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi fitnah ujian, dan di sisi Allah jualah pahala yang besar. [al-Taghabun 64:15]

Sikap seperti inilah yang disentuh oleh ayat 165

⁶⁶ **Sahih:** Sebahagian dari hadis yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 6435 (*Kitab al-Riqa'iq, Bab Mengelak dari fitnah harta*).

surah al-Baqarah di atas: "Dan di antara manusia ada yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah): mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah...". Tanpa kita sedari, kecintaan kita kepada sesuatu yang disamakan dengan kecintaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah satu bentuk pencemaran kemurnian tauhid. Sudah tentu pencemaran ini adalah lebih besar jika kecintaan kita kepada sesuatu adalah lebih tinggi daripada kecintaan kepada Allah.

Adakah Kita Dilarang Mencintai Urusan Dunia?

Tidak demikian, akan tetapi yang dihendaki adalah memberi turutan yang benar dalam kecintaan. Turutan tersebut adalah:

1. Kecintaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "...sedang orang-orang yang beriman itu lebih mencintai Allah (berbanding selainnya)."
2. Kecintaan kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana sabda baginda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ
وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ.

Tidak beriman seseorang kamu sehinggalah aku lebih dicintainya berbanding ibubapanya, anaknya dan manusia seluruhnya.⁶⁷

3. Kecintaan kepada perkara-perkara yang lain.

Bagaimanakah Membuktikan Kecintaan Kepada Allah?

Kecintaan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala bukanlah perasaan hati semata-mata akan tetapi dibuktikan melalui perbuatan. Perbuatan itu pula tidak semata-mata beribadah kepada-Nya akan tetapi juga meliputi segala urusan kehidupan kita. Dalam susunan kata yang lain, seorang yang mencintai Allah akan menjadikan segala urusan kehidupannya kerana Allah, sebagaimana ayat berikut:

Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam." [al-An'aam 6:162]

Dengan itu, sebagai contoh, keunggulan cinta

⁶⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya* – hadis no: 15 (*Kitab al-Iman, Bab mencintai Rasulullah adalah sebahagian daripada iman*)

kepada Allah akan menyebabkan seseorang itu mencari, menyimpan dan membelanjakan hartanya mengikut apa yang dikehendaki Allah. Dia tidak akan menzalimi orang lain dalam mencari harta, tidak akan menyimpannya tanpa mengeluarkan zakat tahunan dan tidak akan membelanjakannya dengan mengabaikan orang-orang kurang kemampuan yang lebih memerlukannya. Keunggulan cinta kepada Allah juga akan menyebabkan seseorang itu mendidik ahli keluarganya menjadi hamba yang turut mencintai Allah. Dengan kecintaan tersebut, mereka sekeluarga akan sentiasa mematuhi perintah larangan Allah serta mencari keredhaan-Nya dan menjauhi kemurkaan-Nya.

Pencemaran # 12:

Menjadikan Jamaah Sendiri Sebagai Agama.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, yaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka. [al-Rum 30:31-32]⁶⁸

Ayat di atas melarang umat Islam daripada keyakinan atau tindakan yang memecah-belahkan agama dan umat sehingga menjadi beberapa golongan. Sebelum melanjutkan penjelasan tentang pecah-belah bagaimana yang dimaksudkan, ingin saya jelaskan terlebih dahulu dua persoalan yang penting berkenaan ayat di atas, yaitu:

Pertama:

Adakah perbicaraan ayat di atas ditujukan kepada orang Islam atau orang musyrikin? Soalan ini dapat dirujuk jawapannya pada permulaan ayat 31, iaitu:

Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan

⁶⁸ Ini adalah terjemahan yang lebih tepat yang saya ambil daripada *al-Qur'an Dan Terjemahannya*, terbitan Yayasan Penyelenggara Penterjemah & Penafsir al-Qur'an, Indonesia.

umatmu) sentiasa rujuk kembali kepada Allah serta bertaqwalah kamu kepada-Nya; dan dirikanlah solat; Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah. [al-Rum 30: 31]

Dengan merujuk kepada keseluruhan ayat 31 surah al-Rum, dapat difahami bahawa perbicaraan ayat ditujukan kepada umat Islam, iaitu umat Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam yang rujuk kembali kepada Allah, bertaqwa kepada-Nya dan mendirikan solat kepada-Nya. Maka perkataan "kamu" pada lanjutan ayat "...dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah" merujuk kepada umat Islam dan bukannya orang musyrikin.

Kedua:

Jika di kalangan umat Islam ada yang berkeyakinan atau bertindak memecah-belahkan agama Islam dan menjadikan umatnya beberapa golongan, adakah mereka menjadi seumpama orang musyrikin atau benar-benar menjadi orang musyrikin? Sebagai jawapan bagi persoalan ini, bandingkan ayat 31-32 surah al-Rum di atas dengan ayat:

Dan janganlah kamu menjadi seumpama orang-orang yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-nabi Allah), Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang besar. [Ali Imran 3:105]

Kedua-dua ayat (Ali Imran 105 & al-Rum 31-32) merujuk kepada keyakinan atau tindakan yang memecah-belahkan agama. Hanya ayat 105 surah Ali Imran bersifat mengumpamakan manakala ayat 31-32 surah al-Rum bersifat menjadikan. Dalam susunan yang lain, ayat 105 surah Ali Imran melarang umat Islam daripada menjadi seumpama orang-orang musyrikin yang memecah-belahkan agama mereka. Ini diikuti dengan ayat 31-32 surah al-Rum, dimana jika umat Islam tetap memecah-belahkan agama Islam dan membentuk golongan-golongan tertentu, maka menjadilah mereka orang-orang musyrikin.

Secara lebih mendalam, kesemua ayat di atas melarang kita umat Islam daripada berkeyakinan atau bertindak untuk memecah-belahkan agama Islam dan membentuk golongan-golongan tertentu. Ia merupakan satu kesalahan yang besar, sehingga ke tahap Allah

membebaskan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam daripada sebarang tanggungjawab atau urusan dalam pemecahan tersebut. Seolah-olah, mereka yang berpecah kepada beberapa golongan tidak lagi menjadi umat Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam. Firman Allah:

Bahawasanya orang-orang yang menceraiberaikan agama mereka dan mereka menjadi bergolongan-golongan, tiadalah engkau (Wahai Muhammad) terkait sedikitpun dalam (perbuatan) mereka. Sesungguhnya perkara mereka hanya terserah kepada Allah. Kemudian Dia akan menerangkan kepada mereka (pada Hari Kiamat kelak) apa yang telah mereka lakukan (dan membalasnya). [al-An'aam 6:159]

Pada masa kini wujud pelbagai "golongan-golongan" yang bercerai-berai di kalangan umat Islam. Hanya pada masa kini ia dikenali sebagai "jamaah-jamaah". Persoalannya, adakah jamaah-jamaah tersebut termasuk dalam perbincangan ayat 31-32 surah al-Rum di atas?

Untuk menjawab persoalan ini, terlebih dahulu saya ingin menerangkan hukum berbilang jamaah mengikut syari'at Islam.

Hukum Berbilang Jamaah Dalam Islam.

Secara umumnya terdapat dua pendapat tentang hukum berbilang jamaah dalam Islam:

- Pendapat Pertama: Tidak boleh ada berbilang jamaah dalam Islam. Antara dalilnya ialah ayat 105 surah Ali Imran, ayat 31-32 surah al-Rum dan ayat 159 surah al-An'aam yang telah dipaparkan di atas.
- Pendapat Kedua: Dibolehkan berbilang jamaah dalam Islam. Dalilnya ialah tindakan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang menghantar para sahabat dalam jamaah-jamaah yang berasingan, setiap satu dengan misi tertentu seperti dakwah, risikan, peperangan dan sebagainya.

Pendapat yang kuat (rajih) ialah di pertengahan antara dua pendapat di atas, iaitu:

- Tidak dibolehkan memiliki berbilang jamaah jika tujuan setiap jamaah ialah memiliki dasar-dasar agama yang tersendiri. Dasar-dasar ini menyelisihi dasar-dasar Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Jamaah-jamaah sebeginilah yang dilarang oleh ayat 105 surah Ali Imran, ayat 31-32 surah al-Rum dan ayat 159 surah al-An'aam.
- Dibolehkan memiliki berbilang jamaah jika tujuan

setiap jamaah ialah melaksanakan aktiviti kebajikan dalam bidang kepakaran masing-masing seperti dakwah kepada bukan Islam, memelihara anak yatim, menjaga ibu tunggal, misi penyelamat dan sebagainya. Di sebalik kepelbagaian aktiviti, setiap jamaah tetap berdiri di atas dasar-dasar Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

Ringkas kata, dibolehkan berbilang jamaah jika "jamaah" itu dijadikan satu sarana yang bermatlamat demi kebaikan agama dan manusia. Di sebalik kebolehan ini, terdapat beberapa adab yang perlu diperhatikan agar para ahli jamaah tidak mencemari kemurnian tauhid mereka sehingga termasuk dalam perbincangan ayat 31-32 surah al-Rum di atas.

Adab-Adab Berjamaah.

Pertama: Tidak Memecah-Belahkan Agama.

Seperti yang dinyatakan di atas, tidak boleh memiliki dasar-dasar agama tersendiri sehingga akhirnya memecah-belahkan agama.

Tidak boleh ada satu jamaah yang hanya memiliki dasar "menegakkan negara Islam", jamaah kedua yang hanya memiliki dasar "mendirikan khalifah", jamaah ketiga yang hanya memiliki dasar "keluar empat puluh hari",

jamaah keempat hanya memiliki dasar “tidak mentakwil sifat-sifat Allah”, jamaah kelima hanya memiliki dasar “zikir berlagu” dan pelbagai lagi.

Semua ini mencemari kemurnian tauhid kerana telah meninggalkan agama Allah yang sempurna secara keseluruhan kepada cebisan-cebisan tertentu, seolah-olah agama ini milik jamaahnya sendiri.

Kedua: Tidak Menganggap Jamaah Sendiri Paling Baik.

Berdasarkan firman Allah yang bermaksud: “Tiap-tiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka”, maka setiap jamaah tidak boleh berbangga-bangga dengan menganggap diri mereka sebagai yang terbaik. Ini dilarang kerana sikap sedemikian akan melahirkan persaingan yang negatif antara jamaah seperti saling berburuk sangka, saling memfitnah dan saling bermusuhan. Seterusnya sikap ini akan melahirkan jamaah-jamaah yang berpuak-puak dan bersuku-suku.

Sikap yang benar ialah merasa rendah diri lagi serba kekurangan. Sikap ini seterusnya akan melahirkan budaya positif saling memahami, saling bertukar pendapat dan saling bekerja sama antara jamaah.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya. [al-Maidah 5:02]

Ketiga: Hanya Berpegang Kepada Tali Allah.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai. [Ali Imran 3:103]

Allah memerintahkan kita untuk hanya berpegang kepada tali-Nya, iaitu menjadikan Allah sebagai satu-satunya sumber ketaatan, arah tujuan, tempat pergantungan, fokus kecintaan, curahan kesetiaan, dasar pembelaan dan sebab kemarahan.

Apabila seseorang itu memiliki sumber ketaatan, arah tujuan, tempat pergantungan, fokus kecintaan, curahan kesetiaan, dasar pembelaan dan sebab kemarahan yang lain daripada Allah, bererti dia berpegang teguh kepada selain tali Allah. Maka berlakulah

pencemaran kemurnian tauhid kerana seorang muslim tidak boleh berpegang kepada selain tali Allah.

Maka dalam rangka berjamaah, tidak boleh berpegang kepada tali jamaah sebagai ganti kepada tali Allah. Tidak boleh menjadikan jamaah sebagai sumber ketaatan, arah tujuan, tempat pergantungan, fokus kecintaan, curahan kesetiaan, dasar pembelaan dan sebab kemarahan. Justeru dalam rangka berjamaah, hendaklah diperhatikan perkara-perkara berikut:

1. Pemimpin jamaah (amir) tidak boleh mengeluarkan syarat yang bertentangan dengan perintah larangan Allah. Seorang amir tidak boleh melarang ahlinya daripada mengikuti majlis-majlis ilmu yang di dalamnya disampaikan ayat-ayat Allah dan hadis-hadis Rasulullah atau melarang ahlinya daripada menyertai aktiviti lain yang tidak termasuk dalam senarai aktiviti jamaahnya.
2. Ahli jamaah tidak boleh mentaati syarat pemimpin jamaah yang bertentangan dengan perintah larangan Allah, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.
3. Perasaan gembira dan sedih, suka dan marah, redha dan benci, Wala' (kesetiaan) dan Bara' (tidak setia) tidak boleh dibataskan kepada hal-ehwal jamaah. Sebaliknya hendaklah didasari kepada hal-

ehwal agama dan umat. Sebagai contoh:

- a) Hendaklah merasa marah seandainya umat Islam diperangi, bukan marah kepada ahli jamaah yang tidak aktif (fujur) atau yang ingin keluar jamaah (bughat dan mutasakitun).
- b) Hendaklah merasa gembira seandainya dapat menjemput orang bukan Islam memeluk Islam, bukan sedih jika tidak dapat mengkader ahli baru ke dalam jamaahnya.
- c) Hendaklah setia (Wala') kepada seluruh umat Islam, membela mereka, mengunggulkan mereka, mencintai mereka dan membantu mereka. Sikap Wala' tidak boleh dibataskan kepada jamaah sahaja kerana:

Sesungguhnya Wali kamu tidak lain hanyalah Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang beriman yang mendirikan solat dan menunaikan zakat sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah).

Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman itu Walinya (maka mereka itulah golongan Allah), kerana sesungguhnya golongan

Allah itulah yang tetap menang. [al-Maidah
5:55-56]

Keempat: Tidak Memesongkan Hadis-Hadis Berkaitan Jamaah.

Sebahagian jamaah ada yang memesongkan hadis-hadis Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam yang menyentuh perihal jamaah. Antara hadis yang dimaksudkan ialah:

أَلَا إِنَّ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى ثِنْتَيْنِ
وَسَبْعِينَ مِئَةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْمِئَةَ سَنَقْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ:
ثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab telah berpecah kepada tujuh puluh dua kumpulan, dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan), tujuh puluh dua daripadanya akan masuk neraka dan hanya satu daripadanya akan masuk syurga, iaitu al-Jamaah.⁶⁹

ثَلَاثَةٌ لَا يُسْأَلُ عَنْهُمْ: رَجُلٌ قَارَقَ الْجَمَاعَةَ، وَعَصَى
إِمَامَهُ وَمَاتَ عَاصِيًّا....

⁶⁹ **Hasan:** Dikeluarkan oleh Abu Daud, lihat *Sunan Abu Daud – no: 442*. Rujuk *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah*, hadis no: 203.

Tiga orang, jangan engkau bertanya tentang mereka: (salah satu darinya ialah) seseorang yang memisahkan dirinya dari jamaah dan menderhakai imamnya dan mati dalam keadaan menderhaka...⁷⁰

فَإِنَّ يَدَ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ
الْجَمَاعَةَ يَرْتَكِضُ.

Sesungguhnya tangan Allah bersama al-Jamaah dan sesungguhnya Syaitan berlari bersama orang yang memecah-belahkan al-Jamaah.⁷¹

Tiga hadis di atas dan lain-lain yang semakna lazim digunakan untuk menarik ahli-ahli baru, memaksa ahli-ahli tersebut agar tetap setia dalam jamaah dan mendakwa jamaahnya sahajalah yang benar.

Ini adalah satu kesalahan yang besar.

al-Jamaah yang dimaksudkan dalam hadis tersebut adalah keseluruhan umat Islam. Dalam erti kata lain, hadis-hadis di atas menerangkan kepentingan untuk umat Islam bersatu (berjamaah) dan jika ada khalifah yang hak,

⁷⁰ **Sahih:** Sebahagian hadis yang dikeluarkan oleh Ibn Hibban ia disahihkan oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4559.

⁷¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Hibban dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Shahih Ibn Hibban*, hadis no: 4557; demikian juga oleh al-Albani dalam *Sahih al-Jamii' al-Sagheir*, hadis no: 3621.

hendaklah kita bersatu (berjamaah) dengan khalifah tersebut.⁷²

Hadis-hadis di atas tidak bermaksud jamaah-jamaah tertentu dengan amir-amirnya. Sesiapa yang menggunakan hadis-hadis di atas dan lain-lain yang semakna dengannya atas tujuan jamaahnya yang tersendiri, sungguh dia termasuk dalam kategori orang yang berdusta atas nama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Dalam sebuah hadis yang sudah dihafal dan diketahui oleh semua orang, Rasulullah bersabda, maksudnya: "Jangan berdusta atas (nama)ku kerana sesungguhnya sesiapa yang berdusta atas (nama)ku, maka dia akan memasuki neraka."⁷³

Terdapat empat kategori orang yang berdusta atas nama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

1. Orang yang mencipta sesuatu hadis lalu dia menyandarkannya kepada Rasulullah.
2. Orang yang menyampaikan sesuatu hadis tanpa dia sendiri mengetahui sama ada ia sahih atau tidak berasal daripada Rasulullah.

⁷² Penjelasan lanjut tentang hadis-hadis tersebut boleh dirujuk d bahagian akhir buku saya *Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah* terbitan Jahabersa, Johor Bahru.

⁷³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim, *al-Lu' Lu' wa al-Marjan*, hadis no: 1.

3. Orang yang mengatakan "Hadis ini sahih, Hadis itu dha'if" dan sebagainya padahal dia sendiri tidak tahu menilai darjat hadis tersebut atau mengetahuinya daripada penilaian mana-mana ahli hadis yang muktabar.
4. Orang yang menyampaikan sesuatu hadis lalu ditarik maknanya jauh daripada makna asal yang ingin disampaikan oleh Rasulullah.

Orang-orang yang menggunakan hadis-hadis di atas dan lain-lain yang semakna dengannya atas tujuan jamaahnya sendiri termasuk dalam kategori keempat di atas.

Kelima: Membetulkan Tujuan Berjamaah.

Telah diterangkan sebelum ini bahawa berjamaah dibolehkan jika ia sekadar satu sarana yang bermatlamat demi kebaikan agama dan manusia. Perkara ini perlu sering diingat-ingatkan kerana sering kali terjadi tujuan berjamaah berpindah arah dari kebaikan agama dan umat kepada kebaikan jamaah dan ahli sendiri.

Perkara ini boleh diukur melalui aktiviti-aktiviti jamaah itu sendiri. Syaikh Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti pernah mengulas tentang aktiviti jamaah-jamaah di Timur Tengah:

Sesungguhnya dakwah yang difahami dan diterapkan oleh majoriti kelompok (jamaah) Islam sekarang ini tidak lebih dari aktiviti sekitar anggota kelompok (jamaah) masing-masing.

...Jika anda perhatikan secara saksama, nescaya anda akan menyaksikan dinding pemisah yang tinggi yang memisahkan antara kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) yang melancarkan aktiviti gerakan seperti yang kami kemukakan sebelumnya. Pada dasarnya di antara mereka itu tidak terjadi proses dakwah, diskusi atau tukar fikiran. Justeru anda menyaksikan sebaliknya, iaitu muncul pelbagai macam kelompok dengan pelbagai macam aliran dan pemikiran yang merosak. Kemudian masing-masing kelompok (jamaah) berusaha mencari pengaruh, berlumba-lumba mendatangi perkampungan untuk menyebarkan pemikiran dan aliran mereka...

Semua ini terjadi pada saat para pemerhati Islam atau kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam sedang memberi tumpuan kepada kegiatan gerakan mereka yang khusus di kalangan mereka. Sehingga dengan demikian itu mereka sudah merasa senang dan

puas hati, dimana dengan aktiviti gerakan itu mereka sudah merasa (seolah) berperanan sebagai seorang da'i (untuk kebaikan Islam dan umatnya).

Dengan penghuraian di atas, penulis tidaklah bermaksud merendahkan aktiviti kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam, tetapi yang penulis maksudkan adalah bahawa aktiviti gerakan ini merupakan satu hal sedangkan dakwah ke jalan Allah merupakan satu hal lain dimana masing-masing istilah tidak dapat disamakan.

Meski pun aktiviti yang dilakukan oleh kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) tersebut adalah baik dan bermanfaat, namun demikian mereka tidak memainkan peranan yang diwajibkan, iaitu mengajak manusia ke jalan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

...Layak untuk kami kemukakan di sini, bahawa masyarakat Islam, sekali pun kaya dengan pelbagai aktiviti gerakan kelompok-kelompok (jamaah-jamaah) Islam, namun sebenarnya sungguh miskin dalam aktiviti dalam bidang dakwah. Sejauh yang kami saksikan dari beberapa medan dakwah ke jalan Allah dan pengenalan

Islam di beberapa tempat, kegiatan tersebut tidak lepas dari keadaan atau tindakan yang bersifat memenuhi kepentingan pribadi dan bukan untuk memenuhi kepentingan yang lebih besar atau memberi solusi (dalam menghadapi cabaran-cabaran Islam dan umatnya).⁷⁴

Keenam: Saling Menasihati dan Menegur.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal shalih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. [al-'Asr 103: 1-3]

Dalam konteks berjamaah, saling berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran, yakni saling menasihati dan menegur, berlaku dalam dua sudut:

- Di dalam jamaah, yakni sesama ahli jamaah yang saling menasihati, menegur ke arah kebenaran dan

⁷⁴ Nukilan berpisah dari buku *al-Jihad fi al-Islam: Kaifa Nafhamuhu wa Kaifa Numarisuhu?* (edisi terjemahan oleh M. Abdul Ghofar atas judul *Fiqh Jihad: Upaya Mewujudkan Darul Islam Antara Konsep Dan Pelaksanaan*; Pustaka an-Nabaa', Jakarta, 2001), ms. 33-34 dengan beberapa suntingan bahasa.

kesabaran. Perkara ini berlaku dalam semua tingkatan. Ahli biasa menegur ahli jawatankuasa, ahli muslimat menasihati ahli muslimin dan begitulah sebaliknya.

Jangan pula wujud budaya kasta dalam jamaah sehingga ahli biasa tidak boleh menasihati ahli jawatankuasa dan ahli muslimat tidak boleh menegur ahli muslimin.

Demikian juga, ide yang cemerlang serta pemikiran yang bernas perlu diterima secara terbuka sekali pun yang mengemukakannya ialah seorang yang baru seminggu menjadi ahli.

- Di antara jamaah, yakni di antara pelbagai jamaah yang berbeza, hendaklah tetap saling menasihati dan menegur ke arah kebaikan dan kebenaran.

Jangan pula wujud tembok pemisah yang tinggi lagi tebal di antara jamaah sehingga masing-masing tidak tegur menegur, apatah lagi untuk nasihat menasihati.

Ketujuh: Menyertai Jamaah Bukan Satu Kemestian.

Apabila berbicara tentang jamaah, akan ditemui sebahagian umat Islam yang tidak menyertai mana-mana

jamaah. Terdapat beberapa sebab di sebalik tindakan ini:

1. Mereka berpendapat pandangan yang melarang berbilang jamaah adalah pandangan yang kuat (rajih) sehingga dengan itu mereka menahan diri daripada menyertai mana-mana jamaah.
2. Mereka tidak menemui mana-mana jamaah yang memiliki adab-adab berjamaah yang baik. Maka dengan itu mereka tidak menyertai mana-mana jamaah.
3. Mereka pernah menyertai satu atau lebih jamaah dan mendapati jamaah-jamaah tersebut tidak memiliki adab-adab berjamaah yang baik. Maka dengan itu mereka keluar dan berhenti daripada menyertai mana-mana jamaah.
4. Mereka berpandangan usaha demi kebaikan agama dan manusia dapat dicapai secara lebih berkesan tanpa menyertai mana-mana jamaah.

Di antara yang menyertai jamaah dan yang tidak menyertai, perlu wujud sikap saling menghormati antara satu sama lain. Tidak boleh satu pihak mencerca atau memandang rendah pihak yang lain. Ini kerana yang diwajibkan oleh agama ialah berjamaah – yakni bersatu – manakala menyertai jamaah hanya satu pilihan yang terbuka kepada kecenderungan masing-masing.

Mewajibkan setiap individu menyertai jamaah bererti mensyari'atkan satu hukum agama yang baru dan ini adalah salah satu perkara yang mencemari kemurnian tauhid (lihat Pencemaran # 10).

Demikian tujuh adab berjamaah yang perlu diperhatikan oleh para ahli jamaah dan mereka yang berhajat menyertai jamaah.

Nasihat Kepada Para Pelajar.

Memandangkan kebanyakan yang menyertai jamaah-jamaah ialah para pelajar institut pengajian tinggi, saya ingin merebut peluang ini untuk berkongsi dua nasihat.

1. Tujuan anda di institut pengajian tinggi ialah menuntut ilmu dalam jurusan masing-masing. Maka fokus anda ialah menuntut ilmu hingga lulus cemerlang. Jangan berlebih-lebihan dalam aktiviti jamaah hingga terganggu aktiviti pembelajaran anda. Ingat! Jurusan yang sedang anda pelajari itu adalah juga penting demi kebaikan agama dan manusia. Justeru bahagilah masa dan tenaga secara adil antara pembelajaran dan aktiviti jamaah.
2. Sama ada menyertai jamaah atau tidak, berusaha

demi kebaikan agama dan manusia adalah sesuatu yang dituntut ke atas kita sepanjang hidup. Oleh itu jangan sekadar bergiat aktif ketika di institut pengajian tinggi tetapi kemudian mengabaikannya setelah tamat pengajian. Sebaliknya hendaklah sentiasa berusaha sehingga ke akhir hayat. Agama Islam dan manusia, sama ada yang muslim atau bukan muslim, amat memerlukan anda.

Pencemaran # 13

Menetapkan Keberkatan Tanpa Dalil.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Maha Berkat (Allah) Tuhan yang di Tangan-Nya terdapat pemerintahan; dan memanglah Dia

Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. [al-Mulk 67:01]

Dalam ayat di atas yang lazim dibaca oleh kita semua, Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menyifatkan dirinya sebagai Tabaraka yang bererti "Maha Berkat" atau "Yang memberi keberkatan". Sifat ini diulangi oleh Allah Tabaraka wa Ta'ala dalam beberapa ayat lain seperti Ibrahim 14:54, al-Mukminun 23:12-14, al-Furqan 25:01, 10 dan 61, al-Zukhruf 43:85 dan al-Rahman 55:78.

Keberkatan berasal dari perkataan Arab al-Barakah yang bererti kebaikan, keutamaan dan nikmat yang berkekalan lagi melimpah-limpah. Semua pengertian di atas yang sinonim dengan maksud al-Barakah yang merupakan milik Allah jua. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Di Tangan Engkaulah (Allah) segala kebaikan.
Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap
sesuatu. [‘Ali Imran 3:26]

Katakanlah: "Sesungguhnya keutamaan itu
adalah di Tangan Allah, diberikan-Nya kepada
sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah Maha Luas
limpah kurnia-Nya, lagi Meliputi pengetahuan-Nya."

[‘Ali Imran 3:73]

Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kamu nikmat-nikmat-Nya yang zahir dan yang batin? [Luqman 31:20]

Tinjauan terhadap ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa:

1. al-Barakah, iaitu kebaikan, keutamaan dan nikmat yang berkekalan lagi melimpah-limpah adalah milik Allah Subhanahu wa Ta'ala sahaja.
2. Hanya Allah yang memiliki sifat Tabaraka, iaitu yang Maha Berkat lagi memberikan keberkatan kepada seseorang atau sesuatu benda, waktu, tempat dan amalan yang dikehendaki-Nya.
3. Manusia tidak boleh menetapkan keberkatan terhadap seseorang atau sesuatu benda, waktu, tempat dan amalan melainkan dengan dalil al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Jika manusia menetapkan keberkatan tanpa dalil, dia mencemari kemurnian tauhidnya kerana meletakkan dirinya sejajar dengan Allah sebagai Tabaraka.

Oleh itu di antara ciri aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah tidak boleh mengambil berkat daripada individu, benda, waktu, tempat dan amalan melainkan berdasarkan dalil yang sahih lagi jelas. Ini kerana keberkatan itu adalah milik Allah dan Allah mengkhuskannya kepada siapa dan apa yang dikehendaki-Nya. Tiada jalan untuk manusia mengetahui kepada siapa dan apa Allah mengkhuskakan keberkatan tersebut melainkan melalui petunjuk dalil yang sahih lagi jelas.⁷⁵

Beberapa Contoh Keberkatan Yang Berdasarkan Dalil.

Pada kesempatan ini, saya akan huraikan secara ringkas beberapa contoh keberkatan yang berdasarkan dalil. Ia dibahagikan mengikut katagori seperti individu, benda, waktu, tempat dan amalan.

Keberkatan Individu.

Contoh keberkatan individu yang terbaik adalah pada diri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Terdapat

⁷⁵ Ciri ini telah saya kemukakan dalam buku *Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Jahabersa, Johor Bahru), ms. 129.

banyak dalil al-Qur'an yang menerangkan kelebihan, keutamaan dan kebaikan baginda. Salah satu daripadanya adalah firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad); Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. [al-Ahzab 33:56]

Ada pun selain Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, maka keberkatan terdapat pada orang-orang besar seperti ibubapa, orang-orang yang lebih tua dan para ulama'. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

الْبِرْكَةُ مَعَ أَكْبَرِكُمْ.

Keberkatan bersama orang-orang besar kalian.⁷⁶

Para ulama' yang diberkati tidak diukur pada saiz

⁷⁶ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani *al-Mu'jam al-Ausath*, hadis no: 8991 dan dinilai sahih oleh Muhy al-Din Mastu dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *al-Tarhib wa al-Tarhib li al-Munziri*, hadis no: 166 (*Kitab al-'Ilm, Bab anjuran memuliakan ulama'...*).

serban, gelaran, jumlah pengikut mahu pun ijazahnya, tetapi diukur pada peranannya dalam mewarisi sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan menyampaikannya. Ini kerana ulama' yang diiktiraf oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam hanyalah mereka yang mewarisi sunnah baginda, tidak selainnya. Baginda bersabda:

وإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا
دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ.

Sesungguhnya para ulama' adalah waris para Nabi. Sesungguhnya para Nabi tidak mewariskan dinar atau dirham, akan tetapi (mereka) mewariskan ilmu. Maka sesiapa yang mengambilnya (ilmu para Nabi), dia telah mengambil bahagian yang melimpah (manfaatnya).⁷⁷

Keberkatan Benda.

Di antara benda yang diberkati ialah kitab al-Qur'an al-Karim, dimana ia adalah Kalam Allah. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

⁷⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Abu Daud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, hadis no: 3641 (*Kitab al-'Ilm, Bab anjuran menuntut ilmu*).

Dan ini ialah Kitab (Al-Quran) yang Kami turunkan, yang mengandung berkat ... [al-An'aam 6:92]

Termasuk benda yang diberkati ialah air Zamzam. Terdapat banyak hadis yang menerangkan keberkatannya, salah satu daripadanya:

خَيْرُ مَاءٍ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَاءُ زَمْزَمٍ.

Sebaik-baik air di mukabumi adalah air Zamzam.⁷⁸

Keberkatan Waktu.

Dalam kategori ini terdapat banyak petunjuk al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berkenaan waktu yang diberkati. Di antaranya:

- Keberkatan saat tertentu dalam sehari, seperti waktu satu per tiga terakhir malam untuk berqiamullail dan sebelum naik fajar untuk bersahur (bagi yang berpuasa).

⁷⁸ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Thabarani dalam *al-Mu'jam al-Ausath*, hadis no: 3912 dan *al-Mu'jam al-Kabir*, jld. 11, ms. 98, hadis no: 11167 dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih al-Jami' al-Shagheir*, hadis no: 3322.

- Keberkatan hari tertentu dalam seminggu seperti hari Jumaat, Isnin dan Khamis.
- Keberkatan hari tertentu dalam sebulan, seperti al-Ayyam al-Bidh, iaitu pada 13, 14, 15 hb bagi setiap bulan.
- Keberkatan hari tertentu dalam setahun seperti Hari Raya Aidil Fitri, sepuluh hari pertama di bulan Zulhijjah yang termasuk dalamnya hari Arafah dan Hari Raya Korban, tiga hari-hari Tasyriq, hari Asyura (10hb Muharram), malam Nisfu Sya'ban dan malam Lailatul Qadr.
- Keberkatan bulan tertentu dalam setahun seperti bulan Ramadhan dan bulan-bulan Haram (Zulqaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab).

Kesemuanya memiliki dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih.⁷⁹

Keberkatan Tempat.

Tempat-tempat yang diberkati ialah Mekah,

⁷⁹ Terlalu banyak untuk disenaraikan dalam risalah ini. Sila rujuk buku *al-Tabarruk: 'Anwa'uhu wa Ahkamuhu* oleh Dr. Nashir bin 'Abd al-Rahman al-Juda'i (edisi terjemahan atas judul *Amalan dan Waktu Yang Diberkati*; Pustaka Ibnu Katsir, Bogor, 2004).

Madinah dan bumi Syam. Berkenaan Mekah, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Mekah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia. [‘Ali Imran 3:96]

Berkenaan Madinah, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

المَدِينَةُ كَالْكَبِيرِ تَنْفِي خَبَثَهَا وَيَنْصَعُ طَيِّبُهَا.

Sesungguhnya Madinah adalah seumpama alat peniup api seorang tukang besi, ia mengeluarkan yang tidak baik dan membiarkan yang baik.⁸⁰

Berkenaan bumi Syam yang sekarang ini terdiri dari negara Palestin, Lubnan, Syria dan Jordan, Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

طُوبَى لِلشَّامِ. فَعُلْنَا: لَأَيُّ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ:
لَأَنَّ مَلَائِكَةَ الرَّحْمَنِ بَاسِطَةٌ أَجْنَحَتَهَا عَلَيْهَا.

“Beruntunglah bumi Syam.” Kami (para

⁸⁰ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1883 (*Kitab al-Haj, Bab Madinah mengeluarkan yang tidak baik*).

sahabat) bertanya: “Kenapa sedemikian wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “Kerana para malaikat al-Rahman membentangkan sayap-sayapnya kepada Syam.”⁸¹

Termasuk tempat-tempat yang diberkati adalah Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid Nabi di Madinah. Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ وَصَلَاةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ مِنْ مِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ.

Solat di masjidku (Madinah) lebih utama dari seribu solat di masjid lain kecuali Masjid al-Haram (Mekah). Solat di Masjid al-Haram lebih utama dari seratus ribu solat di masjid lain.⁸²

Termasuk dalam Masjid Nabi sekarang ini adalah ruang antara kamar A'isyah radhiallahu 'anha dan mimbar Rasulullah:

⁸¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Tirmizi dalam *Sunannya*, hadis no: 3954 (*Kitab al-Manaqib, Bab keutamaan Syam dan Yaman*) dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Takhrij Ahadits Fadha'il al-Syam wa Dimasyq* (Maktabah al-Ma'arif, Riyadh, 2000), hadis no: 01.

⁸² **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Mahmud Muhammad Mahmud dalam semakannya ke atas *Sunan Ibn Majah*, hadis no: 1406 (*Kitab Iqamah al-Solah... Bab berkenaan keutamaan solat di Masjid al-Haram dan Masjid Nabi*).

مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمِنْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

Apa yang terdapat di antara rumahku dan dan mimbarku adalah satu taman dari taman-taman surga.⁸³

Masjid al-Aqsa di Palestin dan Masjid Quba di Madinah adalah dua tempat yang turut diberkati. Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman:

Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya. [al-Isra' 17:01]

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ خَرَجَ حَتَّى يَأْتِيَ هَذَا الْمَسْجِدَ يَعْنِي مَسْجِدَ
قُبَاءٍ فَيُصَلِّيَ فِيهِ كَانَ كَعَدَلِ عُمْرَةٍ.

Sesiapa keluar hingga datang ke masjid ini, yakni Masjid Quba' lalu bersolat di dalamnya maka

⁸³ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Shahihnya*, hadis no: 1195 (*Kitab al-Jumu'ah, Bab keutamaan apa yang berada di antara...*).

itu setara dengan pahala umrah.⁸⁴

Keberkatan Amalan.

Keberkatan kategori ini terbahagi kepada dua:

- Amal Ibadah seperti menyempurnakan wudhu', solat berjamaah, solat pada awal waktu, berzikir, berpuasa sunat dan banyak lagi.
- Amal Kehidupan seperti akhlak yang baik, berbakti kepada orang tua, peniaga yang jujur dan banyak lagi.⁸⁵

Demikian secara ringkas beberapa keberkatan yang

⁸⁴ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan dinilai *shahih bi syawahid* oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka ke atas *Musnad Ahmad*, hadis no: 15981 (*Musnad al-Makkiyyin, Hadis Sahl bin Hanif*).

⁸⁵ al-Hafiz al-Dimyathi *rahimahullah* (705H) telah menyusun sebuah kitab yang baik berkenaan kedua-dua kategori amalan di atas berjudul *al-Matjar al-Rabih fi Tsawab al-'Amal al-Shalih*. Syaikh Zakaria bin Ghulam al-Bakistani telah menyemak hadis-hadisnya dan menyusun semula dalam dua kitab yang berasingan: *Shahih al-Matjar al-Rabih* dan *Dha'if al-Matjar al-Rabih*, kedua-duanya diterbitkan oleh Dar Ibn Hazm, Beirut, 2001.

Kitab al-Hafiz al-Dimyathi ini telah diterjemah oleh Juhail Maizar atas judul *Hidup Penuh Pahala: Ensiklopedia Aktivitas Seharian Berpahala* yang diterbitkan oleh Maghfirah Pustaka, Jakarta, 2006. Dalam terbitan ini, sebahagian besar hadis disertakan penerangan darjatnya di bahagian notakaki.

berdasarkan dalil mengikut kategori individu, benda, waktu, tempat dan amalan. Sebelum diteruskan, ingin digariskan beberapa perkara:

- Pertama: Dalil-dalil yang digunakan untuk menetapkan keberkatan tidak semestinya menggunakan istilah al-Barakah. Asalkan dalil tersebut menyebut sesuatu kebaikan, kelebihan dan keutamaan, maka ia masuk dalam kategori keberkatan.
- Kedua: Hadis-hadis yang digunakan sebagai dalil keberkatan hendaklah terdiri dari darjat sahih atau hasan. Tidak boleh menggunakan hadis-hadis yang lemah atau yang tidak diketahui darjatnya. Ini kerana apabila kita hendak menetapkan keberkatan, kita sebenarnya bermaksud mengatakan bahawa Allah telah menetapkan keberkatan-Nya pada seseorang atau sesuatu. Sudah tentu kita tidak menyandarkan sesuatu kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan menggunakan hadis yang lemah atau yang tidak diketahui darjatnya.
- Ketiga: Keberkatan bukan sahaja ditetapkan oleh dalil, tetapi juga diraih dengan cara yang ditetapkan oleh dalil. Keberkatan pada seseorang

atau sesuatu benda, waktu, tempat dan amalan tidak boleh diraih dengan sesuka hati. Sebagai contoh, keberkatan pada hari Jumaat bukanlah dengan membaca surah Yasin pada malamnya kerana hadis: "Sesiapa membaca surah Yasin pada malam Jumaat diampunkan dosanya" adalah sangat lemah darjatnya.⁸⁶

Sebaliknya keberkatan pada hari Jumaat diraih dengan membaca surah al-Kahf, sebagaimana sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

إِنَّ مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ
مِنْ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ.

Sesungguhnya sesiapa yang membaca surah al-Kahf pada hari Jumaat maka diberikan kepadanya cahaya di antara dua Jumaat.⁸⁷ Salah seorang sahabat Rasulullah, Abu Sa'id al-Khudri radhiallahu 'anh berpendapat dianjurkan

⁸⁶ **Dhaif Jiddan:** Dikeluarkan oleh al-Ashbahani dan sanadnya dinilai *dhaif jiddan* (amat lemah) oleh Zakaria bin Ghulam al-Bakistani *Dha'if al-Matjar al-Rabih*, hadis no: 171.

⁸⁷ **Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, hadis no: 3392 (*Kitab al-Tafsir, Bab tafsir surah al-Kahf*) dan ia dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Irwa al-Galil*, hadis no: 626.

juga membaca surah al-Kahf pada malam Jumaat.⁸⁸

Beberapa Contoh Menetapkan Keberkatan Tanpa Dalil.

Amalan mengambil berkat (al-Tabarruk) adalah sesuatu yang masyhur di kalangan masyarakat. Ramai yang menetapkan keberkatan kepada seseorang dan sesuatu tanpa memiliki dalil di sebaliknya. Berikut dikemukakan beberapa contoh, agar kita dapat mengambil iktibar darinya dan menghindarkan diri darinya seandai terlibat sama.

Contoh Dalam Kategori Individu.

Terlalu mudah dalam menetapkan keberkatan kepada semua ulama' adalah contoh terbaik dalam kategori ini. Menjadi ulama' tidak secara automatik menjadi pewaris Nabi yang diberkati. Para ulama' itu sendiri terbahagi kepada dua kategori:

1. Mereka yang jelas diketahui bersungguh-sungguh

⁸⁸ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh al-Darimi dan sanadnya dinilai sahih oleh Husain Salim Asad dalam semakannya ke atas *Musnad al-Darimi*, hadis no: 3450 (*Kitab Fadhail al-Qur'an, Bab berkenaan keutamaan surah al-Kahf*).

untuk berpegang kepada sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Mereka mudah dikenali melalui hadis-hadis sahih yang sentiasa memenuhi majlis ilmu atau penulisan mereka. Akan tetapi dalam beberapa kes terpencil, mereka tersilap sama ada kerana jahil, lupa atau keliru. Ulama' dalam kategori ini adalah apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah dalam hadis baginda sebagai "Sesungguhnya para ulama' adalah waris para Nabi." Terhadap para ulama' seperti ini, dibolehkan mengambil berkat daripada mereka. Pada waktu yang sama hendaklah ditegur dan diperbetulkan kesilapan mereka dengan cara yang hikmah dan tersembunyi.

2. Mereka yang jelas diketahui bersungguh-sungguh untuk menyelisihi sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Mereka mudah dikenali melalui petua-petua, zikir-zikir dan amalan-amalan tersendiri yang memenuhi majlis ilmu dan penulisan mereka. Mereka lazim mengenyahkan sunnah yang sahih, berdalil dengan ayat-ayat al-Qur'an yang umum, berhujah dengan sunnah yang tidak diketahui asal-usulnya dan mencipta sunnah tersendiri. Ulama' dalam kategori ini bukan pewaris

para Nabi. Tidak boleh mengambil berkat dari mereka, bahkan hendaklah diberi amaran kepada orang ramai akan bahaya ajaran mereka.

Contoh Dalam Kategori Benda.

Biji tasbih, tikar sejadah dan alas tempat sujud, khasnya yang sebelum itu digunakan oleh orang yang dianggap shalih, adalah contoh benda yang dianggap berkat tanpa dalil dalam kategori ini.

Contoh Dalam Kategori Waktu.

Setiap tahun pada 29 Zulhijjah, selepas solat Asar diadakan majlis membaca doa akhir tahun. Kemudian sesudah Maghrib diadakan majlis membaca doa awal tahun sempena Maal Hijrah pada keesokan harinya (1 Muharram). Di sebahagian tempat waktu antara Asar dan Maghrib diisi dengan bacaan surah Yasin dan zikir-zikir tertentu. Semua ini atas anggapan waktu tersebut memiliki suatu kebaikan, kelebihan dan keutamaan hingga patut diraih manfaat darinya.

Contoh lain menetapkan keberkatan pada waktu tanpa dalil ialah membuat majlis zikir dan bacaan al-

Qur'an sempena ulang tahun kelahiran atau kematian seseorang.

Contoh Dalam Kategori Tempat.

Di antaranya, menetapkan keberkatan pada kubur seseorang, khasnya orang-orang yang dianggap shalih dan memiliki kekeramatan. Dengan penetapan ini, kubur orang tersebut dijadikan tempat ibadah seperti solat, iktikaf, membaca al-Qur'an, zikir dan doa.

Menjadikan kubur sebagai tempat ibadah, sama ada atas faktor keberkatan atau selainnya, telah dilarang keras oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

وَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ كَانُوا يَتَّخِذُونَ قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ
وَصَالِحِيهِمْ مَسَاجِدَ إِلَّا قَلًا تَتَّخِذُوا الْقُبُورَ مَسَاجِدَ إِنِّي
أُنهَأَكُم عَنْ ذَلِكَ.

Sesungguhnya orang-orang sebelum kalian telah menjadikan kubur para nabi mereka dan orang-orang shalih mereka sebagai masjid. Ingatlah! Jangan menjadikan kubur sebagai masjid. Sesungguhnya aku melarangkan kalian dari

melakukan sedemikian.⁸⁹

وَأَعْلَمُوا أَنَّ شِرَارَ النَّاسِ الَّذِينَ يَتَّخِذُونَ الْقُبُورَ
مَسَاجِدَ.

Ketahuiilah bahawa seburuk-buruk manusia adalah mereka yang menjadikan kubur sebagai masjid.⁹⁰

Pada satu ketika beberapa isteri Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bercerita tentang pengalaman mereka melihat sebuah gereja di Habsyah yang memiliki lukisan gambar di dalamnya. Mendengar yang sedemikian, Rasulullah bersabda:

إِنَّ أَوْلِيكَ إِذَا كَانَ فِيهِمُ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنَوَا
عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّورَ أَوْلِيكَ
شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Sesungguhnya mereka itu adalah orang-orang yang apabila di kalangan mereka berlaku kematian seorang lelaki yang shalih, mereka akan membina masjid di atas kuburnya dan menghiasinya dengan

⁸⁹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 532 (*Kitab al-Masajid, Bab larangan membina masjid di atas kubur...*).

⁹⁰ **Sanad Sahih:** Dikeluarkan oleh Ahmad dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan dalam semakan mereka terhadap *Musnad Ahmad*, hadis no: 1691 (*Musnad al-'Asyarah al-Mubasyirin bi al-Jannah, Hadis Abi 'Ubaidah bin al-Jarh*).

gambar-gambar sedemikian. Orang-orang itu adalah seburuk-buruk makhluk di sisi Allah pada Hari Kiamat.⁹¹

Larangan menjadikan kubur sebagai masjid memiliki dua maksud:

1. Membina masjid di atas kubur, tanpa mengira sama ada masjid tersebut dihadiri oleh orang beribadah di dalamnya atau tidak.
2. Melakukan ibadah yang lazim dilakukan dalam masjid di atas kubur, tanpa mengira sama ada dibina masjid di atas kubur atau tidak. Ibadah yang dimaksudkan ialah solat, iktikaf, membaca al-Qur'an, zikir, selawat dan doa, kecuali beberapa doa yang sabit diajar oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ketika menziarah kubur.

Kedua-dua perbuatan di atas telah dilarang tegas oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Baginda menyifatkan mereka yang melakukannya sebagai seburuk-buruk manusia. Oleh itu kubur bukanlah tempat beribadah dan bukan juga tempat yang memiliki keberkatan. Sunnah Rasulullah dalam menganjurkan ziarah kubur adalah

⁹¹ **Sahih:** Dikeluarkan oleh Muslim dalam *Shahihnya*, hadis no: 528 (*Kitab al-Masajid, Bab larangan membina masjid di atas kubur...*).

supaya penziarahnya mendapat manfaat dari sudut melembutkan hati dan mengingatkan kematian.⁹²

Demikian beberapa contoh amalan mengambil keberkatan terhadap seseorang atau sesuatu tanpa memiliki dalil yang menetapkan keberkatan tersebut. Dari satu sudut, subjek keberkatan ini kelihatan kecil remeh. Akan tetapi dari pelbagai sudut yang lain, ia adalah subjek yang besar kerana keberkatan itu adalah milik Allah dan hanya Allah yang berhak menetapkannya kepada sesiapa atau sesuatu yang dikehendaki-Nya:

Dan Maha Berkat (Allah) yang menguasai langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya; dan Dia-lah jua yang mengetahui tentang Hari Kiamat; dan kepada-Nya kamu semua akan

⁹² Pengecualian adalah terhadap masjid Nabi di Madinah dimana pada masa kini kubur Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, Abu Bakar dan 'Umar *radhiallahu 'anhuma* terdapat di dalamnya. Pada asalnya kubur mereka bertiga terletak dalam kamar A'isyah *radhiallahu 'anha*, di luar masjid. Akan tetapi pada zaman pemerintah al-Walid bin 'Abd al-Malik antara 86H hingga 96H, masjid Nabi telah diperluaskan sehingga merangkumi kubur mereka bertiga. Tujuan perluasan adalah untuk menampung jumlah umat Islam yang semakin ramai pada zaman itu. Terhadap hal ini, ia dikecualikan kerana termasuk dalam sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

dikembalikan. [al-Zukhruf 43:85]

Luqman Mendahulukan Pendidikan Tauhid Kepada Anaknya.

Apabila Luqman⁹³ mendidik anaknya, yang

⁹³ Siapakah Luqman? Berkata Ibn Katsir: “(Para tokoh) generasi awal berbeza pendapat berkenaan Luqman, adakah beliau seorang Nabi atau seorang hamba shalih yang bukan nabi? Di antara dua pendapat ini, kebanyakan mereka cenderung kepada yang kedua (yakni seorang hamba shalih, bukan seorang nabi).” [*Tafsir Ibn Katsir*, (edisi Cdrom *The Holy Qur'an* v6.31; tafsir kepada ayat 12 surah Luqman)] Al-Qur'an dalam persoalan ini bersikap diam, kecuali sekadar menerangkan bahawa Luqman adalah seorang yang telah dikurniakan kebijaksanaan oleh Allah

diberikan prioriti bukanlah hukum-hukum fiqh akan tetapi adalah ilmu tauhid. Prioriti ini diterangkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: "Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibubapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang

Subhanahu wa Ta'ala. Firman Allah:

Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepada Luqman, hikmat kebijaksanaan, (serta Kami perintahkan kepadanya): Bersyukurlah kepada Allah (akan segala nikmatNya kepadamu. [Luqman 31:12]

Apa yang tidak diterangkan oleh Allah dan Rasul-Nya, bererti ia tidak penting untuk diketahui oleh umat Islam. Maka tidak perlu kita membazir masa dan tenaga untuk mengkaji lebih dalam tentang persoalan ini atau apa-apa yang seumpama. Lebih lanjut, rujuk buku saya *Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2005.

demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan dengan-Ku sesuatu yang engkau - dengan fikiran sehatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepada-Ku. Kemudian kepada Aku-lah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya jika ada sesuatu perkara (yang baik atau yang buruk) sekalipun seberat biji sawi, serta ia tersembunyi di dalam batu besar atau di langit atau pun di bumi, sudah tetap akan dibawa oleh Allah (untuk dihakimi dan dibalas-Nya); kerana sesungguhnya Allah Maha Halus pengetahuan-Nya; lagi Amat Meliputi akan segala yang tersembunyi.

Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang

mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai." [Luqman 31:13-19]

Berdasarkan ayat 13 hingga 19 di atas, prioriti pendidikan Luqman terhadap anaknya dapat disenaraikan seperti berikut:

1. Ilmu tauhid.
2. Kedudukan ibubapa dan kewajipan berbuat baik kepada mereka.⁹⁴
3. Ilmu fiqh, diisyaratkan dengan suruhan untuk

⁹⁴ *Alhamdulillah* saya memiliki buku yang khas dalam subjek ini, berjudul *Wahai Ibu! Wahai Ayah!* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

mendirikan solat.

4. Melakukan amar ma'ruf dan nahi mungkar.
5. Ilmu akhlak.

Prioriti yang hampir sama dilaksanakan oleh Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam. Perkara pertama yang baginda sampaikan dalam dakwah Islam ialah ilmu tauhid. Selama 13 tahun di Mekah, baginda menekankan ilmu tauhid di atas segala yang lain. Hanya selepas berhijrah ke Madinah, baginda memberi tumpuan kepada ilmu fiqh seperti wudhu', solat dan sebagainya.

Sayang sekali prioriti ini tidak lagi diikuti oleh kebanyakan umat Islam masa kini. Ilmu fiqh diberi prioriti yang sebegitu besar sehingga seolah-olah itu sahaja yang perlu diketahui. Kebanyakan kuliah agama mengajar ilmu fiqh, buku yang laris di pasaran adalah dalam subjek Fardhu 'Ain dan perbincangan agama sesama rakan lebih tertumpu kepada persoalan jenis-jenis air dan perkara yang membatalkan solat. Seheinggakan apabila terdapat rakan yang berminat untuk memeluk Islam, isu pertama yang didakwah kepadanya ialah mensunat kemaluan dan memakai tudung. Ilmu tauhid, hak ibubapa, kepentingan amar ma'ruf dan nahi 'an mungkar serta ilmu akhlak

diabaikan.⁹⁵

Tanpa disedari, kemantapan di dalam ilmu fiqh tidak akan bermanfaat jika kemantapan di dalam ilmu tauhid terabai. Ini kerana pencemaran kemurnian tauhid yang dilakukan dengan sengaja akan menggugurkan segala amalan yang dilaksanakan, sekalipun amalan tersebut adalah betul dari sudut ilmu fiqh. Allah Subhanahu wa Ta'ala menegaskan:

Dan sesungguhnya telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan kepada Nabi-nabi yang terdahulu daripadamu: "Demi sesungguhnya! Jika engkau mempersekutukan (sesuatu yang lain dengan Allah) tentulah akan gugur amalan kamu, dan engkau akan tetap menjadi dari orang-orang yang rugi." [al-Zumar 39:65]

Dengan itu marilah kita semua mengubah prioriti dalam menuntut ilmu-ilmu agama. Kuliah-kuliah, buku-buku dan perbincangan dalam subjek ilmu tauhid

⁹⁵ *Amar ma'ruf dan nahi 'an mungkar* pada masa kini bukan sahaja diabaikan tetapi digugurkan daripada syari'at Islam atas alasan "Hak Asasi Manusia". Sila rujuk artikel saya *Enforcing Public Morality: Satu Analisa Ke Atas Kertas Kerja Zainah Anwar (Sisters in Islam)* dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah (Buku 4)* terbitan Jahabersa, Johor Bahru, 2006.

hendaklah diutamakan berbanding ilmu-ilmu yang lain. Diharapkan buku ini menjadi langkah yang pertama dalam perubahan prioriti tersebut. Tentu sahaja, pengajian dalam subjek ilmu tauhid hendaklah diperluaskan kepada sumber-sumber yang lain, dengan syarat sumber tersebut membicarakannya berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih berdasarkan kefahaman para sahabat radhiallahu 'anhum.

Lain-Lain Buku oleh Hafiz Firdaus Abdullah

(Boleh dipesan terus dari Jahabersa di nombor 07-2351602)

(Boleh juga dirujuk dalam bentuk e-book atau muat turun di
www.hafizfirdaus.com)

Marilah Mendirikan Sembahyang.

Jahabersa, 2000

Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam.

Edisi Pertama: Jahabersa 2000

Edisi Kedua: Jahabersa 2004.

Edisi Ketiga: Jahabersa 2008.

Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan.

Jahabersa, 2000, 2005.

Solat Tarawikh: Satu Perbahasan Ke Atas Fatwa Yang Menetapkannya kepada 20 Rakaat.

Jahabersa, 2000

20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawapannya.

Jahabersa, 2002, 2005.

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Yang Saling Bercanggah.

Jahabersa, 2002

Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil.

Jahabersa, 2003

**Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah
Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian
Zamihan Mat Zin al-Ghari.**
Jahabersa, 2003, 2004.

Apakah Jihad Di Jalan Allah?

**Buku 1: Definisi, Kepentingan dan Kemuliaan
Jihad.**

Jahabersa, 2003

Buku 2: Hukum dan Syarat-Syaratnya.

Jahabersa, 2004

**Jawapan Ahl al-Sunnah kepada Syi'ah al-Rafidhah dalam
Persoalan Khalifah.**

**Siri Pertama: Definisi Syi'ah al-Rafidhah, Sejarah
Kelahiran Syi'ah al-Rafidhah dan 5 Strategi Asas
Syi'ah al-Rafidhah Dalam Berhujah.**

Jahabersa, 2004

**Siri Kedua: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada Ayat-
Ayat Al-Qur'an Yang Dijadikan Hujah Oleh
Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**

Jahabersa, 2004

**Siri Ketiga: Jawapan Ahl al-Sunnah Kepada
Hadis-Hadis Rasulullah Yang Dijadikan Hujah
Oleh Syi'ah Dalam Persoalan Khalifah.**

Jahabersa, 2005

**Siri Keempat: Jawapan Ahl al-Sunnah Berkenaan
Sejarah dan Keutamaan Para Sahabat.**

Jahabersa, 2005

Menelan Air Liur Tidak Membatalkan Puasa (Himpunan Risalah Berkenaan Puasa dan Permasalahannya)

Jahabersa, 2005

Edisi Baru: Amalan-Amalan Di Bulan Ramadhan.

Jahabersa, 2008

Marilah Berkenalan Dengan al-Qur'an.

Jahabersa, 2005, 2008.

Edisi terjemahan Inggeris: Let's Get Acquainted With Al-Qur'an.

Jahabersa, 2007.

Wahai Ibu! Wahai Ayah!

Jahabersa 2006, 2006, 2006, 2007, 2008.

Edisi Terjemahan Inggeris: Dear Mom & Dad.

Jahabersa 2008.

11 Perkara Yang Mencecari Kemurnian Tauhid

Jahabersa, 2006, 2006.

Edisi Baru: 13 Perkara Yang Mencecari Kemurnian Tauhid

Jahabersa 2008.

Mencari Rahmat Allah Di Sebalik Perbezaan Pendapat

Jahabersa, 2006.

Edisi Terjemahan Inggeris: Looking For Allah's Blessing Behind Differences of Opinion.

Jahabersa, 2007.

Marilah Berkenalan Dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

Jahabersa, 2007, 2007.

7 Tipu Daya Syaitan Ke Atas Umat Islam.

Jahabersa, 2007.

Membongkar Aliran Islam Liberal.

Jahabersa, 2007.

Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibn Taimiyyah.

(Ulasan kepada karya asal Syaikh Murad Syukri yang diterjemah oleh Ustaz Badrul Hisham bin Sulaiman).

Jahabersa, 2008.

Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah.

- **Buku 1** Jahabersa, 2004
- **Buku 2** Jahabersa, 2005
- **Buku 3** Jahabersa, 2005
- **Buku 4** Jahabersa, 2006
- **Buku 5** Jahabersa, 2007
- **Buku 6** Jahabersa, 2008

Berdakwah Melalui Penulisan Efektif.

Jahabersa, 2008.

Fiqh Harta: Satu Pengenalan.

Jahabersa, 2008.

Penulis anda, Hafiz Firdaus bin Abdullah lahir di Kuala Lumpur pada tahun 1971 dan mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John's Institution, Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pada tahun 1989 beliau menyertai Penerbangan Malaysia (*Malaysia Airlines*) sebagai seorang juruterbang.

Hafiz Firdaus mula menulis sejak tahun 1999. Manhaj beliau ialah mengkaji sesuatu topik daripada sumber khazanah ilmu tokoh-tokoh terdahulu lalu menyusun dan menyampaikannya dalam bentuk yang mudah lagi relevan dengan isu-isu terkini.

Ringkasnya, sesiapa jua yang memiliki manhaj mengkaji dan menganalisa dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu agama akan mendapati buku-buku Hafiz Firdaus sebagai sumber kajian dan analisa yang sesuai untuk mereka.